



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
Urusan Mesyuarat	(Halaman 3)
Cuti Kepada Ahli - Kebenaran	(Halaman 3)
UCAPAN TAKZIAH	
Atas Kembalinya Kerahmatullah Allahyarham Tun Omar Ong Yoke Lin	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
USUL PERDANA MENTERI:	
Mengutuk Serangan Kejam Tentera Rejim Zionis Israel Ke Atas Konvoi Kapal Membawa Bantuan Kemanusiaan Ke Gaza	(Halaman 17)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010	(Halaman 44)
Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010	(Halaman 65)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 15(3)	(Halaman 66)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Mengutuk Keganasan Israel Terhadap Rakyat Palestin Di Gaza - <i>Y.B. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin</i>	(Halaman 67)
Kesopanan dan Kesusilaan Dalam Rukun Negara - <i>Y.B. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî</i>	(Halaman 68)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim (Kelantan)
9. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
10. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
11. “ Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
12. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan I*
13. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik)
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. “ Datuk Maglin Dennis D'Cruz
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

33. Yang berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
44. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
45. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
55. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
56. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
57. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
59. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
60. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
62. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
64. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
65. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
66. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
67. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)

68. Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
69. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Isnin, 19 Julai 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan pagi ini untuk mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg... [Tepuk] sebagai Ahli Dewan Negara yang baru.

Sukacita saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa seperti mana kandungan lafaz ikrar angkat sumpah sebentar tadi, Yang Berhormat akan berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara. Iltizam ini adalah yang sewajarnya kerana ia merupakan titik tolak mengikut prinsip undang-undang (*rules of law*) bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata.

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Dewan, mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 2 Jun 2010:

1. Yang Berhormat Dato' Donald Lim Siang Chai
2. Yang Berhormat Tuan Gan Ping Siau @ Gan Ping Sieu
3. Yang Berhormat Datuk Maglin Dennis D'Cruz

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perdagangan Strategik 2010;
2. Akta Perlindungan Data Peribadi 2009;
3. Akta Perbekalan Tambahan (2009) 2010;
4. Akta Perbekalan Tambahan (2010) 2010;

■ 1010

5. Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010
6. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
7. Akta Institusi-institusi Pelajaran Tatatertib (Pindaan) 2010
8. Akta Persaingan 2010
9. Akta Suruhanjaya Persaingan 2010
10. Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010
11. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
12. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010
13. Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (Pindaan) 2010
14. Akta Kereta Api (Pindaan) 2010
15. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 Julai 2010

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010
2. Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010
3. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010

4. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Pindaan) 2010
6. Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010
7. Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2010
8. Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang disebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi, daripada 19 Julai hingga 3 Ogos 2010.

UCAPAN TAKZIAH

ATAS KEMBALINYA KERAHMATULLAH ALLAHYARHAM TUN OMAR ONG YOKE LIN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan kesalnya amat berdukacita dan sedih, ingin saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berbahagia Allahyarham Tun Omar Ong Yoke Lin, mantan Yang di-Pertua Dewan Negara daripada 1973 hingga 1980 telah kembali ke rahmatullah pada hari Khamis tanggal 1 Julai 2010 bersamaan 18 Rejab 1431 Hijrah. Allahyarham dikenali sebagai seorang pejuang kemerdekaan, bersifat patriotik dan merupakan individu penting di sebalik kejayaan mencapai kemerdekaan negara kita.

Beliau merupakan seorang tokoh negarawan yang banyak menyumbangkan jasa dan bakti kepada negara. Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada negara kita. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada balu Allahyarham, Yang Berbahagia Toh Puan Hajah Aishah Ong dan seluruh ahli keluarga beliau. Kita berdoa semoga Allah SWT akan mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan menempatkannya di kalangan roh-roh yang soleh.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun buat seketika, kepada yang beragama Islam diminta menghadaiahkan Al-Fatihah dan kepada yang bukan beragama Islam, bertafakur buat seketika. Terima kasih.

[Ahli-ahli beragama Islam membaca surah al-Fatihah]

[Ahli-ahli bukan beragama Islam bertafakur seketika]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi. Inilah julung-julung kalinya sesi ini dan kami semua mendoakan dan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat...
[Tepuk]

1. Datuk Maijol Mahap minta Perdana Menteri menyatakan, adakah rangkuman Gagasan 1Malaysia, Pelan Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah resipi yang boleh memacu dan menetapi inti pati Wawasan 2020.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan empat tunggak utama yang akan mendorong transformasi besar kepada ekonomi sosial dan juga pentadbiran kerajaan ke arah melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

Tunggak utama ini boleh diibaratkan sebagai sebuah rumah iaitu Gagasan 1Malaysia sebagai bumbungnya dan disokong oleh dua tiang utama iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang memperincikan perakuan dalam Model Baru Ekonomi. Manakala lantainya adalah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas. Setiap tunggak ini mempunyai objektif dan agenda yang jelas. Objektif utama Gagasan 1Malaysia adalah untuk menyatupadukan semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, stabil dan maju dalam segenap bidang.

Gagasan ini menggariskan lapan nilai tambahan yang perlu ada iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti. Gagasan 1Malaysia juga berpaksi kepada Perlembagaan Negara dan Rukun Negara serta menghayati dan mengambil kira prinsip keadilan sosial. Sejalan dengan Gagasan 1Malaysia, GTP pula merupakan satu program yang menggariskan objektif keberhasilan dan tindakan permulaan dalam enam bidang keberhasilan utama negara (NKRA) bagi memenuhi hasrat dan kehendak rakyat.

Perlulah saya nyatakan di sini bahawa Malaysia merupakan satu-satu negara di dunia yang cuba membuat perubahan melalui menggunakan metodologi KPI supaya segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan itu boleh dinilai secara terperinci menggunakan penilaian yang sangat objektif dan telus.

■ 1020

MBE pula Tuan Yang di-Pertua, merupakan model baru dibentuk bagi membolehkan negara mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan *inclusive* menjelang tahun 2020. MBE mengandungi lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) yang akan menjadi asas kepada langkah dasar yang relevan. MBE akan dicapai melalui ETP yang mengandungi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan pelan pembangunan ekonomi yang menjadi asas dan penggerak utama kepada GTP dan ETP. Rancangan Malaysia Kesepuluh telah mengambil kira lapan IPS di bawah MBE di samping enam NKRA di bawah GTP, serta 12 NKEA di bawah ETP.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ke arah menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, sumber bakat, teknologi dan inovasi serta peranan utama sektor swasta perlu digerakkan supaya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang lebih berkesan. Tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan produktiviti terutamanya menerusi usaha meningkatkan kemahiran membangunkan kluster perindustrian, menumpukan kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti nilai ditambah tinggi, serta meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Sektor-sektor yang diberi keutamaan adalah selaras dengan 12 NKEA seperti elektrik dan elektronik, pendidikan, pelancongan, minyak dan gas, perkhidmatan kewangan dan *Greater Kuala Lumpur*.

Tuan Yang di-Pertua, agenda transformasi yang komprehensif ini memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan daripada rakyat, sektor awam dan swasta. Dengan semangat 1Malaysia, kerajaan yakin melalui rangkuman Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi melalui Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas, *insya-Allah* matlamat Wawasan 2020 akan dapat dicapai.

Datuk Majid Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya gembira dan terharu kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha murni kerajaan untuk mentransformasikan negara kita adalah baik dan bertepatan kepada situasi kita. Satu usaha untuk menaikkan pendapatan negara, pendapatan rakyat dan menaikkan kualiti hidup rakyat. Pada masa yang sama kita juga sedar bahawa banyak cabaran yang kita hadapi, dan satu daripadanya ialah mengenai dengan ketidakseimbangan atau *imbalance development - regional imbalance*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Di antara negeri-negeri di Malaysia ini terutama sekali negeri-negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Kalau tiada yang luar biasa yang diambil oleh kerajaan, saya percaya dan saya nampak bahawa *regional imbalance* ini akan kekal di situ begitu lama.

Jadi pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, dalam keadaan begini bolehkah Sabah dan Sarawak akan turut sama-sama menikmati status negara maju pada tahun 2020, memandangkan hanya tinggal sepuluh tahun lagi daripada sekarang ini. Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita berdepan dengan cabaran pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah. Memandangkan hakikat ini maka melalui enam bidang NKRA yang saya telah sebutkan tadi, terutama sekali dari segi penyediaan prasarana dan pembangunan luar bandar, peruntukan yang jauh lebih besar telah disediakan untuk negeri Sarawak dan Sabah supaya dari segi pembangunan prasarana dapat mengimbangi apa yang telah pun dicapai di Semenanjung Malaysia.

Perkara ini memang kita sedari kerana keadaan semula jadi dan masalah perhubungan yang begitu kritikal di Sabah dan Sarawak, menyebabkan untuk kita sampai ke tempat pedalaman menelan belanja yang begitu besar. Namun demikian kerajaan percaya, dengan usaha-usaha yang kita telah dan sedang lakukan, terutama sekali peruntukan tambahan ini diberikan bahawa sedikit sebanyak perkara ini akan dapat dikurangkan. Walaupun secara total tentu sekali akan berlaku di mana-mana negara sekalipun di dunia, tentu ada kawasan yang lebih maju daripada kawasan yang lain, kerana kita tidak boleh mengatasi segala faktor yang menyebabkan kawasan tersebut kurang maju.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat iaitu, sejauh manakah agaknya aspek-aspek *psycho cultural*, akan diambil kira dalam usaha merealisasikan Gagasan 1Malaysia dalam Pelan Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Apa yang saya maksudkan dengan soalan itu Tuan Yang di-Pertua ialah, kira-kira 40 tahun yang lalu sewaktu Dasar Ekonomi Baru hendak dilancarkan, Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak telah melancarkannya serentak dengan Gerakan

Revolusi Mental. Gerakan Revolusi Mental ini saya anggap sebagai sebahagian daripada usaha-usaha *psycho culture* untuk merubah *mindset*, untuk merubah pemikiran kita keseluruhannya. Saya ingin tahu, sejauh manakah agaknya kerajaan akan mengambil kira aspek-aspek *psycho cultural*. ini dalam mencapai empat gagasan yang dikemukakan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang benar perubahan dari segi corak pemikiran dan perubahan yang disifatkan sebagai perubahan *psycho cultural*. Ini termasuk dari segi perubahan minda kita dan sistem nilai dan sikap adalah merupakan salah satu daripada dimensi yang amat penting. Ini juga merupakan sebahagian daripada pembangunan modal insan pada keseluruhan yang perlu kita lakukan, melalui sama ada sistem pendidikan kita dan juga melalui perubahan yang bersifat non-formal.

Juga dengan kita memberi penegasan tentang cara kita berfikir umpamanya dalam segi Gagasan 1Malaysia, untuk kita menjadikan negara kita lebih kukuh dari segi citra dan identiti kita, jati diri kita sebagai bangsa Malaysia. Ia lebih penting perubahan dari segi cara kita berfikir, bermula daripada toleran kepada penerimaan dan akhir sekali meraikan kepelbagaian sebagai satu aset untuk negara kita.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa ilham Wawasan 2020 dilontarkan oleh mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam satu dialog yang disiarkan oleh TV secara langsung, kebetulan saya mendengarnya Yang Amat Berbahagia Tun menyatakan dalam keadaan ekonomi sekarang, agak sukar untuk mencapai Wawasan 2020 tetapi masih ada caranya.

Soalan saya ialah, bagaimana kerajaan hendak menghadapi kesukaran tersebut dan adakah kerajaan tidak bercadang untuk meminta pandangan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir? Ini kerana apabila ditanya beliau bagaimanakah cara untuk melaksanakan ia kata, "*Saya bukan Perdana Menteri sekarang. Kalau diminta, saya boleh bagilah.*" Jadi soalan saya adakah kerajaan akan meminta nasihat Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir? Terima kasih.

■ 1030

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia menerima pendapat daripada semua pihak termasuk daripada Tun Dr. Mahathir sendiri. Saya faham bahawa apa yang dimaksudkan oleh Tun Dr. Mahathir bahawa kita mesti ambil kira dua faktor yang amat besar iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Umpamanya kalau faktor luaran begitu lemah seperti mana berlaku pada tahun 2009, dengan *global recession* yang dunia hadapi. Amat sukar bagi kita untuk mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi, tetapi tahun ini, *insya-Allah* nampaknya faktor luaran dan juga faktor dalaman, kedua-duanya kukuh.

Jadi sebab itulah kita mengandaikan, kita boleh mencapai minimum 6 peratus. Mengikut perkiraan kita, kalau kita dapat mencapai 6 peratus kadar pertumbuhan setiap tahun hinggalah tahun 2020, kita boleh mencapai status negara maju tetapi, kalaulah sesuatu berlaku luar daripada dugaan kita, katakanlah kalau ada krisis global sekali lagi yang berpanjangan, ini tentu akan membawa kesan yang buruk untuk kita mencapai matlamat dan impian kita, yakni Wawasan 2020.

Saya ingin menegaskan bahawa walaupun Wawasan 2020 telah diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir, tetapi kita sudah menerima ini sebagai suatu wawasan negara dan sesiapaupun selepasnya adalah komited untuk mencapai Wawasan 2020.

2. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, rangsangan dan galakan yang ditawarkan oleh kerajaan demi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi agar meningkatkan mutu barangan buatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum menjawab soalan itu, saya ada sedikit pengumuman. Saya mengalu-alukan kehadiran delegasi yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Cambodia, di bawah projek *United Nations Development Programme Sentiment Democracy Electoral Processes* (SDEP) ke Dewan yang mulia ini. Semoga kehadiran delegasi akan mengeratkan lagi hubungan akrab dan sahabat ASEAN Malaysia-Cambodia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dipertanggungjawabkan untuk menerajui program dan aktiviti penyelidikan dan inovasi, selaras dengan aspirasi pembangunan negara khususnya Model Ekonomi Baru untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Rangsangan dan galakan yang ditawarkan oleh kementerian yang sekali gus membantu meningkatkan mutu barangan Malaysia adalah dalam bentuk seperti berikut:

- (i) pemberian dana;
- (ii) pemberian inovasi atau dengan izin, *innovation support*; dan
- (iii) pembangunan modal insan.

MOSTI telah menyediakan 18 dana khusus untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dengan peruntukan sejumlah RM2.9 bilion bagi membiayai 4,474 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada jumlah ini, sebanyak 1,921 projek atau 44 peratus telah siap dengan 152 harta intelek yang telah difailkan atau didaftarkan. Sebanyak 352 projek ataupun 18 peratus daripada yang telah siap berjaya dikomersialkan dengan hasil penjualan nilai RM3.2 bilion. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 10,148 penerbitan saintifik telah dihasilkan iaitu 9,040 di peringkat negeri dan 1,108 di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi program dengan izin, *Innovation Support*, program ini ditumpukan kepada pengukuhan prasarana pengkomersialan dengan penyediaan platform pematangan perniagaan atau dengan izin, *business matching*, dengan kerjasama persatuan-persatuan perniagaan seperti *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM), Persatuan SME dan agensi-agensi MOSTI, khususnya SIRIM, MAEP, MTDC, TPM, MIMOS dan MDeC, ATSB dan inkubator-inkubator di Technology Park, Malaysia.

Kedua, pemindahan teknologi di mana MOSTI telah dapat membantu meningkatkan keupayaan dan produktiviti serta mutu yang dihasilkan oleh pihak industri atau *techno* usahawan tempatan. Salah satu contoh yang boleh diambil adalah menerusi projek TAPMOSTI@COMMUNITY, SIRIM Berhad seperti meningkatkan keupayaan industri, membuat barang teknologi seramik, tembikar dan kraf iaitu hidro *stone*, peningkatan teknologi pengolahan bahan terbuang kelapa sawit bagi baja organik dan teknologi penghasilan tenaga diperbaharui.

Ketiga, pelaksanaan projek pembangunan teknologi berkelompok atau *Technology Development Cluster* (TDC) oleh MTDC.

Keempat, mengadakan kerjasama dengan institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan pihak industri untuk memastikan hasil penyelidikan mampu dieksploitasi oleh pihak industri.

Kelima, melaksanakan dasar pengkomersialan harta intelek bagi projek-projek R&D yang dibiayai oleh kerajaan dan keenam, membangunkan standard Malaysia (MS), untuk meningkatkan mutu barangan Malaysia dan standard-standard ini dibangunkan dengan menggariskan keperluan keselamatan dan kualiti agar produk-produk yang dihasilkan itu, bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan modal insan, MOSTI akan terus memberi penekanan dengan Pembangunan Modal Insan (SCD) yang berteraskan *Innovation Led Economy* dengan izin, serta *techno* keusahawanan. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) menawarkan program LCD;

- (ii) melaksanakan program latihan pembangunan modal insan berasaskan ilmu pengetahuan;
- (iii) memperkukuhkan Program *Brain Gain* Malaysia; dan
- (iv) menyasarkan penyertaan sebanyak 1000 saintis, penyelidik dan inovator warganegara Malaysia atau asing di dalam atau luar negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara melalui jaringan saintis dengan izin, *scientist network* dan sekali gus menerajui program *Malaysia Innovative 2010* yang bertujuan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi ke dalam masyarakat bagi mewujudkan *innovative Malaysian*, dengan izin.

Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang begitu lengkap. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian sudah menyediakan banyak insentif dan program untuk aktiviti penyelidikan dan inovasi, tetapi kita perlukan rakyat dan warganegara yang berdaya inovatif dan juga kreatif.

Ini tidak akan muncul secara tiba-tiba kepada setiap individu. Kita perlukan sistem pendidikan yang begitu menggalakkan daya inovatif dan kreatif itu. Pada masa sekarang, kita dapati bahawa sistem pendidikan kita adalah terlalu *spoon feeding and rigid*. Jadi soalan tambahan saya ialah, adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memupuk dan menyemai daya kreatif dan inovatif di kalangan pelajar dan generasi muda. Sekian terima kasih.

■ 1040

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator Khoo. Perkara ini sememangnya adalah suatu yang tepat dan amalan yang kita sedia perakui. Berasaskan kepada itu, kita difahamkan di bawah NKRA pelajaran misalnya pendidikan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin telah mengambil perkara dan tajuk inovasi dan kreativiti sebagai satu perkara pokok yang perlu diterjemahkan ke dalam *syllabus* di peringkat Kementerian Pelajaran.

Maklumat lanjut boleh Yang Berhormat peroleh daripada pihak Kementerian Pelajaran tetapi di peringkat MOSTI, kami sedia maklum ini dan antara misalnya program yang kita laksanakan ialah telah kita menubuhkan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Ini bertujuan untuk bekerjasama dengan kementerian dan jabatan-jabatan untuk memastikan sifat berinovasi dan kreatif itu perlu disemai di semua peringkat. Tujuan Yayasan Inovasi Malaysia adalah bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran peringkat akar umbi untuk membuat latihan-latihan, pameran-pameran dan seterusnya, dari segi bertujuan membudayakan sifat inovasi dan kreativiti.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua pihak MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bertujuan untuk menubuhkan kelab-kelab inovasi di peringkat akar umbi walaupun di peringkat sekolah-sekolah rendah dah juga di kalangan rakyat biasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, oleh kerana antara ciri barangan buatan Malaysia adalah melibatkan perkara halal, apakah bajet yang telah diperuntukkan untuk membuat penyelidikan dan menghasilkan saintis yang khusus untuk menghasilkan barangan yang melibatkan halal hab? Juga apakah mekanisme yang telah digerakkan di peringkat kementerian bagi membantu kerajaan menjayakan program ataupun produk halal hab ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Perkara ini adalah perkara pokok bagi MOSTI. Pihak MOSTI telah terlibat secara langsung dalam pembentukan standard yang digunakan oleh negara dan baru-baru ini dalam pameran peringkat antarabangsa halal itu, kita telah melancarkan tidak kurang lima

program pembentukan standard yang boleh digunakan di peringkat antarabangsa. Dari segi pembentukan dan pertolongan ataupun memperbanyakkan lagi saintis-saintis yang menumpukan penyelidikan mereka dalam bidang halal ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kami berhasrat untuk memastikan sebahagian dana yang ada untuk penyelidikan itu diberi sokongan khusus kepada golongan pakar saintis yang akan menumpukan program mereka dalam bidang halal.

Setakat ini saya tidak boleh memberi data ataupun berapa jumlah peruntukan tetapi yakinlah bahawa daripada jumlah *TechnoFund* dan *ScienceFund*, kita akan memastikan semuanya mencukupi untuk tujuan pembangunan kumpulan saintis dalam bidang halal. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya kepada pihak MOSTI adalah selain daripada kita menyediakan dana tadi dan juga beberapa usaha yang saya lihat begitu banyak termasuklah *business matching*, pemindahan teknologi dan sebagainya. Apakah bentuk susulan yang dilakukan oleh pihak MOSTI ini untuk menilai dan mengukur tahap peningkatan keupayaan barangan buatan tempatan ini. Khususnya dalam bentuk peratusan berjaya menembusi nilai pasaran tempatan? Ini kerana saya melihat apa yang ada pada MIHAS 2010 baru-baru ini, amat sedikit penyertaan produk tempatan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johny Ongkili: Saya telah laporkan tadi bahawa bagi Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah 18 peratus daripada projek yang telah siap sudah pun dikomersialkan. Ini satu peratusan yang cukup tinggi sebenarnya berbanding dengan peratusan pengkomersialan hasil di keseluruhan, mahu pun di negara kita di rantau ini ataupun di peringkat dunia.

Namun saya rasa dari segi penggalakan produk-produk yang dihasilkan melalui R&D di Malaysia ini, ia adalah tertakluk kepada peranan semua pihak. Satu, adalah peranan kerajaan untuk memastikan '*buy Malaysia first*' dengan izin. Sering kali ada kes-kes yang kami perakui ini, di mana produk kita menembusi di peringkat dunia tetapi sokongan di peringkat nasional itu adalah kurang. Begitu juga kerajaan sedang mengambil perhatian di mana agensi-agensi GLC kerajaan itu kadang-kadang lebih lagi mirip untuk menggunakan teknologi buatan luaran walhal produk kita yang sama itu sudah digunakan di peringkat dunia pula.

Sering kali ini adalah *purchasing policy*, dengan izin, yang perlu diperbaiki dan pihak Kementerian Kewangan sedang meneliti perkara ini supaya sokongan yang lebih ketara kepada produk buatan tempatan yang bermutu tinggi, yang sudah pun dipasarkan di peringkat dunia mendapat sokongan yang menyeluruh. Terima kasih.

3. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah pencapaian negara dalam bidang teknologi dan tenaga nuklear terkini serta rancangan masa depannya. Apakah usaha-usaha kementerian bagi melahirkan lebih ramai saintis dan ahli teknologi dalam bidang nuklear.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pada hari ini secara bersekali kerana kesemua pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan nuklear.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pertanyaan-pertanyaan yang dimaksudkan adalah Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Bakar iaitu hari ini, Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang pada 22 hari bulan ini, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bertarikh 27 hari bulan ini, Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat pada 28 hari bulan ini, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin bertarikh 29 hari bulan ini, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Tee Hock Seng bertarikh 29 hari bulan ini, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah bertarikh 2 Ogos, 2010 dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah pada 2 Ogos, 2010.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, permintaan elektrik di negara ini terus meningkat dan dari setahun ke setahun selari dengan

kerancangan pembangunan ekonomi negara, memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap serta dibekalkan pada harga yang berpatutan kepada para pengguna adalah kritikal memandangkan bekalan elektrik merupakan sumber yang penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Bagi tempoh pasca 2020 nanti pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia, dijangka meningkat dengan kadar purata 2 peratus setahun sehingga tahun 2030.

Bagi memenuhi permintaan ini Semenanjung tidak lagi dapat terus bergantung pada bahan api, gas dan arang batu untuk memenuhi keperluan bekalan elektriknya. Kesemua arang batu untuk menjana elektrik di Semenanjung terpaksa diimport.

■ 1050

Manakala rizab gas dalam negara semakin menyusut dengan peratusan gas yang terpaksa diimport semakin meningkat. Oleh yang demikian pada masa ini kerajaan sedang menimbangankan penggunaan tenaga nuklear sebagai opsyen jangka panjang untuk mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik pasca 2020. Walaupun saya pernah mengumumkan bahawa loji jana kuasa nuklear pertama di negara ini dijangka beroperasi pada tahun 2021 namun kerajaan akan membuat keputusan muktamad mengenainya setelah mengambil kira hasil kajian yang dibuat dalam penyediaan *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* dengan izin, NPIDP. Dijangka ia akan disiapkan pada tahun 2013.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menghasilkan pelan tersebut kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta agensi-agensi lain yang berkaitan akan menjalankan kajian-kajian yang diperlukan bagi mengukur tahap kemampuan serta kesediaan negara sekiranya kerajaan membuat keputusan muktamad untuk menjadikan tenaga nuklear sebagai opsyen penjanaan elektrik di negara kita ini pasca 2020. Antara aspek yang akan diambil kira dalam pelaksanaan kajian-kajian tersebut termasuklah pembangunan sumber manusia, perundangan dan kawal selia, pengenalpastian lokasi, pembangunan teknologi industri dan sebagainya.

Dalam melaksanakan kajian berkaitan aspek pembangunan sumber manusia tahap keupayaan sumber manusia sedia ada dan yang diperlukan bagi menyokong pembangunan kuasa nuklear akan dikenal pasti dan dinilai. Strategi dan pelan tindakan pembangunannya kemudiannya akan dirancang bagi memenuhi jurang yang wujud termasuklah untuk menzahirkan sumber manusia yang mencukupi dan kompeten termasuk lebih ramai saintis dan pakar teknologi nuklear. Kita sebenarnya telah mempunyai keupayaan sumber manusia dalam bidang nuklear. Namun jumlah dan keupayaannya perlu ditingkatkan untuk menyokong pelaksanaan program pembangunan kuasa nuklear.

Mungkin ramai Ahli Yang Berhormat yang tidak mengetahui bahawa saintis kita telah pun mempunyai pengalaman mengendalikan reaktor nuklear. Ini kerana kita sebenarnya mempunyai sebuah reaktor nuklear yang berkapasiti satu megawatt untuk tujuan penyelidikan. Ia telah beroperasi selama 28 tahun di Agensi Nuklear Malaysia yang terletak di Bangi, Selangor tanpa memberi sebarang kesan negatif kepada kawasan sekitar mahupun kakitangan agensi tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, anggaran kos bagi loji jana kuasa nuklear adalah sekitar USD2.5 bilion sehingga USD4 bilion bagi loji yang berkeupayaan 1,000 megawatt.

Sungguhpun kos permulaan bagi membangunkan loji jana kuasa nuklear adalah besar namun kos operasi dan penyelenggaraan serta bahan apinya yang rendah sepanjang tempoh hayat loji jana kuasa nuklear. Ini menjadikan kos bagi setiap unit elektrik yang dihasilkan dalam adalah kompetitif dengan kos elektrik yang dihasilkan oleh loji jana kuasa berasaskan sumber tenaga yang lain.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, berhubung pertanyaan mengenai lokasi bagi loji jana kuasa nuklear saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan masih belum menentukan lokasi penempatannya. Kajian pengenalpastian tapak yang sesuai sedang dilaksanakan yang akan diambil kira ciri-ciri seperti kepadatan penduduk, alam sekitar, hidrologi, *seismic*, *tectonic*, demografi dan sebagainya. Kajian penilaian kesan alam sekitar, radiasi dan sosial juga akan dilaksanakan ke atas tapak yang dikenal pasti bagi memastikan ia selamat dari semua aspek. Selain itu juga kerajaan akan memastikan segala

peraturan dan piawaian antarabangsa diguna pakai dan dipatuhi sepenuhnya sebelum menentukan lokasi yang sesuai. Elemen *safety*, *security* dan *safeguards*, dengan izin akan menjadi tunjang dalam pembangunan kuasa nuklear di negara ini sekiranya kerajaan memutuskan untuk membina loji kuasa *nuclear electric*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat kementerian saya akan terus mengadakan program-program kesedaran untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik. Peningkatan kefahaman dan pengetahuan orang ramai berhubung penggunaan nuklear adalah sangat penting dan kerajaan akan terus memastikan hakikat ini boleh dicapai sebelum kerajaan mengambil keputusan untuk terus menggunakan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik di Malaysia. Sekian.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, adakah kemajuan pencapaian negara dalam bidang nuklear selama 28 tahun di masa hadapan akan menjurus dalam bidang pertahanan dan persenjataan, jika tidak, kenapa? Jika ya, minta Menteri huraikan. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pendek sahaja jawapan ini iaitu kerajaan tidak ingin hendak menggunakan bidang nuklear, teknologi nuklear untuk bidang pertahanan dan senjata bagi negara kita. Ini kita sudah umumkan awal-awal dan kita adalah satu negara yang sudah meratifikasikan perjanjian antarabangsa mengenai *non-proliferation of nuclear used* ke bidang senjata. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi jelas kepada kita ada tanda-tanda yang positif ke arah membuat nuklear untuk menjana tenaga, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita pun telah mendapat taklimat, macam-macam taklimat dan pihak kerajaan juga saya rasa telah pun membuat kajian. Jadi daripada segi kajian begitu begini, saya rasa sudahlah masa, Tuan Yang di-Pertua. Jadi pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, bilakah agaknya kerajaan dapat membuat keputusan *once and for all*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua?

■ 1100

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat kerana sokong kerajaan dalam bidang ini. Namun kita tidak boleh mencepatkan masanya untuk membangunkan jana kuasa nuklear.

Ini kerana dalam protokol yang kita perlu menggunakan secara antarabangsa, kita memerlukan masa untuk menyediakan pelbagai kajian dahulu seperti yang saya sebut dalam jawapan asal saya ialah lokasi. Lokasi ini sangat-sangat penting dan kita tidak boleh sebarang untuk menentukan di mana lokasi tersebut. Kita perlu adakan berbagai-bagai kajian seperti yang saya sebut. Selain daripada sama ada *seismic activity*, sama ada batunya di bawah tanah itu adalah cukup keras dan cukup tebal dan aktiviti-aktiviti seperti demografi seumpamanya. Kita tidak dapat mewujudkannya dalam satu kawasan yang di mana banyak penduduk. Kita perlu ada kaedah-kaedah seperti ini.

Akhirnya semua kajian ini akan diteliti oleh pihak IAEA iaitu agensi antarabangsa nuklear ini yang mereka akan menelitinya dan mereka akan mengenal pasti sama ada protokol-protokol yang saya sebut itu diikuti. Kemudiannya IAEA ini akan memberikan kebenaran untuk Malaysia mewujudkan jana kuasa nuklear tersebut.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah apakah tahap penggunaan tenaga nuklear di Malaysia dan apakah bidang dan perbandingan penggunaan dengan negara-negara lain di dunia, dan apakah projek tenaga nuklear dapat menampung kenaikan harga minyak dan gas yang bertambah mahal dewasa ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita hanya hendak gunakan jana kuasa nuklear ini bagi menjana elektrik untuk kegunaan negara kita ini. Dari segi bidang penyelidikan dan sebagainya, kita sudah mempunyai satu nuklear reaktor di Bangi, satu megawatt dan ini sudah memadai untuk bidang-bidang kajian, bidang-bidang penyelidikan dan sebagainya oleh saintis-saintis negara kita. Loji jana kuasa ini akan diwujudkan kalau semua syarat itu dipenuhi dan sekitar negara kita ini termasuk

rakyat kita pun boleh terima guna pakai nuklear reaktor ini untuk jana kuasa elektrik, barulah kita akan melaksanakannya.

Kita yakin jana kuasa elektrik nuklear ini adalah satu opsyen yang terbaik bagi memudahkan kita untuk membekalkan elektrik kepada industri, kepada komersial dan juga kepada rakyat kita dalam satu harga yang berpatutan. Ia memang sebagai satu bidang yang kita boleh gunakan terendah. Saya hendak mengambil sedikit data untuk Yang Berhormat mengenai kos yang berkaitan dengan penjanaan elektrik kalau dibandingkan dengan kos-kos yang akan dihasilkan di dalam penjanaan elektrik dari segi gas dan juga lain-lain sumber.

Kalau saya boleh bacakan Tuan Yang di-Pertua, dari segi kajiannya di seluruh negara terdapat bahawa penjanaan elektrik menggunakan nuklear ini adalah satu penjanaan yang cukup *cost effective*, dengan izin. Oleh sebab itu, banyak negara telah menggunakannya dan pada masa ini, kita boleh berharap bahawa kos yang kita akan adakan apabila jana kuasa nuklear ini digunakan ialah dalam lingkungan dua kali murah berbanding dengan jana kuasa gas pada harga masa itu iaitu sekitar tahun 2021 atau sekitarnya.

Dalam masa itu, sebab gas kita sudah berkurang dan sebab itu gas harganya akan naik di seluruh dunia dan kita akan membandingkannya dengan harga *world price* dengan izin kalau kita hendak gunakan gas pada masa itu. Inilah satu kebaikan bagi negara kita kalau kita laksanakan jana kuasa nuklear ini. Namun ini terpulang kepada kajian yang kita akan jalankan dan akhirnya sama ada rakyat kita di Malaysia terima teknologi ini.

4. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan:

- (a) apakah status pelaksanaan dan persiapan *Little India* ketika ini; dan
- (b) apakah ciri-ciri uniknya, dan bagaimanakah ia dijangka dapat menggambarkan budaya serta latar belakang masyarakat India di Malaysia.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah pada hari ini juga dan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop bertarikh 21 Julai 2010 kerana membabitkan perkara yang sama iaitu *Little India*, Brickfields, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerja-kerja pemasangan *interlocking pavers blocks* dan pengalihan kabel-kabel utiliti sedang giat dilaksanakan di tapak *Little India*.

Kerja-kerja dilakukan sepanjang hari termasuk pada waktu malam bagi mengelak berlakunya kesesakan lalu lintas yang teruk jika kerja-kerja tersebut dihadkan pada sebelah siang hari sahaja. Projek *Little India* dirancang untuk disiapkan sebelum 30 Oktober 2010 yakni sebelum lawatan rasmi Perdana Menteri India, Dr. Manmohan Singh ke Malaysia yang dijadualkan pada awal bulan November 2010.

Pembangunan *Little India* mengutamakan aspek kebudayaan setempat terutamanya kebudayaan dan kesenian kaum India. Ciri-ciri tersebut bakal ditonjolkan dalam rekaan pada bangunan, arca pintu gerbang dan jalanan iaitu dengan izin, *gateway and street arches*, perabot jalan serta gerai-gerai.

Reka bentuk arca, gerai dan perabot jalan akan mengambil kira ciri-ciri kebudayaan masyarakat India seperti rekaan lukisan kolam di atas jalan, ukiran pada binaan gerai dan dengan izin, *water fountain* yang mana kesemuanya boleh dijadikan sebagai salah satu daya tarikan pelancong baik dari dalam ataupun luar negara.

Jumlah kos projek *Little India* dianggarkan sebanyak RM35 juta yang meliputi kerja-kerja menaik taraf jalan raya di sekitar kawasan, gerai dan kedai peniaga, perabot jalan dan juga tempat letak kereta. Peluang perniagaan baru yang bakal diwujudkan kepada kaum India adalah seperti sebagai operator kios cenderamata ataupun dengan izin, *souvenir kiosk operators*. Para peniaga ini bakal berpeluang untuk menjual barang bercirikan kebudayaan India kepada pelancong-pelancong yang dijangka akan melawat *Little India* apabila ia siap nanti.

Di samping itu, sebagai memenuhi semangat 1Malaysia, gerai-gerai yang dikendalikan oleh kaum Melayu dan Cina juga akan turut diwujudkan di kawasan tersebut.

Mengenai persoalan tentang justifikasi dan rasional pewujudan premis perniagaan *Little India*, sukacita dimaklumkan bahawa kawasan Brickfields dengan populasi kaum India yang besar dilihat sebagai kawasan yang berpotensi dan berdaya maju untuk dijadikan destinasi tarikan pelancong dan pusat tumpuan pelbagai kegiatan ekonomi terutama yang bercirikan kebudayaan dan kesenian daripada subbenua India.

Projek *Little India* akan merubah wajah Brickfields kepada persekitaran yang lebih baik daripada sekarang, yang mana kedai-kedai serta gerai-gerai akan dinaikkan taraf dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang lebih moden dan menarik sesuai dengan imej Kuala Lumpur sebagai bandar raya antarabangsa yang moden. Pelaksanaan projek ini dijangka akan membawa banyak manfaat kepada semua pihak terutama daripada segi sosioekonomi termasuk penyusunan semula pembangunan di Brickfields.

Melalui penggunaan tanah dan aktiviti kawasan yang lebih cekap, maka usaha meningkatkan kualiti kawasan komersial di Brickfields dapat dilaksanakan supaya kawasan ini lebih menarik, teratur dan selamat. Di samping itu, ia diyakini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan baru yang akan meningkatkan ekonomi baik penduduk ataupun bukan penduduk dan peniaga di kawasan Brickfields.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya hanya menyentuh mengenai *Little India* di Brickfields sahaja kerana ia terletak dalam bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Jadi kalau yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad berkenaan kawasan-kawasan yang lain, saya tidak bertanggungjawab di kawasan-kawasan lain untuk dibangunkan *Little India*. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, selain daripada berfungsi sebagai sebuah pusat komersial dan juga pusat perniagaan, apakah kementerian mempunyai sebarang pelan untuk mewujudkan satu pusat informasi atau pusat kebudayaan, *information* atau *culture centre*, dengan izin, yang dapat berfungsi sebagai pusat untuk mengetahui sejarah dan juga budaya masyarakat India Malaysia yang sudah tentunya akan mendatangkan manfaat kepada pengunjung tempatan dan juga kepada pelancong asing.

Pertanyaan tambahan saya yang kedua, saya difahamkan gerai-gerai yang akan dibina di *Little India* akan hanya diberikan kepada peniaga yang sedang berniaga di sana buat masa ini. Apakah pihak kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk membina ruang niaga tambahan bagi membolehkan peniaga lain untuk mempamerkan dan juga menjual produk-produk Malaysia yang bercirikan masyarakat India Malaysia? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan supaya ada satu pusat informasi dan kebudayaan di kawasan *Little India* atau pada masa ini dikatakan Brickfields, memang cadangan yang baik tetapi oleh kerana saya rasa ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya akan cadangkan kepada, mungkin Kementerian Pelancongan ataupun Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk kita bekerjasama menubuhkan satu pusat di kawasan *Little India* ini.

Untuk soalan yang kedua tadi berkenaan degan penjaja-penjaja yang telah terlibat, dalam kajian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 67 peniaga yang terlibat dalam proses pemindahan sementara dan pindah balik apabila kawasan *Little India* itu dibangunkan, dan memang dalam peningkatan kawasan *Little India* ini kita telah memberi ruang untuk ditambahkan ruang-ruang niaga dan atas dasar konsep 1Malaysia, kita menggalakkan ruang-ruang niaga ini juga dimiliki ataupun disewa oleh kaum-kaum lain khususnya kaum Melayu dan kaum Cina supaya ada nampak *Little India* ini ada komposisi 1Malaysia. Jadi, itulah sahaja cadangan daripada kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sekali gus soalan saya.

Sebenarnya pertanyaan saya tentang apakah asas dan justifikasi mewujudkan secara terancang *Little India* ataupun premis-premis perniagaan yang berbentuk Chinatown misalnya, dalam bandar raya dan begitu juga bandar-bandar seperti Johor Bahru dan Ipoh. Jadi telah dijawab sedikit oleh Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya ini begini, adakah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun pihak kementerian yang berkenaan mengkaji sedalam-dalamnya implikasi ataupun kesan sampingan mewujudkan secara terancang premis-premis perniagaan seperti ini, tidakkah nanti antaranya, antara kesan sampingannya ia boleh menjurus kepada polarisasi kaum dan juga masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam rancangan khususnya di Kuala Lumpur oleh kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baik membangunkan kawasan seperti *Little India* ataupun Chinatown ataupun *Petaling Street* dan *insya-Allah* tak lama lagi Kampung Baru adalah perkampungan-perkampungan yang seolah-olah bercirikan perkauman, tetapi ini hanyalah satu usaha kerajaan untuk menunjukkan kepelbagaian kaum dalam negara kita sebagai satu ciri-ciri 1Malaysia baik dalam *Little India* sekalipun, bila kita bangunkan balik *Little India*, kita masuk juga ciri-ciri 1Malaysia umpamanya dalam penjaja-penjaja, kita galakkan juga penjaja daripada kaum Melayu dan kaum Cina bersama dalam kemajuan penjaja-penjaja di situ.

Sama juga di kawasan-kawasan yang lain dan supaya tidak menggambarkan seolah-olah ada polarisasi kaum dalam bandar raya kita dan kita boleh contohi kawasan-kawasan di negara-negara yang sudah maju seperti New York dan juga di London, di mana di kawasan-kawasan itu nampak jelas kelompok-kelompok *Chinatown* ataupun bandar-bandar yang bercirikan kaum masing-masing di bandar-bandar itu tetapi apabila mereka berinteraksi dalam negara itu, kita tidak nampak bahawa soal polarisasi kaum tercetus umpamanya saya nampak macam di New York dan juga London. Walaupun ada China Town tetapi mereka boleh berinteraksi dengan bangsa Eropah di negaranya. Jadi itulah jawabannya. Terima kasih.

■ 1120

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah sehingga sekarang Masjid India dikenali sebagai *Little India*. Sekarang satu *Little India* baru ditubuhkan. Jadi, apa akan jadi kepada *Little India* di Masjid India? Satu. Nombor dua, apakah rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh DBKL untuk memperkukuhkan atau menyokong peniaga-peniaga di *Little India*? Nombor tiga ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Dua soalan sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, seperti yang saya tahu Masjid India tidak pernah dikatakan *Little India* tetapi Masjid India. Jadi Masjid India dengan *Little India* menggambarkan dua gambaran yang berbeza.

Masjid India bermakna ini adalah kawasan asalnya oleh kerana adanya masjid yang diuruskan oleh *Indian Muslim*, dengan izin, atau orang India yang beragama Islam. Jadi, kawasan itu dinamakan Masjid India tetapi, kelompok peniaga-peniaga yang terlibat di

sana adalah berbilang kaum, daripada kaum Melayu, banyak juga peniaga-peniaga Melayu di sana dan ada juga sebilangan kecil peniaga-peniaga Cina ada di sana. Jadi, saya tidak boleh menggambarkan Masjid India sebagai *Little India*.

Akan tetapi di kawasan Brickfields, memang jelas pada waktu dahulu adalah kawasan yang majoriti adalah peniaga-peniaga khususnya adalah daripada kaum India. Jadi, itulah saya rasa tidak ada persaingan dari segi aspek itu dan ini juga menunjukkan apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi dari segi 1Malaysia kita di mana India kita pun ada berbeza-beza, India Muslim ada, India yang bukan Muslim ada dan juga bercampur dalam satu majmuk yang menjadi satu tarikan kepada bukan hanya orang di negara kita tetapi kepada pelancong-pelancong. Jadi berkenaan dengan soalan kedua tadi, berkenaan dengan peniaga-peniaga? Minta izin, ulang soalan tadi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Soalan saya ialah apakah rancangan yang akan dijalankan untuk memperkukuhkan ataupun untuk memajukan peniaga-peniaga di *Little India* untuk sokong mereka. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang apabila pihak kerajaan melalui penswastaaan dengan MRCB membelanjakan lebih kurang RM35 juta untuk meningkatkan infrastruktur di kawasan *Little India*. Ini secara langsung akan membantu peniaga-peniaga dengan prasarana yang lebih baik, dengan suasana yang lebih mengizinkan untuk pelancong dan pelawat datang ke sana. Dengan prasarana *parking* ataupun tempat letak kereta yang lebih banyak, jadi ini akan secara langsung membantu peniaga-peniaga di sana. Akhir sekali, mereka yang memiliki harta di sana juga akan dapat manfaat daripada peningkatan nilai harta di kawasan itu apabila kawasan itu dibangunkan dengan ditambah dengan penyuraian trafik yang juga sedang dijalankan pada masa ini. Terima kasih.

5. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan yang ditangkap dan didakwa kerana kesalahan perjudian haram ketika berlangsungnya bola sepak Piala Dunia di Afrika Selatan dan nyatakan jumlah pertaruhan yang dirampas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar yang mengemukakan pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf bertarikh 29 Julai 2010 dan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap bertarikh 2 Ogos 2010 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, sepanjang tempoh operasi bermula dari 11 Jun 2010 hingga 12 Julai 2010, pihak polis telah melakukan sebanyak 270 serbuan ke atas pelbagai premis kerana disyaki terlibat menjalankan kegiatan perjudian haram bola sepak Piala Dunia 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 151 serbuan diklasifikasikan berjaya di mana seramai 227 orang telah ditangkap kerana disyaki terlibat melakukan pelbagai kesalahan seperti bertindak sebagai penganjur dan mengutip wang pertaruhan haram atau *bookie*. Sejumlah RM99,266 wang tunai yang digunakan dalam pertaruhan telah berjaya dirampas sewaktu serbuan dijalankan. Anggaran nilai pertaruhan ialah sebanyak RM417.7 juta. Setakat ini tiada pertuduhan dibuat ke atas mana-mana suspek dan kes masih dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pertaruhan yang terlibat dalam perjudian bola sepak Piala Dunia pada tahun ini agak besar. Pihak polis berpendapat *Ops Soga* yang dilaksanakan baru-baru ini mencatatkan kejayaan kerana berjaya menembusi dan mematikan operasi banyak sindiket perjudian atas talian. Bagi Piala Dunia 2010, satu *taskforce* telah diwujudkan di peringkat Bukit Aman serta turut ditubuhkan hingga ke peringkat kontinjen dan daerah bagi memantau dengan secara khusus segala kegiatan perjudian haram melibatkan Piala Dunia 2010. *Taskforce* ini bekerjasama rapat dengan *Interpol General Secretariat Asia-Pacific Expert Group on Asia Organized Crime* yang

berpangkalan di Lyon, Perancis. Selain itu, jaringan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan turut diwujudkan sebagai usaha untuk mewujudkan tindakan yang bersepadu dan lebih efektif dalam menangani jenayah ini. Terima kasih.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri atas jawapan yang diberikan. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Polis Diraja Malaysia yang mempunyai anggota risikan cawangan kongsi gelap, perjudian dan maksiat Bukit Aman yang cekap sehingga berjaya melumpuhkan sindiket pertaruhan judi haram bola sepak Piala Dunia baru-baru ini.

Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang telah diambil kepada empat orang ahli perniagaan Malaysia yang dikatakan sedang bersembunyi di negara jiran selepas dikenal pasti mendalangi sindiket *bookie* bola sepak serta terbabit dengan kegiatan ah long dan adakah PDRM telah mengenal pasti ejen-ejen dalam negara ini yang terlibat dengan perjudian dalam talian seperti *online casino* dan *online sports betting* yang berpusat di luar negara dan nyatakan tindakan yang telah diambil. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai empat ahli perniagaan Malaysia yang dikatakan bersembunyi di negara jiran, setakat ini tiada tindakan yang diambil kerana pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut berhubung perkara ini.

■ 1130

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan PDRM telah mengenal pasti ejen atau tidak. Pihak polis masih menjalankan siasatan lanjut berhubung penglibatan sindiket-sindiket tersebut. Dipercayai sindiket ini turut bertanggungjawab dan mempunyai pangkalan di negara asing seperti negara China dan Filipina. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana masa sudah pukul 11.30 pagi, selesailah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kami mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pula, kerana pagi tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah hadir. Kita sungguh menghargai kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada pagi ini. Dipersilakan.

USUL

**MENGUTUK SERANGAN KEJAM TENTERA REJIM ZIONIS ISRAEL
KE ATAS KONVOI KAPAL MEMBAWA BANTUAN KEMANUSIAAN KE GAZA**

11.31 pg.

Timbalan Perdana Menteri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salah sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu untuk merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT di atas keizinan dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan usul bagi mengutuk serangan kejam rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza pada 31 Mei 2010.

Tindakan ganas yang melampaui lunas-lunas dan batas-batas kemanusiaan sejagat yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel ke atas Palestin bukanlah merupakan perkara baru. Dunia sebelum ini telah pun menyaksikan keganasan yang berterusan rejim Zionis Israel di bumi Palestin yang telah pun berlanjutan selama 62 tahun, sejak tahun 1948 yang telah mengakibatkan kesengsaraan dan penderitaan yang berlanjutan kepada rakyat Palestin yang tidak berdosa.

Penindasan dan jenayah tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh Rejim Zionis Israel ke atas masyarakat Arab Palestin, semata-mata atas kepercayaan palsu golongan Zionis tentang keagungan bangsa Yahudi, menjadi Israel sebuah negara apartheid yang paling keji pada abad ini.

Seperti kata Desmond Tutu - mantan *Archbishop* Afrika Selatan dengan izin, "*Israelis were treating Palestinians in the same way the Apartheid South African Government treated blacks.*" Kalau dunia sudah pun meninggalkan fahaman rasisme yang kolot, rejim Zionis Israel secara terang-terangan mengamalkan rasisme yang melampau, semata-mata untuk menjayakan niat jahat Zionis bagi mewujudkan sebuah negara haram Yahudi di atas percikan darah dan linangan air mata rakyat Palestin.

Lebih mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua, keganasan rejim Zionis Israel kini juga disasarkan kepada aktivis-aktivis kemanusiaan yang membawa bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin terutamanya di Gaza. Dalam hal ini demi menyuarakan ketegasan negara terhadap tragedi berdarah yang telah berlaku pada 31 Mei 2010, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersama-sama dengan saya untuk menyampaikan kepada seluruh dunia akan pendirian Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan Rejim Zionis Israel ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 26(3), Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

Bahawa, Tentera Rejim Zionis di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, telah menyerang tanpa alasan dalam perairan antarabangsa konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza pada 31 Mei 2010, yang telah mengakibatkan banyak kematian dan kecederaan kepada ahli kumpulan konvoi bantuan kemanusiaan tersebut;

Bahawa, serangan rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan tersebut merupakan tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

Bahawa, sentimen yang sama telah pun disuarakan melalui Kenyataan Bersama Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN – Majlis Kerjasama Negara-negara Teluk (GCC) di Singapura pada 1 Jun 2010 yang menyuarakan kutukan keras terhadap tindakan rejim Zionis Israel ini;

Bahawa, rakyat Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa tiada alasan bagi penggunaan kekerasan yang melampau ke atas kapal misi bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza tersebut; dan

Bahawa, rakyat Malaysia sangat kecewa dengan ketidakmampuan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membuat bantahan keras terhadap tindakan ganas Rejim Zionis itu.

Dengan ini Dewan mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengutuk sekeras-kerasnya serangan Tentera Rejim Zionis di bawah arahan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan ke

- Gaza yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kecederaan kepada orang awam;
- (2) Merakamkan rasa kecewa tidak terhingga tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kenyataan yang begitu lemah terhadap serangan ganas rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan tersebut;
 - (3) Memutuskan untuk mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencela Israel dan bukannya membuat kenyataan lemah semata-mata;
 - (4) Memutuskan supaya Malaysia untuk bekerjasama dengan negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk mendukung prinsip undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani krisis kemanusiaan di Gaza;
 - (5) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi merujuk situasi akibat serangan Tentera Rejim Zionis Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC);
 - (6) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mendapatkan *Advisory Opinion* Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ);
 - (7) Memohon supaya negara Turki mempertimbangkan untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan *Statut Rome*, Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC);
 - (8) Menyeru supaya satu siasatan bebas yang penuh (*fully independent*) dibuat terhadap serangan Tentera Rejim Zionis dan bukannya setakat siasatan yang tidak berpihak (*impartial*) semata-mata;
 - (9) Menyokong sepenuhnya desakan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Hak Asasi Manusia melalui Resolusi yang telah pun diterima pada 2 Jun 2010, supaya siasatan yang berakauntabiliti dan bebas sepenuhnya dibuat mengenai serangan ini;
 - (10) Menuntut Israel supaya tidak menghalang sebarang konvoi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, khususnya di Gaza, selaras dengan Resolusi 1860 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- 1140
- (11) Mengalu-alukan tindakan negara Mesir membuka sempadan Rafah tanpa syarat bagi memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan tanpa sebarang halangan;
 - (12) merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya terus menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk wilayah Palestin di Gaza tanpa menghiraukan dan gentar pada ancaman Rejim Zionis;

- (13) Merakamkan penghargaan kepada negara-negara Jordan, Turki, Ireland, Filipina dan juga negara-negara lain yang terlibat dalam usaha-usaha membebaskan rakyat Malaysia yang telah ditahan oleh Rejim Zionis;
- (14) Menyeru rakyat Palestin supaya bersatu dengan tujuan mempertahankan hak mutlak mereka bagi menubuhkan negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat; dan
- (15) Menzahirkan sokongan padu rakyat Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin ke arah pembentukan negara yang bebas, merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan Dewan yang mulia ini membahaskan isu serangan kejam oleh Tentera Rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengecam tindakan kejam tentera rejim Zionis Israel di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Benjamin Netanyahu yang telah pun bertindak menyerang konvoi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* di kawasan perairan antarabangsa pada 13 Mei 2010 yang lalu. Malaysia dengan ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan melampau dan biadab rejim Zionis yang melanggar undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Serangan kejam oleh tentera Rejim Zionis itu telah mengorbankan sembilan nyawa yang tidak berdosa dan mengakibatkan puluhan yang lain mengalami kecederaan, kebiadaban Rejim Zionis Israel lebih terserlah apabila anggota konvoi telah diperlakukan seperti penjenayah dan diikat berbelas-belas jam tanpa belas ihsan dan dinafikan makanan, minuman, bersolat dan keperluan ke bilik air.

Tuan Yang di-Pertua, serangan yang tidak berperikemanusiaan ini telah memperlihatkan sekali lagi kepada masyarakat antarabangsa tentang kekejaman tentera rejim Zionis yang tidak menghormati kesucian nyawa manusia dan membelakangkan undang-undang antarabangsa. Sesungguhnya, kumpulan 12 aktivis Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan ke Gaza ini bukannya penjenayah mahupun penceroboh sebaliknya mereka adalah sukarelawan Malaysia yang sanggup menghadapi bahaya muncung senjata tentera rejim Zionis Israel bagi menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin di Gaza yang menderita akibat kepungan haram Rejim Zionis Israel itu.

Malaysia ingin sekali lagi melahirkan kekecewaan terhadap masyarakat antarabangsa terutamanya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang gagal mengambil satu ketetapan yang tegas terhadap kekejaman melampau Rejim Zionis Israel itu.

Kenyataan lemah Presiden Majlis Keselamatan PBB pada 1 Jun 2010 membuktikan betapa Majlis Keselamatan PBB bersikap berat sebelah dalam melaksanakan amanah yang telah pun diberikan kepada badan dunia tersebut. Walaupun pelbagai resolusi telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB sejak enam dekad yang lalu, tetapi semuanya tidak dihiraukan oleh Israel.

Malaysia juga ingin menyuarakan kekecewaan dengan pendirian pentadbiran Amerika Syarikat yang tidak rela mengutuk keras tindakan ganas yang telah dilakukan oleh Rejim Zionis Israel ke atas Palestin. Pendirian lemah dan lesu pentadbiran Amerika Syarikat ini hanya memberikan ruang dan peluang kepada Rejim Zionis Israel untuk terus bersikap angkuh dan biadab. Pentadbiran Amerika Syarikat perlu segera menghentikan sandiwara menghalalkan penindasan dan pembunuhan ke atas rakyat Palestin yang tidak berdosa semata-mata atas alasan menjaga keselamatan dan keamanan negara haram Israel. Selagi pentadbir Amerika Syarikat gagal untuk bebas daripada cengkaman para pelobi Zionis dan mengiktiraf hak mutlak rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka, bebas dan berdaulat selagi itulah keamanan yang berkekalan gagal untuk dicapai di Asia Barat.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mendesak Amerika Syarikat agar tidak lagi berdolak-dalik dalam mencela rejim Zionis Israel dan segera tampil untuk menunaikan tanggungjawab moral dengan penuh ketegasan untuk memastikan Rejim Zionis ini mematuhi tata kelakuan yang bertanggungjawab dan bertamadun sejajar dengan undang-undang antarabangsa. Malaysia menegaskan bahawa selagi sokongan Amerika Syarikat kepada Rejim Zionis Israel bersifat menyeluruh bukannya bersyarat kepada pematuhan nilai-nilai kemanusiaan sejagat selagi itulah keangkuhan kezaliman rejim ini tidak akan berkesudahan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya, kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya demi untuk melaksanakan ketetapan yang telah pun diluluskan oleh Parlimen Malaysia khususnya Dewan Rakyat selaras dengan usul yang telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Jun 2010. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutus surat pada 17 Jun 2010 kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB, Presiden dan Setiausaha Agung Majlis Keselamatan PBB, Pengerusi dan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dan Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) untuk mendapatkan sokongan bagi menganjurkan persidangan sesi khas tergepar Perhimpunan Agung PBB UNGA (*Emergency Special Session*) berdasarkan Resolusi 377(5), *Uniting for Peace* bagi membahaskan isu dan serangan tentera Rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* tersebut.

Kementerian Luar Negeri melalui pejabat wakil tetap Malaysia ke PBB di New York sedang membuat tindakan susulan supaya penilaian bagi mengadakan Majlis Keselamatan PBB, dibuat secepat mungkin.

Sekiranya Majlis Keselamatan PBB gagal dalam menubuhkan sebuah panel penyiasatan yang bebas bagi menyiasat serangan tersebut seperti yang terkandung dalam kenyataan Presiden Majlis Keselamatan PBB pada 1 Jun 2010, maka persidangan sesi khas tergepar tersebut mungkin diadakan pada akhir bulan Julai ini.

Persidangan sesi khas tergepar ini akan digunakan untuk memaksa Rejim Zionis Israel untuk menarik balik kepungan haram Israel ke atas Gaza dengan menggunakan perundangan antarabangsa yang sedia ada termasuklah peruntukan-peruntukan relevan yang termaktub dalam Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1860-2009.

Persidangan sesi khas tergepar ini juga akan meminta *advisory opinion* daripada Mahkamah Keadilan Antarabangsa dengan izin, *International Court of Justice* mengenai serangan Israel ke atas aktivis-aktivis dalam *Freedom Flotilla* yang telah pun dilakukan di perairan antarabangsa.

Malaysia juga akan terus mendapatkan sokongan negara-negara sependapat untuk menyokong penganjuran persidangan sesi khas tergepar Perhimpunan Agung PBB. Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah pun mengadakan lawatan kerja ke Brunei pada 14 Jun 2010 dan Indonesia pada 17 Jun 2010 bagi mendapatkan sokongan kedua-dua negara tersebut terhadap inisiatif di PBB. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung PBB, Presiden Perhimpunan Agung PBB, Presiden Majlis Keselamatan PBB, wakil tetap troika NAM dan pemerhati tetap Liga Arab di New York pada 8 Julai dan 9 Julai 2010 bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai tindakan susulan yang perlu diambil.

■ 1150

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengecam tindakan Rejim Zionis Israel menubuhkan panel siasatan bagi menyiasat serangan tersebut. Malaysia menganggap tindakan tersebut adalah bertentangan dengan gesaan masyarakat antarabangsa supaya satu badan siasatan antarabangsa yang bebas dan tidak berpihak ditubuhkan bagi menyiasat serangan tersebut. Tindakan Rejim Israel tersebut juga adalah tidak wajar memandangkan Israel merupakan pihak yang terlibat dalam insiden serangan tersebut dan tidak berkemungkinan akan membuat siasatan yang telus dan tidak berpihak.

Tindakan ini juga menunjukkan sikap angkuh Benjamin Netanyahu yang menolak kerjasama daripada masyarakat antarabangsa dalam menubuhkan satu badan siasatan bagi menyiasat serangan tersebut. Malaysia menyokong sepenuhnya penubuhan panel

penyiasat PBB yang akan dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri New Zealand Sir Geoffrey Palmer dan terdiri daripada wakil-wakil Amerika Syarikat, Israel, Turki dan PBB.

Di samping itu, Malaysia akan terus menuntut supaya Rejim Zionis Israel mematuhi Resolusi 1860, 2009 Majlis Keselamatan PBB supaya membuka laluan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza. Dalam hal ini juga Malaysia akan terus menyeru Kerajaan Mesir supaya membenarkan bantuan kemanusiaan disalurkan melalui pintu sempadan Rafah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutus surat kepada Presiden Mesir memohon kerjasama negara berkenaan membuka tanpa syarat pintu sempadan di Rafah bagi penyaluran berterusan bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendirian bahawa tindakan rejim Zionis Israel melonggarkan sekatan kemasukan barangan ke Gaza bersifat sementara dan dilakukan untuk menangkis tekanan dan menggagalkan usaha masyarakat antarabangsa yang mendesak Rejim Zionis Israel untuk menamatkan kepungan dan sekatan haram ke atas Gaza. Tindakan Rejim Zionis Israel yang hanya melonggarkan sekatan kemasukan melalui jalan darat dan meneruskan kepungan laluan laut adalah bertentangan dengan gesaan masyarakat antarabangsa bagi menamatkan kepungan dan sekatan haram tersebut.

Oleh yang demikian, masyarakat antarabangsa mesti meneruskan usaha dan tekanan ke atas Rejim Zionis Israel bagi menamatkan kepungan dan sekatan tersebut demi mengakhiri penderitaan masyarakat Palestin di Gaza. Malaysia menyatakan kebimbangan bahawa sekiranya sekatan ke atas Gaza tidak ditamatkan serta-merta, krisis kekurangan bekalan air bersih, makanan berzat, dan ubat-ubatan di Gaza akan bertukar menjadi krisis kemanusiaan yang amat parah.

Tuan Yang di-Pertua, dunia terus menyaksikan pelbagai gelagat dan tindakan zalim yang telah pun dilakukan oleh Rejim Zionis Israel termasuk insiden terbaru ini. Perlu saya tekankan di sini bahawa kezaliman seumpama ini akan berterusan dan mungkin tiada hentinya sekiranya masyarakat dunia terus berpeluk tubuh, membisu dan berdiam diri. Tindakan ini akan hanya membuatkan Rejim Zionis Israel terus bersikap angkuh, ghairah dan bermaharajalela melakukan keganasan tanpa had dan batasan. Harus juga dinyatakan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab untuk menghentikan penindasan yang berlarutan di Palestin selama ini adalah tanggungjawab kita bersama.

Alhamdulillah, rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama telah pun bersatu hati dan bergabung suara dalam menyatakan celaan yang sekeras-kerasnya terhadap kezaliman tentera Rejim Zionis Israel ini.

Bagi umat Islam, perjuangan pembebasan Palestin adalah satu tanggungjawab keagamaan dan titik temu yang penting dalam usaha penyatuan ummah. Ternyata umat Islam di negara ini telah berjaya mengetepikan perbezaan politik, amalan berpuak-puak dan kepentingan suku-sakat demi memperjuangkan hak mutlak rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara yang bebas merdeka dan berdaulat.

Sesungguhnya, usul ini telah pun memberikan gambaran yang sangat jelas tentang pendirian seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik mengenai serangan tidak berperikemanusiaan oleh tentera Rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla*. Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah pun menzahirkan sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin selama ini.

Pada rakyat Malaysia yang menyertai konvoi *Freedom Flotilla*, saya ucapkan syabas di atas pengorbanan dan keberanian anda semua. Kepada mereka yang sedang menyertai misi bantuan kemanusiaan ke Gaza, saya mendoakan keselamatan anda dan mengucapkan selamat berjuang.

Bersama-samalah kita menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada perjuangan rakyat Palestin dan menzahirkan kecaman serta celaan sekeras-kerasnya terhadap tindakan melampau Rejim Zionis Israel menyerang dan membunuh sukarelawan yang tidak bersenjata di perairan antarabangsa. Sesungguhnya peristiwa malang ini telah pun meninggalkan satu lagi titik hitam dalam sejarah kemanusiaan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan seorang Menteri menyokong.

11.52 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan berat hati dan rendah hati, saya berdiri untuk menyokong dengan sepenuhnya usul untuk mengutuk sekeras-kerasnya tentera Rejim Zionis Israel yang menyerang konvoi bantuan kemanusiaan ke Gaza dan mengemukakan beberapa cadangan yang konkrit dan spesifik yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran.

Dr. Martin Luther King Jr. wira perjuangan hak awam dari Amerika Syarikat dalam suratnya dari Penjara Birmingham, Amerika Syarikat menyatakan bahawa dengan izin, *"Injustice anywhere is a threat to justice everywhere"*, iaitu ketidakadilan di mana-mana tempat ialah ancaman kepada ketidakadilan di semua tempat. Dunia mesti bangun dan sedar bahawa isu Palestin merupakan antara isu yang paling kritikal masa kini. Ramai pemimpin sedunia mahupun penganalisis politik memang bersetuju dengan pandangan Almarhum Raja Hussien I bahawa tidak boleh ada apa juga keamanan di Timur Tengah jika isu Palestin tidak diselesaikan secara muktamad.

Namun demikian, semasa *quartet* atau empat pihak untuk keamanan untuk Timur Tengah yang terdiri daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations*, Amerika Syarikat, Rusia dan Kesatuan Eropah untuk menggerakkan proses keamanan di Timur Tengah, rejim Zionis Israel lebih berminat untuk menyerang konvoi keamanan yang membawa bekalan untuk warga Gaza yang dicekik oleh sekatan Zionis yang kononnya untuk melindungi mereka daripada keganasan Hamas.

Tindakan komando Zionis Israel menyerang konvoi *Freedom Flotilla* iaitu lapan buah kapal misi bantuan kemanusiaan yang membawa lebih daripada 600 orang aktivis keamanan, terdiri daripada 30 buah negara telah mengakibatkan 20 orang aktivis terkorban dan lebih daripada 30 orang tercedera.

Ia merupakan satu tindakan keganasan yang mesti dikecam sehabis-habisnya oleh bukan sahaja Dewan Negara kita ini tetapi oleh semua rakyat negara ini, bahkan oleh rakyat seluruh dunia.

■ 1200

Tragedi-tragedi yang malang ini berlaku di perairan laut antarabangsa kira-kira 68 batu nautika di luar pantai perairan ataupun *coastal line* Israel. Adalah jelas dan ketara bahawa tindakan ini adalah di luar batasan norma dan undang-undang antarabangsa. Kebebasan di laut khasnya kebebasan bernavigasi merupakan antara prinsip dan semangat undang-undang antarabangsa yang tertua di dunia ini. Tindakan Zionis Israel melanggar undang-undang ini mesti membawa padah yang setimpal dengan tindakan yang tidak termasuk akal oleh Rejim Zionis.

Serangan ke atas konvoi keamanan ini juga disangkal dan dikritik oleh hampir semua negara. Malangnya Majlis Keselamatan PBB hanya mengeluarkan satu kenyataan yang lemah dan tidak berkesan. Masa yang genting ini merupakan dengan izin *a moment of truth* untuk Majlis Keselamatan PBB. Mereka sehingga sekarang masih tidak dapat menghukum Israel untuk tindakan keganasan yang langsung tidak berperikemanusiaan.

Konvoi aman yang membawa bekalan asas seperti makanan dan ubatan termasuk barangan mainan untuk kanak-kanak Gaza tidak patut diserang oleh tentera Zionis hingga menyebabkan kematian yang begitu dahsyat. Kepada 12 orang sukarelawan Malaysia yang sanggup menganggotai konvoi keamanan ini, kita mestilah merakamkan setinggi-tinggi penghormatan dan penghargaan. Mereka adalah wira rakyat atau dengan izin, *everybody's heroes* yang sedia bertindak sejajar dengan prinsip dan komitmen mereka untuk membantu warga Palestin yang menderita di bawah kezaliman rejim Zionis.

Saya anggap diri saya bertuah kerana dapat berkenalan dengan dua daripada warga Malaysia yang gagah dan berani yang menganggotai konvoi keamanan tersebut.

Saudara Abdul Halim Muhammad Ridzuan yang berada di atas kapal Mavi Marmara yang diserang merupakan Timbalan Pengerusi Rukun Tetangga Taman Desa Indah di Klang, Selangor. Beliau bekerja sebagai Eksekutif Teknikal di Syarikat Bekalan Air Selangor. Beliau mewakili *Muslim Care Malaysia* semasa menganggotai konvoi keamanan itu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selendang Palestin yang ada pada saya sekarang merupakan cenderamata daripada saudara Halim selepas saya menganugerahkan kepada beliau gelaran Wira Perpaduan sempena upacara Minggu Perpaduan Negeri Selangor pada 20 Jun yang lalu. Saya akan terus mengibarkan simbol perjuangan kebebasan dan keamanan bagi Palestin ini... [Tepuk] Saya juga bangga dengan kawan lama saya Encik Mathias Chang yang merupakan antara warga Malaysia yang berada di atas kapal *Rachel Corrie* sedia mendedahkan diri kepada risiko demi memperjuangkan nasib rakyat Gaza dan Palestin yang sudah lama hidup dalam kesusahan yang tidak terhingga.

Sebenarnya penyertaan beliau dalam konvoi laut tersebut merupakan kali keduanya bagi beliau menuju ke Gaza. Sebelum ini beliau menyertai konvoi darat dari Eropah melalui jarak 5,000 kilometer. Cubaan kali kedua beliau walaupun disangkal oleh tentera Zionis menunjukkan bahawa semangat warga Malaysia bersedia bersama-sama dengan rakyat Gaza dan juga rakyat Palestin yang hidup di bawah kepungan dan kekejaman pihak Israel.

Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan yang kononnya diadakan oleh Kerajaan Israel memang tidak sama sekali memadai dan dapat diterima. Adakah tepat bagi penjenayah sendiri menyiasat jenayah yang dilakukannya. Ianya sudah tentulah akan berat sebelah memihak kepada mereka sendiri. Oleh itu adalah tepat bagi kita dalam Dewan Negara bersama-sama dengan para pemimpin negara dan dunia yang lain menyeru komuniti antarabangsa untuk mendesak supaya diadakan pasukan penyiasatan yang bebas dan terbuka yang diketuai oleh PBB untuk membawa kepada penghukuman penjenayah Zionis dan memastikan episod seumpama ini tidak berulang lagi.

Negara-negara lain khasnya ahli-ahli tetap Majlis Keselamatan PBB mesti berbuat apa juga yang diperlukan untuk memastikan Israel berhenti dengan serta-merta daripada bertindak tanpa menghiraukan komitmen-komitmen antarabangnya. Amerika Syarikat yang selalunya menggunakan kuasa vetonya untuk menyangkal resolusi-resolusi yang kritikal terhadap Rejim Zionis mestilah memainkan peranan secara jujur dan berkesan sebagai ejen ikhlas atau dengan izin, *honest broker* untuk keamanan di Palestin.

Apa yang begitu menyedihkan dan langsung tidak boleh diterima ialah keganasan Zionis Israel terhadap rakyat Palestin terus berlangsung selama lebih daripada 60 tahun yang lepas. Negara-negara Barat langsung tidak bertindak secara tegas dan tepat dengan menggunakan segala pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka untuk menghentikan kekejaman daripada terus berlangsung. Orang Yahudi sepatutnya bersimpati dan memahami kesusahan warga Palestin kerana orang Yahudi sendiri pernah diseksa dan dibunuh secara sistematik dan berleluasa oleh rejim pasif-rasis Nazi semasa Perang Dunia Kedua.

Oleh itu, sebagai sebuah komuniti yang pernah melalui satu pengalaman yang begitu pahit pihak Israel mestilah lebih peka terhadap kesusahan Palestin dan keinginan mereka untuk bermastautin secara aman dalam sebuah tanah air mereka sendiri tambahan pula oleh kerana serba salah negara-negara Barat atas kejadian *holocaust*. Mereka hari ini menutup mata dan enggan membuat apa-apa juga untuk memberhentikan kelampauan zalim kerajaan Zionis Israel. Adakah ini betul dan sah? Kenapa rakyat Palestin yang kena menderita dan berkorban semata-mata untuk kesalahan-kesalahan Nazi semasa Perang Dunia Kedua? Ini soalan yang wajar ditanya dan mesti dijawab. Isu *holocaust* tidak boleh dijadikan justifikasi untuk penindasan yang sistematik dan teratur oleh rejim Zionis terhadap rakyat Palestin.

Isu *holocaust* memang sesuatu yang dahsyat yang tidak sepatutnya berlaku tetapi apa yang dilakukan oleh Rejim Zionis Israel terhadap Palestin juga amat salah. *Two wrongs do not make one right*, dengan izin, ia mestilah diberhentikan dengan serta-merta. Orang Palestin mempunyai hak sebagai 'semua orang bebas' dengan izin, *free people* untuk tanah

air mereka sendiri. Lagipun ideologi Zionisme yang merupakan prinsip asas negara Israel adalah satu ideologi palsu yang mendiskriminasi dan rasis.

■ 1210

Mengikut ideologi palsu ini, kononnya bangsa Yahudi adalah bangsa yang agung dan tidak ada sesiapa yang setaraf dengan mereka. Dalam ucapan beliau membentangkan usul yang sama dalam Dewan Rakyat pada 7 Jun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengatakan dengan tegasnya bahawa seperti yang dipetik berikut iaitu, "*Dunia kelak tidak boleh menggunakan rasisme yang berteraskan prinsip bahawa ada bangsa yang lebih mulia daripada mangsa yang lain, menjadi satu pegangan di dunia ini*".

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ideologi Zionis ini yang bukan sahaja terpesong dan tidak berasas langsung, malah digunakan sebagai landasan untuk terus menindas masyarakat Palestin dan menyangkal kebebasan, martabat, kehormatan dan kepentingan sah dengan izin, *legitimate interest* orang Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan Israel ke atas Gaza mesti dihentikan serta-merta. Kita bersama-sama hendaklah mendesak Majlis Keselamatan PBB bersatu padu menyeru Israel untuk berbuat demikian. Jikalau Majlis Keselamatan PBB gagal mendapat Israel sebagai negara ahli PBB untuk menghormati resolusi-resolusi sejak tahun 1967 yang menyokong pembentukan sebuah negara Palestin, memberi penekanan terhadap keselamatan semua rakyat Palestin dan menyatakan bahawa Gaza adalah wilayah Palestin.

Maka PBB dan Majlis Keselamatannya akan terus dilihat sebagai tidak berwibawa untuk melindungi warga Palestin yang setiap hari ditindas oleh tentera Zionis Israel. Biar kita semua bersatu padu dan bersatu hati tanpa mengira batasan kaum, agama, fahaman politik atau haluan ideologi untuk menghantar satu mesej dengan suara yang cukup lantang bahawa ini adalah saat yang cukup tepat dengan izin, *moment of truth* untuk Majlis Keselamatan PBB menunjukkan bahawa mereka mampu memastikan keamanan dan keadilan di setiap pelosok planet kita.

Ini merupakan antara hasrat terpenting PBB semasa penubuhannya pada tahun 1945 selepas kengerian Perang Dunia Kedua. Malaysia mesti menggunakan segala saluran yang ada untuk bergerak cergas mempengaruhi negara-negara lain, bersatu hati, bergabung desakan kepada pihak terlibat ke meja perundingan supaya mengadakan pencatatan senjata dan menamatkan peperangan.

Komitmen Malaysia adalah jelas, setiap permasalahan yang dihadapi oleh dua bangsa atau komuniti tidak boleh diselesaikan dengan kekerasan tetapi patut diselesaikan dengan baik melalui rundingan. Malaysia juga perlu meyakinkan dunia bahawa peperangan di Palestin perlu ditamatkan bukan sahaja kerana faktor agama iaitu penindasan Zionis Israel terhadap sebahagian besarnya umat Islam Palestin akan tetapi atas faktor kemanusiaan dan keamanan sejagat dan juga prinsip keadilan yang perlu dipertahankan dengan apa juga cara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh ikhlas hati memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin tahu berapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berbahas?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin.

12.15 tgh.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kesempatan untuk saya membahaskan sedikit usul yang telah dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan keganasan Rejim Zionis yang telah menentang mereka yang cuba untuk membantu mereka yang sedang menghadapi masalah yang membawa bantuan-bantuan ke Gaza baru-baru ini.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, perkara ini telah pun baru-baru ini telah dibawa oleh Y.A.B Perdana Menteri di Dewan Rakyat yang telah mendapat sokongan yang tidak berbelah bagi dari semua pihak. Oleh kerana itu, sebagai sebuah negara yang Islam sebagai agama rasmi sudah tentu kita akan menyokong semua mana-mana negara yang beragama Islam yang ditentang oleh orang-orang yang bukan beragama Islam.

Kemudiannya menghancurkan, merosakkan kedudukan bangsa-bangsa yang beragama Islam di seluruh dunia. Jadi oleh kerana itu, saya merasakan ini adalah merupakan satu tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam dan negara Islam seperti mana kita semua sedia maklum bahawa banyak negara-negara lain juga yang telah menyokong bahawa keganasan Rejim Zionis ini adalah merupakan satu yang harus dibawa ke peringkat antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai mana yang telah diputuskan dan seperti mana yang telah dikemukakan usul oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin tadi, bahawa kita, hendaklah sama-sama menyokong, maka dengan itu saya dengan rasa sukacitanya, dengan rasa bangga, dengan rasa penuh bertanggungjawab menyokong usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ahmad bin Hussin.

12.18 tgh.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pembukaan Kota Al-Quds pada tahun 6036Masihi, Khalifah Islam Kedua Sayidina Umar Al-Khattab mengisytiharkan bahawa seluruh bumi Palestin adalah tanah wakaf milik umat Islam hingga generasi terkemudian.

Faktor ini difahami bersungguh-sungguh oleh Panglima Islam Salahuddin Al-Ayubi yang mendorong beliau menyeru kaum Muslimin dengan kata-katanya, *"Saya tidak dapat menjual negeri ini. Bahawa Baitulmuqaddis sebagai kiblat yang pertama. Baitulmuqaddis sebagai negeri Israk dan Mikraj. Baitulmuqaddis sebagai kota besar Islam yang ketiga. Baitulmuqaddis sebagai kenabian dan keberkatan. Kini umat Islam di zalimi. Apakah kita hendak berdiam diri dan berpeluk tubuh sahaja. Tidak sempurna iman kamu sehingga kamu saingi saudara kamu"*. Sudah pasti iman kita akan cacat kalau kita tidak menolong saudara Islam kita.

■ 1220

Saya masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, Usul yang dibawa terhadap Israel pada 26 Julai 2006, apabila Dewan ini menekankan rejim Israel bertindak kejam dengan memperluaskan operasinya ke atas Lebanon dan Palestin. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua walaupun tidak ada tindakan tegas yang diambil oleh mereka yang memperjuangkan demokrasi, kita masih teruskan juga tentang cadangan usul desakan bahawa kita mempunyai kredibiliti, kita mempunyai maruah dan kita pejuang demokrasi yang sebenarnya, bukan cakap retorik politik.

Saya ucapkan tahniah kepada Jepun khasnya kerana semasa Tuan Yang di-Pertua menghadiri Asia Pacific Parliamentary Forum di Singapura pada Disember 2009, saya amat terpanggil kerana *sponsoring country*, dengan izin Jepun, Indonesia dan Chile adalah negara-negara yang telah membawa usul ini untuk *Middle East Peace*. Saya amat berbangga dan akhirnya Jepun sendiri bukan cakap-cakap politik sahaja tetapi Jepun bersetuju untuk membantu Palestin membina ekonominya sendiri dan mengurus tadbir sebagai institusi serta menjadikan Palestin sebuah negara berdaya maju. Membantu Palestin untuk wujud sebagai sebuah negara satu hari nanti. Bayangkan Jepun kerana terasa semasa kemusnahan Hiroshima dan Nagasaki, kemanusiaan Jepun adalah melewati batas-batas sempadan bangsa, agama dan perjuangan. Inilah yang sepatutnya kita ikuti.

Isu Palestin telah membuka ruang untuk satukan umat Islam sedunia. Tindakan biadab rejim Yahudi merampas kapal Mavi Marmara dan Rachel Corrie ke Gaza telah membakar semangat jihad *fisabilillah*. Inilah perangai lanun antarabangsa. Kekejaman komando Israel itu telah mencetuskan gelombang kemarahan masyarakat dunia dengan melancarkan tunjuk perasaan secara besar-besaran di seluruh pelosok dunia.

Tidak hairanlah kalau Osama bin Laden akan mengambil tindakan keganasan bila-bila masa. Ini jangan kita salahkan Osama bin Laden, kerana Presiden Amerika nama seiras-iras tetapi tidak berani untuk menunjukkan bahawa mereka adalah pejuang dan ingin untuk menolong mereka yang tertindas.

Malaysia perlu memberikan pertolongan berterusan lebih penting lagi ialah pertolongan yang jujur bukan sekadar retorik politik sahaja. Kita buktikan, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah memberikan hujah-hujah yang baik dan cadangan yang terbaik untuk mengatasi penindasan kemanusiaan dan juga Timbalan Menteri Luar. Mufti Masjidil Haram Mekah, Sheikh Dr. Sulaiman al-Salami berkata, "Perkembangan terkini berlaku di Gaza membuktikan umat Islam masih hidup, bergerak dan ada penentangan iaitu semangat jihad di kalangan mereka." Katanya, "Walaupun hasrat menyampaikan bantuan kepada penduduk di Palestin tidak kesampaian, insiden yang mendapat perhatian dunia itu menunjukkan isu Palestin bukan permasalahan rakyat Palestin atau masalah orang-orang Arab sebaliknya permasalahan umat Islam sejagat."

Insiden rampasan kapal dan pembunuhan sukarelawan antarabangsa membawa bantuan ke Gaza baru-baru ini adalah katanya qada dan qadar Allah SWT yang sudah pasti kepada umat Islam ada hikmahnya. Oleh kerana kejadian ini berjaya menyatukan umat Islam seluruh antero dunia. Masalah Palestin adalah masalah umat Islam sejagat. Penguasaan Yahudi terhadap media massa terutama media barat seperti Amerika Syarikat sejak sekian lama menyebabkan dunia Islam mendapat gambaran salah mengenai apa yang sebenarnya berlaku terhadap orang-orang Palestin di Gaza.

Akibatnya dunia menyangka dalam isu antara Israel dan Palestin yang dikepung dan teraniaya adalah orang Israel. Dahulu ini kita dipesongkan oleh media bangsa yang tidak bertanggungjawab. Ini amat memalukan kepada pejuang yang kita pejuang demokrasi menegak keadilan, *human rights*, dengan izin. Pembohongan belaka. Peristiwa ini telah membuka pemikiran umat Islam. Dahulu media massa memainkan peranan penting menyelewengkan kebenaran menyebabkan umat Islam tidak mengambil tindakan. Perkembangan terkini, mutakhir ini di Gaza adalah peringkat pertama memecahkan dominasi Israel itu. Menyentuh janji Allah SWT "bahawa Islam akan kuat dan apa yang berlaku di Gaza kini sebagai titik permulaan" kata Dr. Sulaiman. Umat Islam perlu yakin akan Allah SWT tidak akan mengingkari janji. Beliau turut mengingatkan firman Allah SWT yang bermaksud, "*Jika kamu membantu Allah SWT, Allah akan bantu kamu.*"

Bagaimanapun katanya, "Tempoh cepat atau lama mana itu terpulang kepada Allah SWT kerana ia termasuk dalam perkara yang ghaib." Tanda kemenangan sudah kelihatan dan untuk terus berada di landasan yang betul, umat Islam perlu mengambil tiga langkah. Pertama hendaklah jujur menghadapi permasalahan ini. Kedua menghapuskan perbezaan pandangan yang membawa kepada perpecahan yang hanya akan melemahkan umat Islam.

Ketiga keluar daripada lingkungan yang dicipta musuh, sebaliknya teguh dengan pendirian berdasarkan pandangan Islam. Oleh sebab itu kita harus boikot. Ada berapa jenama, tidak mati kalau kita tidak pergi ke *Starbuck* tidak mati. Kalau kita tidak berus gigi dengan *Colgate* pun tidak mati. Kalau kita tidak minum *Coca-Cola* pun banyak ribu lagi minuman. Ini tiga contoh banyak lagi. Jangan hisap rokok.

■ 1230

Saya harap kawan-kawan saya yang hisap rokok tolong jangan hisap *Dunhill*, satu. Kedua, rokok ini ada fatwa yang sudah keluar, haram rokok tetapi, kawan-kawan saya ini selepas ini dia tidak hisap. Ini kerana pada tahun 1995, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dalam persidangannya yang ke-37 telah pun memutuskan rokok adalah haram berdasarkan hujah yang hampir sama dengan fatwa-fatwa seluruh dunia yang lain. Majlis

Fatwa Sedunia yang berpangkalan di Arab Saudi juga menghukum haram merokok atau maklumat terkini mengenai bahaya rokok. Hisap rokok bahaya. Semua tahu, 4,000 jenis kimia beracun. Tolong kurangkan dan akhirnya berhenti. Saya hendak habiskan ucapan ini dengan satu keratan akhbar saya baca. Westport Berhad telah diarah sediakan laporan lengkap memasukkan kapal Israel COHA. Kapal Israel dibenarkan berdagang di Malaysia.

Satu lagi, bendera Israel berkibar di Malaysia. Saya ingin tunjukkan pasport sebagai bukti. Kadang-kadang kita lupa mahu lihat pasport. Di belakang ini Tuan Yang di-Pertua, ia tulis pasport ini Agong beri. Bukan boleh beli di tepi jalan, bukan. Ini Agong beri kepada kita. Bagi yang ada pasport *international* ini, Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong lulus baru boleh pakai ini dan Sri Paduka kata, ini saya baca. Pasport ini sah digunakan untuk semua negara kecuali Israel. Saya mahu terangkan sekali lagi, kecuali Israel. Jangan ada apa-apa perhubungan dagangan, pendidikan, pendek kata kebudayaan apa sahaja, kita mesti *stop*, dengan izin, *once and for all*, dengan izin, dengan Israel kita anggap Israel tidak wujud di dunia ini. Dengan kata-kata itu, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

12.32 tgh

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang membuat usul yang sebaik ini dan kena pada masanya. Kebetulan hari ini dalam ucapan penangguhan saya pun, menyentuh perkara yang sama. Tuan Yang di-Pertua, Israel adalah satu negara dan bangsa yang jelas, yang telah pun disebut dalam al-Quran betapa satu bangsa ini yang tidak akan berpuas hati dan menerima nasihat melainkan kita mengikut apa yang mereka kehendaki.

Semua Perdana Menteri Israel daripada tahun 1948 sehinggalah sekarang telah mengeluarkan berbagai-bagai kenyataan yang kesimpulannya jelas sepertimana yang disiarkan dalam akhbar baru-baru ini, yang mana tugas mereka ialah untuk merampas tanah orang-orang Arab, untuk merampas segala apa yang ada kepada orang Arab di Palestin yang kesimpulannya untuk menghapus negara Palestin itu sama sekali. Seperti disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa di belakang mereka ialah sebuah negara yang besar, yang mempunyai kekuatan yang boleh menggerunkan negara-negara lain iaitu Amerika Syarikat.

Selama kita membahaskan isu ini, sebagaimana yang kita maklum bahawa Israel ini tidak pernah takut dan gentar. Bukan sekadar OIC, malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri tidak digeruni oleh Israel kerana di belakangnya adalah satu kuasa yang besar yang melindungi. Mesej yang diberi oleh dunia, negara-negara terutamanya negara Islam dan negara-negara Eropah yang lain yang benci dengan keganasan dan pembunuhan yang dilakukan oleh Israel. Akan tetapi desakan yang dilakukan oleh dunia sedikit pun tidak memberi kesan kepada Israel kerana mereka tahu bahawa tiada negara yang boleh menggugat kedudukan mereka. Dalam membincangkan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mempelawa kita semua berfikir dan merenung sebentar apa yang sebenarnya yang boleh kita lakukan untuk membantu rakyat Palestin. Apa yang kita mampu dan boleh lakukan untuk memberi ingatan dan kesan kepada Israel juga kepada kuasa besar Amerika Syarikat yang melindunginya. Melindungi keganasan dan pembunuhan yang dilakukan sejak tahun 1948 sehinggalah sekarang yang mana Israel tidak akan berhenti dari melakukan kerja-kerja ini sehinggalah negara Palestin itu terhapus sama sekali. Mereka akan melabelkan siapa sahaja yang akan mempertahankan dan cuba memberi bantuan kepada Palestin ini *terrorism*. Ini pengganas dan kadang-kadang kita terbawa dengan rentak yang dilakukan oleh mereka.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita boleh lakukan, saya bersetuju dengan sahabat saya Yang terhormat Tuan Ahmad bin Hussin sebentar tadi. Setidak-tidaknya suatu kenyataan kita keluarkan bahawa Malaysia memboikot apa juga barangan.

Tadi dia sebut *Starbucks*, hapuskan kebenaran *Starbucks* beroperasi kalau sebenarnya ia mempunyai hubung kait dengan Israel. Jangan benar kapal-kapal dagang berlabuh di Pelabuhan Klang sekiranya ia mempunyai *connection* dengan Israel sebab itu kita dapat lakukan. Negara yang membantu kuat keganasan Israel ini ialah Amerika Syarikat.

Kita hendaklah berani bertindak dengan memboikot semua barangan Amerika Syarikat kerana Amerika Syarikatlah yang membuatkan Israel semakin ganas, berani, dan angkuh dengan tidak menghiraukan desakan dunia. Ini bukan sahaja boleh dilakukan rakyat, malah kerajaan kita haruslah melakukan ini supaya mesej kita jelas. Segala keganasan yang dilakukan oleh Israel kita tentang sungguh-sungguh. Oleh kerana ramai lagi sahabat di belakang yang akan turut membahaskan usul ini, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

12.39 tgh

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan yang bercakap terdahulu daripada saya, saya juga menyokong sekuat-kuatnya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini. Saya mengalu-alukan kesedaran dan keprihatinan pimpinan kerajaan terhadap isu Palestin ini. Sebagai menyambung pandangan dikemukakan oleh rakan yang bercakap sebentar tadi, saya ingin mengemukakan tiga cadangan yang konkrit yang saya harap akan ditimbang oleh kerajaan.

■ 1240

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya mencadangkan supaya dalam kurikulum persekolahan kita dimasukkan isu Palestin ini. Diajarkan kepada anak-anak kita tentang penderitaan, tentang perjuangan rakyat Palestin. Diajarkan kepada rakyat-rakyat kita tentang pencerobohan yang dilakukan oleh rejim Zionis ini semenjak tahun 1948 dahulu.

Setidak-tidaknya, apabila pelajar-pelajar kita sudah tamat PMR - yang saya harap tidak akan dihapuskan ia akan tahu apa *Balfour Declaration*, mudah-mudahan. Ini satu hanya sebagai satu contoh yang kecil.

Jadi apabila kita memasukkan perkara-perkara mengenai perjuangan, penderitaan dan pencerobohan Zionis ke atas bumi Palestin itu, maka kita boleh memasukkannya pada peringkat-peringkat tertentu. Umpamanya pada peringkat sekolah rendah kita maklumkan sahaja perkara-perkara yang *basic*, pada peringkat sekolah menengah agak mendalam sedikit dan seterusnya dan seterusnya. Ini adalah satu komitmen yang saya rasa, di mana kita akan dapat mewariskan kepada generasi muda tentang perjuangan yang kita rintis sekarang, yang kita lakukan sekarang.

Jadi dengan konkrit – ertinya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya isu Palestin ini - atau sejarah penderitaan dan perjuangan rakyat Palestin itu dijadikan sebagai sebahagian daripada kurikulum sistem persekolahan kita. Sama ada dalam mata pelajaran Pengetahuan Am, Sejarah atau apa sahaja. Saya percaya perkara ini akan dapat difikirkan dengan mendalam oleh pihak bahagian kurikulum di Kementerian Pelajaran.

Selain daripada itu satu cadangan lain yang saya ingin kemukakan Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya kerajaan memperbanyak bantuan-bantuan kepada kegiatan-kegiatan NGO yang ada kaitannya dengan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin ini. Umpamanya kira-kira dua tahun yang lalu saya ingat, syarikat Utusan Malaysia mengadakan Malam Puisi Demimu Palestin. Akan tetapi itu hanya dibuat oleh syarikat Utusan Malaysia sahaja, sedangkan kegiatan-kegiatan seperti ini saya rasa patut mendapat bantuan secara langsung dan secara tidak langsung daripada kerajaan. Umpamanya dengan meminjamkan bangunan-bangunan kerajaan secara percuma dan memberikan bantuan-bantuan kewangan yang lain.

Satu cadangan yang lain yang saya ingin kemukakan Tuan Yang di-Pertua ialah, supaya difikirkan untuk mengecualikan cukai terhadap sebarang bentuk bantuan, sebarang bentuk sumbangan yang hendak diserahkan kepada menyokong perjuangan rakyat

Palestin itu. Itu adalah tiga cadangan yang ingin saya kemukakan, dan sekali lagi saya hendak seperti rakan-rakan yang tadi menyokong sepenuh-penuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

12.43 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama membahaskan usul Palestin yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Dalam menyebut tentang usul Palestin ini, saya ingin memohon dan mendesak pihak kerajaan agar semua usul yang telah dibentangkan oleh pihak kerajaan, dengan penambahan dan semua tindakan yang dicadangkan dan yang telah dibuat ini dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu di semua peringkat dari segi ekonomi, sosial dan politik dan ia tidak mengikut keadaan ataupun *events* yang berlaku di Palestin.

Kedua, membuat pelan tindakan sepadu negara menentang *Zionisme* di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagi menunjukkan keseriusan negara kita dalam menangani isu ini dan agar negara kita juga tidak terjebak dengan unsur-unsur *Zionisme* yang mungkin telah pun bertapak di negara kita.

Ketiga, melarang semua bentuk hiburan dan budaya yang membawa masuk penyanyi dan muzik barat yang mempunyai ciri dan *pro-Zionisme* dan Israel dalam lirik mahupun dalam bentuk persembahan. Ini mesti disediakan satu polisi oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan agar perkara seperti ini tidak masuk ke dalam negara kita secara berleluasa. Kita tidak hanya menunggu ataupun mengharapkan ada bantahan ataupun demonstrasi, barulah perkara ini dijadikan satu perkara yang tidak boleh dibawa masuk ke dalam negara kita.

Keempat, menggesa Kerajaan Malaysia menyatakan pengiktirafan secara rasmi ke atas kerajaan Hamas yang telah memenangi pilihan raya Palestin, dan seterusnya menyalurkan semua bantuan kemanusiaan yang disalurkan oleh rakyat Malaysia melalui saluran yang sah. Kita adalah negara demokrasi, kita percaya kepada demokrasi dan kita mesti menghormati hak rakyat Palestin yang telah pun memilih Kerajaan Hamas menjadi kerajaan mereka. Oleh itu, semua bantuan dan semua saluran itu hendaklah disalurkan terus kepada saluran yang sah tersebut iaitu kerajaan Hamas di Palestin.

Kelima, menamatkan semua kerjasama dan perjanjian di antara kerajaan Malaysia dan mana-mana kerajaan ataupun syarikat yang pro-Israel dalam apa juga bentuk, tidak kira syarikat itu syarikat perkhidmatan runding cara atau perdagangan, secara tersurat mahupun tersirat.

Keenam, memberi keutamaan untuk memberikan biasiswa kepada pelajar antarabangsa ataupun pelajar luar negara kepada pelajar lelaki dan wanita daripada orang Palestin untuk belajar di IPTA kita. Kerana ini merupakan sumbangan sumber manusia kita kepada rakyat Palestin bagi memastikan mereka terus mendapat pendidikan yang sempurna sekalipun mereka ini telah pun diganasi dan dicerobohi oleh pihak Israel.

Seterusnya, melancarkan penerangan tentang kesedaran kedaulatan negara Palestin dan al-Aqsa sebagai program rasmi kerajaan, khususnya untuk bulan Ramadan. Seterusnya menjadikan agenda Palestin sebagai isu wajib yang akan dibawa oleh Malaysia dalam semua forum dan perbincangan antarabangsa.

Akhir sekali, meneliti dan memastikan terma khusus penubuhan rasmi IPU sebagai sebuah badan Parlimen Antarabangsa, yang sekali gus sekiranya kita tidak memperhatikan secara betul-betul akan menyebabkan kita secara tidak langsung mengiktiraf dan menerima Israel yang sekarang ini merupakan salah satu daripada peserta di peringkat IPU sendiri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan.

12.47 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong resolusi ini, tetapi secara terbatas dan bersyarat dan tidak sepenuhnya seperti yang dilakukan oleh sahabat saya lebih awal tadi. Saya menyatakan terbatas kerana beberapa sebab. Satu ialah selain daripada mengutuk apa yang dilakukan terhadap *Freedom Flotilla*, perlu juga diingatkan terutama sekali kezaliman-kezaliman yang berterusan yang dilakukan oleh Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Saya mengambil dua contoh. Contoh yang pertama ialah, serangan-serangan yang telah dilakukan ke atas Gaza lebih daripada setahun yang lalu yang mengakibatkan lebih daripada 1,000 terbunuh termasuk kanak-kanak, orang tua dan perempuan.

Contoh yang kedua ialah, pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila yang dilakukan oleh Menteri Pertahanan sewaktu itu, dan satu ketika telah menjadi Perdana Menteri iaitu Ariel Sharon. Penyiasatan yang dilakukan oleh Israel sendiri mendapati bahawa Sharon bertanggungjawab atas pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila tetapi, seperti yang kita ketahui, Israel tidak mengambil tindakan terhadap beliau. Dunia pun termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mengambil tindakan terhadap beliau.

Oleh kerana itu saya merasakan bahawa resolusi ini sepatutnya mengaitkan juga, bukan sahaja soal khusus kapal tetapi soal kezaliman-kezaliman yang dilakukan dalam dua peristiwa yang saya sebutkan tadi. Kezaliman-kezaliman ini dikaitkan juga dengan penahanan beramai-ramai pejuang-pejuang Palestin. Kita ketahui bahawa lebih daripada 4,000 orang pejuang Palestin ditahan di Israel termasuk kanak-kanak dan orang tua-tua. Jadi, penting kita masukkan perkara-perkara ini dalam resolusi ini untuk mengingatkan rakyat kita tentang kezaliman tersebut.

Perkara kedua ialah, dari segi sejarah kita ketahui bahawa selepas Deklarasi Balfour dan orang Israel Zionis dibenarkan untuk mendiami kawasan yang telah didiami oleh orang Palestin asalnya. Pengusiran beramai-ramai, pengusiran secara paksa, pengusiran secara zalim telah dilakukan oleh Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

■ 1250

Mereka dihalau, rumah mereka dimusnahkan, tanaman-tanaman mereka dirosakkan ataupun diambil alih. Peristiwa seperti ini sebenarnya berterusan sekarang ini dengan bukan sahaja mendirikan rumah-rumah di kawasan-kawasan yang didiami dan dimiliki oleh rakyat Palestin tetapi juga dengan membuat tembok-tembok. Dalam proses pembuatan tembok itu bukan sahaja memisahkan dan menyekat rakyat Palestin, tetapi merosakkan tanaman-tanaman mereka. Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa cara ini akan berterusan kerana ideologi Zionis itu adalah ideologi untuk mengembangkan wilayahnya, selagi mereka tidak dapat mengembangkan wilayahnya seluas-luasnya di dunia Arab di sekeliling mereka, mereka tidak akan berpuas hati.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita mendapati bahawa banyak perhubungan bukan sahaja perdagangan tetapi politik telah berlaku di antara Malaysia dan pemimpin-pemimpin Malaysia dengan Israel dan pemimpin Israel dengan tidak secara langsung. Tadi ada disebutkan tentang barang-barang yang dijual di sini. Suatu ketika dahulu, misalnya, limau Jafar diimport ke mari tetapi ada bantahan-bantahan dan akhirnya Jafar itu dihilangkan. Namun, saya diberitahu limaunya masih diimport.

Kemudian ada misalannya buah pisang kaki namanya 'Sharon', dan saya diberitahu juga itu adalah dari Israel dan mereka lakukan ini terutama sekali dengan Singapura. Melalui Singapura sering dibawa barang-barang ini, dan Singapura memainkan peranan untuk memberikan sokongan perdagangan kepada Israel. Pada waktu kita menentang Israel, pada masa yang sama juga kita lihat kapal, disebutkan tadi kapal perdagangan Israel berlabuh di Klang. Sewaktu kita begitu hangat membidas kezaliman Israel ini, kita sambung pula misalnya perjanjian kita dengan APCO, walhal APCO ini antara pengarahnya, antara pengurusnya adalah orang-orang yang dikenali sebagai bekas pemimpin-pemimpin Zionis Israel.

Jadi Yang Berhormat sekalian dan Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, empat perkara yang saya sebutkan tadi perlu

kalau tidak pun dalam resolusi yang disebutkan. Perlu kita ingatkan bukan sahaja pada diri tentang hal-hal ini, bahkan saya setuju dengan pandangan Dr. Firdaus tadi perlu dididik anak-anak kita tentang penerangan-penerangan itu. Penting juga ialah kalau dapat lebih banyak lagi disalurkan kepada media-media tentang hal ini. Ini kerana saya nampak kadang-kadang media selalu memetik berita-berita dan analisa-analisa yang datang daripada Barat dan kebanyakannya berpunca daripada wartawan-wartawan yang pro-rejim Zionis Israel. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berucap mengenai usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Semalam Presiden Amerika Syarikat, Obama telah memberikan ucapan selamat hari jadi kepada mantan Presiden Afrika Selatan, Mandela di atas hari jadi beliau dan dalam watakah pada hari jadi mantan Presiden Mandela, beliau mengatakan rakyat Amerika akan menggunakan contoh Mandela di dalam memperjuangkan hak asasi manusia, iaitu *human rights*. Jadi saya menyentuh mesej Presiden Obama itu sebab dia menyentuh mengenai hak asasi manusia, kezaliman dan penganiayaan Israel terhadap rakyat Palestin khususnya di Gaza adalah satu kezaliman yang didorongkan oleh keangkuhan begitu dahsyat sekali yang pernah kita dengar, selain daripada yang lepas-lepas lah oleh Hitler semasa Perang Dunia Kedua.

Ini bolehlah seperti Yang Berhormat Profesor Firdaus telah katakan, ajarkan anak-anak kita. Kalaulah kita dengar perkataan Israel atau nama Israel itu disebut, kita harus ambil itu sebagai satu *epitome*, penganiayaan, kezaliman terhadap manusia sejagat. Mungkin ramai telah lupa bagaimana Israel mula menganiaya orang Palestin dan juga orang-orang Arab yang lain. Saya ingat zaman Yasser Arafat, mungkin kita sudah lupa nama Yasser Arafat. Ini pun nama Yasser Arafat pun harus kita ingat seperti kita mengingati Mandela juga, dia adalah seorang pemenang *Nobel Prize* tentang keamanan.

Beliau telah memperjuangkan nasib orang Palestin hingga ke akhir hayatnya, ingat macam mana Yasser Arafat mati atau menempuh kematian? Kematian di dalam suasana penuh keraguan, adakah beliau diracun sebelum beliau meninggal dunia, beliau di bom di rumahnya sendiri, begitu dahsyat keangkuhan Israel. Itu pun belum selesai, timbul macam-macam penganiayaan yang lain, penganiayaan demi penganiayaan. Saya ingin juga menasihatkan rakyat Malaysia, walaupun rakyat Malaysia telah menunjukkan keberanian mereka untuk memperjuang, sama-sama memperjuangkan nasib Palestin yang teraniaya itu dengan menghantarkan macam-macam cara hendak menghantarkan bantuan dan sebagainya sehingga nyawa mereka terancam. Saya rasa ingin hendak menasihatkan kalau boleh...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan, baik.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Masa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat, saya dengar tadi ramai rakan-rakan yang telah menyokong tentang usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi apa yang saya hendak utarakan adalah dalam Malaysia, dalam negara kita semua orang menyokong Israel ini patut diambil tindakan, Israel begitu, Israel ini, Israel kejam tetapi, apabila di luar negara suaranya lain.

Ada yang minta maaf kata dia tidak kata begitu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, apa patut tindakan diambil kepada orang yang begini? Terima kasih... [*Tepuk*]

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Baiklah sebelum saya menyentuh perkara itu, sebenarnya saya hendak menasihatkan kalau boleh jangan hantar kapal lagi ke Gaza hendak hantar. Walaupun kita berani, walaupun kita apa, sebab apa, kita hantar orang bagus-bagus, orang yang berjuang, orang yang betul-betul berkaliber apa juga ya, hati yang baik, tetapi mereka akan menempuh maut juga, kerana Israel seperti yang kita tahu adalah dibantu oleh Amerika Syarikat. Mungkin ini menunjukkan Amerika Syarikat itu ada tangan di

belakang mereka, yang kita tahu tangan yang tidak nampak ini *invisible hand* dengan izin, adalah tangan rejim Zionis Israel. Israel...

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa cukup, Yang Berhormat boleh sambung perbahasan pada jam 2.30 petang nanti.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: *Insyallah.*

Timbalan Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang menyambung ucapan. Silakan.

2.32 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung perbahasan mengenai usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai Palestin. Saya telah mengatakan iaitu di belakang Israel, kekuatannya terletak di tangan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat nyata terdorong oleh pengaruh Zionis. Begitu juga kita lihat, Israel mempunyai sistem pertahanan dan sistem persenjataan begitu canggih. Secanggih-canggih yang dapat kita fikirkan. Mereka mempunyai rangkaian satelit yang sangat *advance* dengan izin. Mereka mempunyai satelit yang bernama Ofeq, yang bernama AMOS, EROS, TecSAR, Techsat, Slohsat dan pelbagai lagi *spy satellite* yang lain.

Oleh sebab itu apabila kapal *Freedom Flotilla* belayar di tengah-tengah lautan sebegitu besar, kapal atau kapal kecil atau bot laju Israel dapat memintas mereka begitu cepat dan begitu *precise* sekali, dengan izin. Ini menunjukkan Israel mempunyai kekuatan. Bukan sahaja dia sendiri mempunyai kekuatan *on their own right*, dengan izin tetapi, oleh sebab sokongan Amerika Syarikat, mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya dan sesuka hati mereka.

Saya ingin memberi pendapat iaitu kalau ada sesiapa hendak menghantar apa juga bekalan makanan atau ubat-ubatan ke Gaza. Saya rasa janganlah hantar macam yang telah kita hantar itu. Tidak payah lagi sebab kita akan hanya menghantar mereka di dalam satu misi *suicide*. *It is a suicide mission* kerana Israel telah membuktikan kekejaman mereka. Mereka telah membuktikan bagaimana tergamaknya, bagaimana kejamnya dan mereka akan bunuh orang-orang kita.

Nyawa anak-anak negara kita dan warga kita, nilainya begitu tinggi. Kita tidak mahu menjadi korban kepada peluru Israel yang begitu murah. Kalau hendak memerangi mereka, saya rasa bukanlah dengan cara menghantar macam barang-barang. Kita telah tunjukkan betapa beraninya warga kita menempuh maut. Kita telah tunjukkan baik hati budi rakyat-rakyat warganegara kita, seperti yang telah ditunjukkan oleh sahabat-sahabat wira kita di dalam misi Mavi Marmara, *Freedom Flotilla* itu. Akan tetapi kalau kita hendak buat lagi, saya rasa itu sia-sia sahaja sebab Israel tidak akan tunduk kepada apa jua tekanan sebegitu.

Saya mohon kalau boleh Malaysia bergerak membawa kesedaran ke seluruh warga dunia untuk mengutuk kekejaman Israel dengan menggunakan apa jua pengaruh supaya sesiapa yang benci kepada penganiayaan mereka itu haruslah bersatu-padu. Lebih-lebih lagi negara-negara Arab yang kuat dari segi ekonomi, dari segi pengeluaran minyak mereka. Mereka harus bersatu padu.

Sekarang ini wang yang menguasai minyak ialah *American Dollar*, *American Dollar* itulah menjadi *Petro-Dollar* dan kita tahu dahulu pun USD ini menjadi satu *currency*. *One single currency* yang disandarkan dengan emas di dalam Perjanjian Bretton Woods tetapi, perjanjian itu tidak dihargai, tidak dipenuhi oleh Amerika sendiri apabila Presiden Nixon tidak mahu memberi *honour* kepada apa jua *dollar* diganti dengan emas. Ini kerana atas dasar spekulasi yang begitu teruk pada tahun 1971. Mereka sendiri memungkiri Perjanjian Bretton Woods.

Sekarang ini USD memainkan peranan yang begitu hebat di mana mereka menguasai ekonomi yang berlandaskan pengeluaran minyak dengan pengaruh dan kekuatan *Petro-Dollar* tersebut. Mungkin jawapannya ada terletak di tangan kuasa ekonomi yang lain itu, khususnya pengeluar minyak. Mungkin jawapannya ada, dicetuskan menerusi idea Tun Dr. Mahathir yang pernah kita dengar dahulu. Kalau boleh kita gunakan Dinar Emas pada satu hari nanti.

■ 1440

Sekarang ini ada juga peralihan pandangan daripada Dolar kepada *Euro*. Kita tidak tahulah mungkin kuasa pasaran dunia, kuasa yang menentukan ekonomi seluruh dunia boleh bergerak ke arah ini, Dinar Emas supaya pengaruh *Petro-Dollar*, pengaruh *US Dollar* yang kita tahu adalah satu rekaan, *US Dollar* itu sebagai satu *currency* ataupun wang *single currency*, dengan izin, dunia yang telah diwujudkan oleh gerakan yang berunsurkan Zionis, ada pendapat sebegini. Jadi saya mohon untuk mengakhiri perbincangan ini. Saya mohon jika Obama telah memberi ucapan yang begitu baik sempena hari jadi Mandela untuk mengenangkan bagaimana perjuangan Mandela berjuang untuk mengecam dan mengatasi penganiayaan terhadap hak asasi manusia, saya rasa Obama harus juga menghargai. Orang-orang Palestin dan orang di Gaza itu sangat rindukan hak sebagai manusia juga. Kekejaman Israel harus kita simpan di dalam sejarah, di dalam buku-buku kamus kita sebagai satu *epitome* kekejaman terhadap manusia sejagat.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong usul ini dan saya mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat. Oh, sebelum saya mengakhiri, ada celahan daripada Yang Berhormat Dato' Musa Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya jawab. Adalah warga Malaysia yang mohon maaf di Amerika, entah daripada Yahudi ataupun Islam.

Saya rasa itu sangat memalukan kita. Kalau ada pun bertaubatlah kerana kita jauh sekali mahu jadi alat kepada Yahudi, jauh sekali untuk menjadi alat kepada Amerika demi maruah bangsa kita sendiri. Saya tidak mahu Malaysia dijajah oleh tangan luar dalam apa bentuk pun. Saya rasa itulah kehendak rakyat Malaysia, kita mempunyai pendirian, kita mempunyai maruah, kita mempunyai *sovereignty* kita dengan izin sendiri. Itulah yang sebenarnya diperjuangkan oleh kerajaan kita dan kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional saya rasa yang terbaik. Sekian, terima kasih.

2.43 ptg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan peluang yang diberikan kepada saya untuk turut terlibat bersama menyokong usul menyatakan kekesalan kita ke atas apa yang berlaku dan dilakukan oleh rejim Zionis Israel. Jadi kita mengutuk tindakan tidak berperikemanusiaan oleh rejim Zionis secara khususnya serangan ke atas konvoi kemanusiaan ke Gaza pada 31 Mei 2010 dan juga menunjukkan kekesalan kita kepada kekejaman yang berterusan yang dilakukan oleh rejim Zionis kepada rakyat Palestin sejak puluhan tahun terakhir ini.

Jadi kita mengutuk sekeras-kerasnya kerja yang dibuat oleh Tentera Laut Israel, menyerang kapal menghantar barang bantuan kemanusiaan ke Gaza menyebabkan kematian sembilan orang dan lebih 30 orang cedera. Jadi tindakan zalim dan pembunuhan Israel terhadap sukarelawan kemanusiaan ini adalah terang-terangan bertentangan dengan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa juga penyekatan barang bantuan kemanusiaan ke tangan orang Palestin yang perlu diselamatkan juga telah dengan nyata mencabul hak asasi manusia orang Palestin untuk mendapat barang keperluan kehidupan harian.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun kerajaan Israel telah melepaskan 124 orang termasuklah 12 orang warganegara Malaysia. Jadi kita rasa Kerajaan Malaysia harus

mengambil tindakan terhadap jenayah yang dilakukan oleh Israel. Saya mengucapkan syabas di atas usaha membuat usul di Dewan Negara pada hari ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya menggesa kerajaan segera berpakat dengan negara-negara lain yang turut berjuang di atas prinsip hak asasi manusia bagi mengheret dan menghukum Israel di Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Kita juga harus menuntut keadilan untuk sembilan orang mangsa yang dibunuh serta keluarga sembilan aktivis yang dibunuh dengan sengaja.

Kita menyerulah, bagi saya di atas usul ini, kita menyeru agar rakyat Malaysia terus meneliti dan memberikan kepedulian kita terhadap peri kelakuan kejam dan penganiayaan Israel terhadap orang Palestin. Saban hari berlaku walaupun tidak dilaporkan setiap hari oleh media, yang bertentangan dengan segala konvensyen antarabangsa dan resolusi PBB yang telah diadakan. Di antara kekejamannya yang dapat saya simpulkan dalam masa yang ringkas ini ialah bagaimana mereka telah menduduki secara haram tanah Palestin, mereka juga membina kawasan kediaman di atas tanah yang diduduki secara haram yang sepatutnya adalah tanah kawasan Palestin.

Mereka merobohkan rumah ataupun kediaman, dan mengusir orang Palestin, membina tembok pemisah bagi menyekat tanah wilayah Palestin secara haram dan juga yang cukup kita kesalkan ialah mereka menutup lima pintu masuk perbatasan di sekitar Tebing Barat dengan Israel dan juga Gaza dengan Israel. Walaupun ada ketikanya, pada ketika lawatan wakil daripada *United Nations*, mereka buka mungkin sekadar untuk mengelirukan keadaan. Kita kesal kerana mereka mengawal pengedaran barangan dan menyerang kawasan kediaman Palestin dengan senjata berat dan seterusnya membunuh ramai orang Palestin yang tidak bersalah.

Melalui usul ini, saya mengharapkan supaya Malaysia mestilah mendesak dan mengetuai usaha melalui sama ada OIC ataupun NAM yang saya difahamkan memang Ketua Negara kita sudah memulakan usaha, tetapi kita minta supaya bertegas dan memastikan konvensyen-konvensyen PBB dan segala resolusi PBB yang telah dibuat selama ini diberikan perhatian dan diambil tindakan. Juga tidak ketinggalan, Malaysia harus mendesak satu kuasa dunia, Amerika Syarikat, agar tidak terus menerus menjadikan talian hayat yang menyelamatkan Rejim Zionis ini dari dikenakan tindakan oleh PBB.

Kita kena ingatkan Amerika Syarikat bahawa tindakannya sangat tidak popular dan ini menyebabkan dunia semakin membenci Amerika Syarikat secara langsung.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, dalam usul ini saya menyokong usaha mengutuk kekejaman Rejim Zionis ini dengan menyarankan dan menyeru bersama agar Malaysia memutuskan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi, sebarang pertemuan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pimpinan atau pegawai Rejim Zionis, mestilah segera kita elakkan.

Kedua, Malaysia memastikan tidak terlibat secara langsung ataupun tidak langsung sebarang permerdagangan dengan mana-mana syarikat yang mempunyai sebarang hubungan dengan Rejim Zionis.

Ketiganya, kita mengharapkan agar rakyat Malaysia membantu bersama seperti disarankan oleh beberapa Ahli Dewan tadi agar memboikot dengan cara memberhentikan dengan serta-merta, berhenti membeli, memakai atau menggunakan apa-apa barangan keluaran Israel ataupun jenama barang yang menyumbang kepada ekonomi Rejim Zionis di Israel.

Keempat, kita mengharapkan agar Kerajaan Malaysia menyediakan sumbangan atau bentuk bantuan kepada NGO Malaysia yang saya lihat begitu berani dan berusaha untuk membantu rakyat Palestin ini melalui program-program kemanusiaan. Syabas kepada menteri yang telah melawat dua orang sukarelawan dan kita harap bukan hanya kepada dua orang tetapi juga kepada NGO-NGO lain yang telah memberikan usaha yang begitu keras.

Kelima, hubungan Malaysia dengan Palestin, saya harapkan mestilah melalui kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat Palestin secara rasmi melalui pilihan raya. Jadi kita wajib mengiktiraf Kerajaan Hamas Palestin. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha mengutuk kekejaman Zionis Israel ini dan kita harapkan ianya mendapat

simpati seluruh dunia dan diberikan hak untuk hidup pada rakyat Palestin. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Hajah Wan Hazani.

■ 1450

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya hari ini untuk turut membahaskan. Saya atas nama wanita, ibu dan nenek mengutuk sekeras-kerasnya serangan tentera rejim Zionis di bawah arahan Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu *laknatullah* ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan ke Gaza yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kecederaan kepada orang-orang awam.

Rasa kecewa tidak terhingga tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas kenyataan yang begitu lemah terhadap serangan ganas rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan tersebut dan rasa kecewa kaum wanita dan keseluruhan ibu-ibu kita kepada Amerika yang memihak kepada Israel dan Rejim Zionis 100 peratus.

Kita semua nampak dan seluruh dunia nampak betapa tidak berfungsinya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam hal serangan rejim Zionis Israel ke atas negara Arab Palestin di Gaza dan banyak serangan-serangan dan kezaliman ke atas rakyat Palestin di Gaza. Tiada cara kita hendak menentang kekejaman dan serangan demi serangan. Kita seru semua negara Arab bersatu dan kita semua seluruh rakyat Malaysia dan rakyat Islam di seluruh dunia bersatu di bawah kalimah... [*Mengucap syahadah*] Kita memulau semua produk keluaran negara rejim Zionis Israel ini, perang saraf serentak seluruh dunia Islam dan negara-negara yang tidak Islam yang benci kepada keganasan dan kezaliman yang melampaui batas tiada peri kemanusiaan langsung di dalam zaman moden ini.

Demi keamanan dunia keseluruhannya, ketepikan Amerika polis dunia yang memihak kepada Israel 100 peratus. Doa kita, Allah Taala singkirkanlah mereka ini. Kita mesti menentang dengan apa cara sekalipun demi keamanan dunia sejagat keseluruhannya. Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

2.53 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk turut berbahas dalam Usul Serangan Komander Zionis ke atas kapal Freedom Flotilla pada 1 Mei 2010. Tindakan rejim Zionis ini membuktikan sikap tidak berpersi kemanusiaan mereka dan penjajah yang kejam serta tidak bertamadun. Palestin menjadi satu-satunya negara di dunia ini yang masih dijajah malah lebih teruk lagi dikepong dengan tembok batu.

Sesungguhnya kekejaman Israel ini telah lama digambarkan di dalam al-Quran sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Kahfi yang bermaksud mereka berkata, "*Wahai Zul-Qarnain, sesungguhnya kaum Ya`juj dan Ma`juj sentiasa melakukan kerosakan di bumi, oleh itu setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?*" Surah al-Kahfi, Ayat 94.

Yakjuj dan Makjuj ini adalah kaum Zionis yang angkuh, kejam dan sentiasa membawa kerosakan di bumi ini. Tindakan Zionis menyerang kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza sesungguhnya sehingga menyebabkan kematian sembilan orang sukarelawan dan kecederaan beberapa ramai lagi. Peristiwa malang ini melambangkan hilangnya sifat kemanusiaan sejagat. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada semua sukarelawan Malaysia yang menyertai misi bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan misi seperti ini keselamatan anggota atau ahli misi keamanan ini juga perlu diberi perhatian supaya misi penghantaran ini berjaya

dan berkesan. Saya bersetuju dengan pandangan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyarankan agar misi keselamatan ini dirangka dengan teliti supaya bantuan dapat disampaikan kepada penduduk Palestin yang memerlukan bantuan ubatan dan sebagainya. Dalam perkembangan ini saya mengharapkan agar misi ini di masa akan datang dikaji seperti berikut:

- (i) misi ini menyediakan *passage plan* atau pelan pelayaran yang lebih kemas dan teratur supaya kejadian ke atas kapal Mavi Marmara tidak berulang;
- (ii) Israel mengatakan bahawa konvoi sumbangan kemanusiaan ini telah gagal menggunakan talian kawan dalam hubungan telekomunikasi sebaliknya menggunakan talian isyarat musuh. Oleh itu, konvoi sewajarnya lebih berhati-hati dalam memilih talian hubungan komunikasi kerana *either communication of friendly or foe*, dengan izin dipantau oleh Israel;
- (iii) Israel telah mempersoalkan tentang kelewatan kapal Mavi Marmara mengibarkan bendera *Alpha Charlie*. Inilah helah Israel untuk menyerang sebenarnya kerana hakikatnya Israel mengetahui terlebih dahulu misi kapal ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membawa misi bantuan kemanusiaan;
- (iv) Israel memberikan alasan bahawa serangan telah dilakukan kepada kapal Mavi Marmara adalah kerana kapal ini gagal mematuhi arahan agar tidak memasuki Gaza. Misi kapal ini adalah untuk membuka benteng pertahanan Israel bagi penghantaran bantuan kemanusiaan. Misi ini telah pun berjaya membuka mata masyarakat antarabangsa tentang perlunya bantuan kemanusiaan disampaikan kepada masyarakat Palestin; dan
- (v) tindak balas anggota misi bantuan kemanusiaan di atas kapal Mavi Marmara adalah kerana Israel telah mempunyai senarai nama anggota misi ini dikatakan Israel mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda. Ini adalah alasan Israel semata-mata sebagai alasan untuk menyerang konvoi misi bantuan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung tinggi dan menyokong usul yang dibawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi mengutuk serangan Rejim Zionis ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* bagi menyedarkan masyarakat antarabangsa khususnya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang selama ini terus membisu apabila tindakan antarabangsa ingin diambil ke atas Israel. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada terima di sini permohonan Dr. Malasingam dan juga Yang Berhormat Puan Usha. So, kerana saya tengok dalam *list* ini, saya beri peluang kepada Yang Berhormat Puan Usha kerana sebagai kumpulan ya, kita perlu *balance* jugalah kerana kita di komposisi kita. Maka saya persilakan Puan Usha dahulu sebelum agaknya Dato' Rashid dan ahli lain tiga orang lagi. Silakan. Kalau boleh *go direct to the point, what you suggest* dan sebagainya, supaya tidak berulang-ulang. Silakan.

2.59 ptg.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih kerana turut memberi peluang kepada saya Tuan Yang di-Pertua untuk turut serta membahaskan Usul Penentangan Zionis Israel. Penentangan kezaliman yang tidak mengenal bangsa, tidak mengenal agama, hari ini dunia menyaksikan kekejaman dan tindakan tidak berperli kemanusiaan Rejim Zionis ke atas Lebanon dan juga Palestin. Ramai orang awam yang tidak berdosa terutamanya kanak-kanak, wanita dan orang tua telah menjadi korban akibat kerakusan tentera Israel yang menceroboh masuk dan mengganas di bumi Palestin dan juga bumi Lebanon.

■ 1500

Rakyat Palestin dan rakyat Lebanon menderita, merintih dan menjadi mangsa kekejaman di bumi sendiri. Kebebasan, ketenteraman, kebahagiaan dan keamanan mereka diragut tanpa sebarang pembelaan. Rakyat seluruh dunia mengecam tindakan Israel yang tidak berhati perut, pelbagai usaha dilakukan dari laungan demonstrasi sehinggalah kepada penyerahan memorandum dan resolusi kepada PBB, Amerika Syarikat dan konco-konconya. Namun segala usaha tersebut bagaikan mencurahkan air ke daun keladi. Ketetapan PBB mengenai gencatan senjata langsung tidak dipedulikan kerajaan Zionis, malahan serangan terus diperhebatkan ke atas Lebanon yang telah hampir lumpuh sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pembunuhan dan juga kecederaan yang berlaku di atas kapal Mavi Marmara begitu menyayat hati sekali, begitu menyedihkan sekali. Dalam serangan ke atas Mavi Marmara dilaporkan bahawa semua peralatan rakaman seperti kamera, pen dan nota wartawan telah dirampas, tidak mustahil bagi pihak Israel menyunting bahan-bahan tersebut untuk disiarkan semula seolah-olah menggambarkan askar-askarnya diserang.

Banyak pihak menganggap bahawa alasan Israel itu hanyalah satu helah, sebenarnya konvoi Misi kemanusiaan itu tidak mengangkut senjata, hanyalah bekalan makanan, ubat-ubatan, permainan kanak-kanak dan peralatan seperti kerusi roda.

Sebenarnya Israel hanya sengaja meneruskan kepungan kemasukan bekalan dari luar sebagai melanjutkan hukuman ke atas rakyat Gaza yang mengundi memilih HAMAS dalam pilihan raya umum.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan negara kita ke Palestin haruslah diteruskan, haruslah diteruskan dalam bentuk apa sekalipun. Di sini ucapan tahniah dan syabas saya kepada kerajaan yang begitu gigih berusaha untuk memastikan nasib masyarakat Palestin terbela. Tahniah dan terima kasih kita juga kepada badan-badan sukarelawan, kepada semua aktivis sosial, kepada semua badan bukan kerajaan yang telah begitu prihatin menghulurkan pelbagai jenis bantuan. Dalam usaha ini lebih ramaikanlah bantuan dan juga usaha badan-badan bukan kerajaan yang bukan beragama Islam, yang harus turut serta di dalam isu ini, yang harus turut serta membantu masyarakat Palestin, yang harus turut serta dalam perjuangan isu masyarakat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, isu dan serangan ke atas kapal Mavi Marmara telah mengubah landskap politik antarabangsa. Kini isu Palestin lebih terbuka daripada sekadar menjadi satu isu hubungan Israel dan dunia Arab semata-mata. Penyertaan perwakilan masyarakat antarabangsa dalam misi pembangunan kemanusiaan dan nasib yang mereka alami akibat serangan dan pencerobohan komando marin Israel akan pasti menjadikan isu ini lebih membabitkan dunia. Tindakan secara konsisten daripada setiap anggota masyarakat dunia yang cintakan keadilan, berapa kecil sekalipun pasti akan ada kesannya dalam mengenakan tekanan ke atas Israel untuk mengubah sikap dan tindakannya.

Kita di Malaysia, marilah bersama-sama meneruskan kutukan ke atas kekejaman Israel dalam menyatakan pendirian yang tegas dalam isu ini agar sekatan yang dikenakan di Gaza, ditarik balik oleh Israel. Akhir kata, kita harus melihat isu ini dalam konteks yang lebih luas, ia bukan sahaja satu isu yang membabitkan agama atau satu bangsa, ia adalah satu isu yang membabitkan nilai-nilai kemanusiaan. Ia adalah satu isu yang membabitkan hak asasi manusia. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, persoalannya ialah peri kemanusiaan dalam dunia moden masa kini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

3.04 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta membahaskan usul berhubung dengan keganasan tentera Zionis. Dengan tidak membuang masa, saya ingin mengutarakan pendapat dan pandangan sambil bersetuju penuh dengan usul yang dibentangkan ini. Tuan Yang di-Pertua, setiap manusia yang dilahirkan di muka bumi ini harus dihormati atas

kebebasan hak individu. Hak asasi manusia yang menjadi tunjang pembangunan dan asas kesejahteraan kini telah diperkosa oleh tentera Zionis yang tidak berhati perut langsung dalam mempamerkan keganasan dan keegoan Israel. Bukan sahaja kebebasan individu, malah negara dan juga perairan menjadi tumpuan dalam menggayakan keangkuhan mereka.

Persoalannya kenapa sehingga hari ini, kekejaman Israel masih bermaharajalela, terutama di persada dunia dan tidak banyak negara yang berani menyuarakan rasa tidak puas hati mereka. Walaupun kita sedar tindakan membantah ini boleh menyebabkan banyak masalah terutama dari negara-negara yang banyak bergantung daripada sumber pengeluaran Israel.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar kekejaman mereka ini dapat dibawa ke muka pengadilan dengan kadar segera, melalui badan-badan antarabangsa seperti PBB, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC dan NAM. Malaysia harus mengemblem pendapat negara-negara yang sehaluan sambil menyekat sebarang urusan dengan kerajaan Israel dan memboikot semua barang pengeluaran Israel ini. Dengan adanya kumpulan negara-negara yang sehaluan, secara tidak langsung kita dapat menyekat pembangunan ekonomi negara Israel. Walaupun tindakan ini tidak mungkin akan menyebabkan keruntuhan kerajaan tetapi ianya serba sedikit dapat menggugat penjanaan ekonomi mereka.

Saya juga menekankan dan mencadangkan bahawa perkara ini tidak dilihat sebagai peperangan terhadap kepercayaan agama tetapi dilihat sebagai isu kemanusiaan yang perlu ditangani bersama tanpa mengambil kira agama dan kepercayaan bagi mengekalkan keamanan global. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dipersilakan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

3.07 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut terpanggil untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi tadi, iaitu usul mengutuk kekejaman Israel atas perbuatan yang telah dilakukan pada 31 Mei. Kepada orang Palestin, negara Israel ini merupakan duri dalam daging, kepada orang Israel, Palestin pun tidak kurang duri dalam daging juga. Jadi kedua-dua negara ini pada hemat saya, cuba untuk *survival*. Israel pun begitu juga, Palestin lagilah. Jadi jalan yang paling baik setelah dilakukan beberapa kekejaman oleh Israel, Israel berpendapat dengan cara halus perlahan-lahan mestilah dilaparkan, dikebulurkan orang-orang Palestin supaya dia mati, tetapi dengan semangat perjuangan yang begitu kental, tidak mudah mati. Itulah kebarangkalian yang terjadi.

Jadi kita di sebelah pihak mana Tuan Yang di-Pertua? Tentulah selama ini pun kita duduk di sebelah pihak Palestin. Saya salah seorang Ahli Dewan, berasa begitu bangga dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita yang telah mengemukakan usul ini untuk dibahaskan di Dewan Rakyat dan kemudian di Dewan Negara. Bila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak balik dari Amerika, setelah dilayan, diterima begitu baik oleh Presiden Amerika, Barrack Obama. Saya rasa ragu-ragu kalau Perdana Menteri kita ini tidak begitu berani mengemukakan usul-usul seumpama ini, tetapi *alhamdulillah*, bila Usul dikemukakan dalam Dewan Rakyat, saya merasa tabik! Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, betul-betul anak bapa.

■ 1510

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam begini banyak perkara yang kita minta dipersetujui semua sekali kalau saya tidak salah – 15, tidak ada satu pun yang kita fokuskan atau tujukan kepada *Godfather* Israel iaitu Amerika. Tidak ada satu pun yang kita minta, kedua Dewan ini meminta, memujuk atau merayu Amerika supaya berbuat sesuatu kepada Israel. Selama ini memang Amerika yang menyokong kewujudan Israel. Tadi kita kata mengapa dia sokong? Sebenarnya dialah yang menciptakan Israel jadi tidak ada sebab kalau dia tidak sokong kewujudan Israel. Maka, di situ logik. Jadi kalau kita merayu

walau macam mana sekali pun, selagi dia tidak berbuat sesuatu kepada Israel, saya rasa payah. Payah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga halnya dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kita tahu selama ini dipengaruhi oleh Amerika dan negara-negara sekutunya. Perhatikan sahaja kepada keputusan yang rata-rata orang yang bersependapat dengan kita dalam masalah ini berharap kutukan dan tindakan-tindakan yang lebih berkesan diambil oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi, apa yang telah berlaku?

Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bersidang tetapi membuat keputusan yang sangat lemah, yang memalukan bangsa-bangsa di dunia. Akan tetapi oleh kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disokong oleh negara-negara yang kuat, mungkin barangkali Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pun tidak merasakan apa-apa apabila berhadapan dengan masalah-masalah ini. Masalah yang dia tahu dengan jelas bahawa di belakangnya adalah negara-negara Islam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ramai yang mengatakan di antara perkara-perkara yang kita boleh buat dan sepatutnya kita buat dan sebahagian daripada kita telah pun buat iaitu memulau barang-barang buatan keluaran Israel. Jadi perkara ini sebenarnya telah lama dipraktikkan tetapi yang kita hairannya di dalam keriuhan kita berbahas usul ini di dalam Dewan Rakyat saya masih ingat, ada yang mengatakan bahawa kapal dagang Israel boleh masuk ke Pelabuhan Klang. Kita tidak tahu bagaimana boleh terjadi.

Adakah ini merupakan satu sabotaj yang bertujuan hendak memalukan kerajaan kita, hendak memalukan Dewan Rakyat yang sedang mempertimbangkan usul ini ketika itu? Ada satu jawapan yang mengatakan bahawa dibenarkan masuk tetapi tidak dibenarkan kibar bendera.

Kita pun tidak mengerti apa hubungannya bendera dengan masuk kapal ini. Mungkin barangkali kapal yang masuk itu kapal kosong, tidak ada barang dagangan kerana kita telah pulaukan barang dagangan, pun satu perkara yang mustahil tetapi, kita berharap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, biarlah! Selain daripada kerajaan, agensi kerajaan dan badan-badan yang ada hubungan kerajaan, GLC atau sebagainya, apabila sesuatu ketetapan yang dibuat oleh rakyat yang seumpama ini biarlah sama-sama kita menyokong. Tidak adalah perbuatan-perbuatan sabotaj yang seumpama itu. *Alhamdulillah*, saya rasa rakyat Malaysia terutamanya orang Islam telah memberikan sokongan yang cukup kuat.

Kita mengadakan derma, kita mengadakan solat hajat di mana-mana di masjid kita dalam perkara yang seumpama ini. *Alhamdulillah*, saya rasa tidak ada sebab kita tidak dapat terus memberi bantuan kepada sahabat-sahabat kita, saudara-saudara kita orang-orang di Palestin. Kalau saya tidak salah, semalam saya dengar berita bahawa telah pun sampai sebahagian daripada keperluan-keperluan oleh rakyat Palestin ini ikut pintu Rafah kalau saya tidak salah. *Insyallah* perkara yang seumpama ini akan berlaku lagi. Satu perkara akhir yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, apabila sebahagian, kalau tidak salah sembilan orang rakyat Turki yang terkorban dalam peristiwa ini dibawa balik dan ditanam. Cara pengebumian itu saya nampak adalah seperti pengebumian menghargai dan menghayati syahadah-syahadah, ertinya orang mati syahid.

Saya tidak hendak seperti sahabat-sahabat saya juga berlaku kematian begitu begini. Saya hendak orang kita yang berjuang ini biarlah dia hidup. Biar dia balik dia buat cerita macam salah seorang daripada sahabat kita Ahli Parlimen dan kita rasa bangga daripada begitu ramai, tiga ratus lebih orang ahli kita, ada juga seorang.

Saya sebenarnya hendak menawarkan diri juga tetapi apabila dia kata, "Umur 70, *no way!*", dia kata... *[Ketawa]* Saya mengharapkan adalah yang muda-muda ini tetapi yang muda-muda ini tidak boleh diharap juga... *[Ketawa]*

Cuma satu Yang Berhormat saya hendak bertanya, tidak tahulah sama ada golongan yang akan jawab tadi. Kalau takdirnya berlakulah kematian dalam peristiwa yang seumpama ini iaitu peristiwa yang jelas menunjukkan tujuan dan matlamat ini, adakah orang Islam yang terkorban itu dapat dianggap sebagai syahid syuhada? Itu saya hendak bertanya pihak kerajaan sebab ini mungkin kalau kita kata, "Yes!" – syuhada, mungkin memperkuatkan semangat kita untuk terus berjuang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka, sudah ramai yang bercakap tadi, cukuplah setakat itu. Saya percaya ramai telah pun menyuarakan pandangan, sokongan, cadangan dan sebagainya. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kementerian Luar Negeri untuk menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.08 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya menggulung perbahasan yang telah bermula pada pagi ini di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengutuk serangan kejam oleh tentera rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Walaupun ramai Ahli Yang Berhormat yang tidak berpeluang membahaskan usul ini, saya yakin kita semua di dalam Dewan yang mulia ini menyokong pendirian Malaysia di dalam perkara ini. Ketegasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membela nasib rakyat Palestin dan mengutuk tindakan zalim tentera Zionis Israel mencerminkan ketegasan suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan pendirian negara kita dalam memperjuangkan isu-isu kemanusiaan, keadilan dan kesedaran sejagat bagi menjamin keamanan dunia.

Keprihatinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kita semua terhadap kesengsaraan dan keperitan hidup rakyat Palestin adalah selaras dengan dasar negara yang sentiasa memberi sokongan padu kepada perjuangan rakyat Palestin yang menderita akibat kekejaman yang berlanjutan lebih dari enam dekad.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kejam tentera rejim Zionis Israel di bawah pimpinan Perdana Menteri Benjamin Netanyahu menyerang konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan di perairan antarabangsa pada 31 Mei, 2010 telah mendapat kutukan sekeras-kerasnya dari Malaysia dan masyarakat bertamadun antarabangsa yang bencikan keganasan dan kekejaman dan cintakan keamanan.

Dalam hal ini saya berterima kasih di atas kesepakatan jitu yang ditunjukkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dalam mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kejam dan melampau batas-batas dan lunas-lunas kemanusiaan sejagat oleh tentera Rejim Zionis Israel terhadap aktivis-aktivis antarabangsa yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza.

■ 1520

Sesungguhnya serangan tentera rejim Zionis Israel ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan merupakan tindakan ganas yang mencabuli hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan bertentangan dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Serangan tidak berperikemanusiaan ini jelas membuktikan kekejaman dan kezaliman tentera Rejim Zionis Israel yang tidak mengenali batasan serta angkuh dan tidak menghargai kesucian nyawa manusia.

Tentera rejim Zionis Israel dengan sewenang-wenangnya menggunakan kekuatan ketenteraan dan bertindak ganas ke atas ahli misi bantuan kemanusiaan yang tidak bersenjata mengakibatkan kematian dan kecederaan. Keangkuhan Rejim Zionis Israel ini jelas ternyata apabila Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu sehingga kini terus mempertahankan tindakan kejam tentera Rejim Zionis Israel atas alasan memelihara kedaulatan dan keselamatan wilayah Israel.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menzahirkan kekecewaan terhadap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang gagal mengambil satu ketetapan yang tegas terhadap kekejaman melampau rejim Zionis Israel itu. Kenyataan lemah yang dikeluarkan oleh Presiden Majlis Keselamatan PBB pada 1 Jun 2010 telah menghakik kepercayaan masyarakat antarabangsa kepada badan dunia tersebut. Kelemahan Majlis Keselamatan PBB menggalakkan rejim Zionis Israel terus dengan sewenang-wenangnya menolak dan menidakkan pelaksanaan pelbagai Resolusi Majlis Keselamatan PBB sejak enam dekad yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya demi melaksanakan ketetapan yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia, selaras dengan usul yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 Jun 2010. Antaranya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pada 17 Jun 2010 mengutus surat kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB, Setiausaha PBB dan Presiden Majlis Keselamatan PBB, Pengerusi dan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan juga Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). Ini untuk mendapatkan sokongan bagi PBB menganjurkan Persidangan Sesi Khas Tergempar Perhimpunan Agung PBB.

Bagi membahaskan isu-isu berkaitan Palestin termasuk menamatkan kepungan Israel terhadap Gaza dan insiden serangan tentera Rejim Zionis Israel ke atas konvoi kapal *Freedom Flotilla* tersebut.

Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan tetap Malaysia ke PBB di New York, juga sedang membuat tindakan susulan bagi meraih sokongan untuk mengadakan Persidangan Sesi Khas Tergempar tersebut sebelum akhir bulan ini atau selewat-lewatnya sebelum Ramadhan. Persidangan Sesi Khas Tergempar tersebut akan memberi peluang kepada masyarakat antarabangsa untuk terus memberi tekanan kepada rejim Zionis Israel menarik balik kepungan haram Israel terhadap Gaza, selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1860.

Persidangan Sesi Khas Tergempar ini dijangka akan meminta *Advisory Opinion* daripada Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau *International Court of Justice* mengenai serangan Israel ke atas aktivis-aktivis di dalam *Freedom Flotilla* yang telah dilakukan di perairan antarabangsa.

Dalam hal ini juga Malaysia akan terus mendapatkan sokongan negara-negara sependapat untuk menyokong penganjuran Persidangan Sesi Khas Tergempar Perhimpunan Agung PBB. Bagi mencapai matlamat ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah mengadakan lawatan kerja ke Brunei pada 14 Jun 2010 dan Indonesia pada 17 Jun 2010 bagi mendapatkan sokongan kedua-dua negara tersebut terhadap inisiatif yang sedang dilakukan oleh PBB.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Agung PBB, Presiden Perhimpunan Agung PBB, Presiden Majlis Keselamatan PBB, wakil Liga Arab dan wakil tetap Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) *Troika* iaitu Cuba, Iran dan Mesir di New York pada 8 Julai dan 9 Julai 2010 bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai penganjuran Persidangan Sesi Khas Tergempar.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menemui Menteri Luar Negeri Turki pada 10 Julai 2010. Malaysia juga akan terus berusaha mendapatkan sokongan dari anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Liga Arab dan NAM dalam usaha membawa rejim Zionis Israel ke muka pengadilan. Tindakan ini akan membuktikan kepada rejim Zionis Israel bahawa masyarakat antarabangsa sepakat dalam menentang dan mengutuk kekejaman yang dilakukan oleh rejim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin, sekali lagi saya ingin menegaskan pendirian kerajaan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan juga tidak bercadang untuk mengadakan sebarang hubungan dengan Israel, selagi konflik Israel-Palestin tidak mencapai jalan penyelesaian dan Israel tidak mengiktiraf kewujudan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Firdaus Haji Abdullah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan akan sentiasa memberi galakan dan sokongan segala usaha badan bukan kerajaan (NGO) dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin di Gaza iaitu Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin, Kementerian Luar Negeri telah diaktifkan semula ekoran daripada serangan Rejim Zionis Israel ke atas Gaza pada Januari 2009.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin Kementerian Luar Negeri yang telah diwujudkan pada September 2002 bagi menyalurkan sumbangan bagi pembangunan semula infrastruktur di Gaza oleh rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin. Tabung ini diselia

oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berkenaan dengan sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin. Malaysia akan terus bekerjasama dan membantu ke arah penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaulat. Malaysia juga akan terus memperjuangkan isu-isu berkaitan dengan Palestin di persada dunia.

Saya juga mengambil maklum pemerhatian dan keprihatinan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin bin Ali semasa perbahasan pada pagi ini serta mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia turut mengecam tindakan Rejim Zionis Israel menubuhkan panel siasatannya sendiri bagi menyasat serangan tersebut. Ini kerana menganggap tindakan tersebut adalah bertentangan dengan gesaan masyarakat antarabangsa supaya satu badan siasatan yang bebas dan tidak berpihak ditubuhkan bagi menyasat serangan tersebut.

■ 1530

Tindakan rejim Israel tersebut juga adalah tidak wajar memandangkan Israel merupakan pihak yang disabitkan dalam insiden serangan tersebut dan tidak berkemungkinan akan membuat siasatan yang telus dan yang tidak berpihak. Tindakan ini juga menonjolkan sikap angkuh Benjamin Netanyahu yang menolak kerjasama masyarakat antarabangsa dalam menubuhkan satu badan siasatan bagi menyasat serangan tersebut. Dalam hal ini, Malaysia menyokong sepenuhnya cadangan Setiausaha Agung PBB untuk menubuhkan panel penyiasatan PBB yang akan dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri New Zealand, Sir Geoffrey Palmer yang terdiri daripada wakil-wakil Amerika Syarikat, Israel Turki dan PBB.

Di samping itu, Malaysia akan terus menuntut supaya Rejim Zionis Israel mematuhi resolusi 1860 Majlis Keselamatan PBB supaya membuka laluan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Dalam hal ini juga, Malaysia akan terus menyeru kerajaan Mesir supaya membenarkan bantuan kemanusiaan disalurkan melalui pintu sempadan Rafah dan ke arah ini, pada 17 Jun 2010, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutus surat kepada Presiden Mesir memohon kerjasama negara berkenaan untuk terus membuka tanpa syarat pintu sempadan di Rafah bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpandangan bahawa tindakan Rejim Zionis Israel baru-baru ini melonggarkan sekatan kemasukan barangan ke Gaza adalah bersifat sementara dan dilakukan untuk mengaburi mata masyarakat antarabangsa. Tujuan sebenar rejim Israel adalah untuk menangkis tekanan dan mengalih serta menggagalkan usaha masyarakat antarabangsa termasuk inisiatif negara kita di PBB dari mendesak rejim Zionis Israel untuk menamatkan kepungan dan sekatan haram ke atas Gaza. Tindakan Rejim Zionis Israel yang sekadar melonggarkan sekatan kemasukan melalui jalan darat dengan bersyarat tetapi meneruskan kepungan laluan laut adalah bertentangan dengan gesaan masyarakat antarabangsa bagi menamatkan kepungan dan sekatan tersebut sepenuhnya. Oleh yang demikian, masyarakat antarabangsa di gesa supaya tidak terperdaya dengan tipu helah Rejim Zionis dan perlu meneruskan usaha dan tekanan ke atas rejim Zionis Israel bagi menamatkan kepungan dan sekatan tersebut demi menamatkan penderitaan masyarakat Palestin di Gaza.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat dunia perlu peka terhadap pelbagai karenah, gelagat, polisi, diskriminasi, tipu helah dan juga tindakan zalim yang dilakukan oleh Rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin termasuk insiden terbaru ini. Insiden kezaliman dan pertumpahan darah seumpama akan berterusan dan mungkin tiada noktahnya sekiranya masyarakat dunia terus membisu, berpeluk tubuh dan berdiam diri. Kegagalan masyarakat antarabangsa bertindak membendung tindakan ganas Israel ini akan hanya membuatkan Rejim Zionis ini terus ghairah dengan keangkuhan mereka, sombong, bermegah-megah dan bermaharajalela dalam melakukan keganasan tanpa had dan batasannya. Sudah sampai masanya masyarakat antarabangsa bersatu padu dan bersepakat menghukum

rejim Israel yang biadab dan kejam serta mengheret mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan tanpa berselindung di sebalik kuasa-kuasa besar dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kerajaan Malaysia akan terus menyokong perjuangan rakyat Palestin dalam menuntut hak mutlak mereka bagi menubuhkan sebuah negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat. Malaysia juga akan terus menyokong segala usaha masyarakat antarabangsa untuk memastikan bencana kemanusiaan yang menimpa rakyat Palestin di Gaza tidak berterusan.

Kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara semasa perbahasan usul ini dan berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan ataupun pandangan yang begitu jelas, tegas dan begitu bersemangat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, di bawah Perkara 1, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN LANGSUNG (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan rang undang-undang sebagaimana yang telah dinyatakan.

3.36 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jualan Langsung 1993 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perniagaan berbentuk jualan langsung telah lama bertapak di Malaysia iaitu sejak 1976 apabila syarikat multinasional seperti *Amway* telah memulakan revolusi baru dalam perniagaan apabila ramai ahlinya berkunjung dari rumah ke rumah dan mengadakan promosi serta penjualan produk secara terus kepada pengguna. Namun dengan kepesatan teknologi masa kini, kaedah tersebut telah berkembang maju di mana promosi serta penjualan produk sekarang dijalankan dengan menggunakan *internet*.

Evolusi yang dialami oleh kaedah penjualan tersebut juga telah menyebabkan perubahan yang agak ketara dengan taktik dan teknik penipuan kepada orang ramai. Jika dahulu penipuan hanya melibatkan pelaburan seperti Skim Labu Peram dan Skim Pak Man Telo, dengan perubahan zaman, maka wujudlah bentuk penipuan baru seperti penipuan perdagangan mata wang, penipuan yang melibatkan hasil penternakan, skim cepat kaya, skim piramid dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, pindaan terhadap Akta Jualan Langsung 1993 ini bertujuan melindungi hak dan kepentingan pengguna, menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti jualan langsung yang beretika.

Dan ia juga melarang segala kegiatan berbentuk skim piramid dan skim cepat kaya. Keseluruhan pindaan adalah melibatkan 32 fasal yang boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu:

- (i) pelesenan,
- (ii) penguatkuasaan; dan
- (iii) pendakwaan dan umum.

Pindaan yang paling utama adalah perubahan terhadap definisi jualan langsung dan larangan menjalankan atau mempromosikan skim piramid. Disebabkan perubahan dan tambahan tersebut, maka rang undang-undang ini apabila dipersetujui akan dinamakan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993. Di bawah aspek pelesenan, definisi jualan langsung diperluaskan dengan merangkumi kaedah penjualan yang dijalankan melalui transaksi elektronik selain jualan pintu ke pintu dan jualan pesanan pos.

Definisi mempromosikan juga diperjelaskan di bawah bahagian baru iaitu larangan skim piramid. Oleh yang demikian, pindaan kepada Akta Jualan Langsung 1993 dengan memasukkan satu bahagian baru yang memperkatakan perkara yang berhubungan dengan skim piramid serta perubahan definisi jualan langsung ini akan menambah baik serta melengkapkan kepada peruntukan akta-akta sedia ada seperti Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Syarikat 1965 bagi tujuan membendung skim-skim perniagaan yang tidak beretika.

■ 1540

Ini adalah kerana akta-akta yang dinyatakan sebentar tadi adalah lebih khusus skopnya di mana Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 mengambil tindakan terhadap syarikat yang menjalankan aktiviti pengambilan deposit secara haram. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 mengambil tindakan terhadap sesiapa yang terlibat dalam urusan niaga atau penawaran sekuriti atau kontrak niaga hadapan tanpa kelulusan Suruhanjaya Sekuriti. Manakala Akta Syarikat 1965 pula mengambil tindakan ke atas pelaburan dalam skim berkepentingan tanpa kelulusan Pendaftar Syarikat.

Selain memasukkan larangan menjalankan atau mempromosikan skim piramid, skim piramid itu sendiri dinyatakan dengan jelas melalui sepuluh ciri-ciri seperti di dalam jadual yang mana ianya boleh dipinda di masa-masa akan datang melalui peraturan jualan langsung sekiranya skim piramid ini juga berevolusi.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010 menyatakan bahawa mana-mana orang yang mempromosikan atau menjalankan kesemua atau salah satu daripada ciri-ciri skim piramid merupakan satu kesalahan dan tindakan boleh diambil terhadap orang tersebut. Ciri-ciri skim piramid seperti yang digariskan di dalam jadual adalah seperti berikut:

- (i) promosi sesuatu skim atau pembayaran bonus atau faedah lain adalah semata-mata atau terutamanya melalui perekrutan atau pengenalan peserta dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara oleh peserta;
- (ii) bonus dibayar kepada peserta atau mana-mana faedah lain diterima oleh peserta semata-mata atau terutamanya melalui perekrutan atau pengenalan orang lain dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara oleh peserta atau orang lain;
- (iii) suatu kontrak bertulis atau pernyataan yang memperihalkan terma material perjanjian tidak disediakan kepada peserta-

- peserta yang menyertai skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid;
- (iv) pembelian wajib barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara atau bayaran minimum atau kehendak jualan dikenakan sebagai syarat untuk memenuhi kehendak kelayakan atau kehendak permulaan bagi penyertaan atau pembayaran bonus atau faedah lain dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid;
 - (v) peserta dikehendaki membeli barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara dalam amaun yang tidak munasabah yang melebihi jangkaan untuk dijual semula atau dibeli dalam suatu tempoh masa yang munasabah. Peserta tidak diberi kebebasan sepenuhnya dalam pembelian tetapi mereka didesak membeli pakej barang-barang yang terpilih untuk memenuhi kehendak jualan untuk melayakkan mereka mendapat kedudukan atau bonus dalam skim pelan pengendalian atau proses berantai piramid;
 - (vi) dasar bayar balik bagi barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang dibeli oleh peserta atau pengguna tidak disediakan;
 - (vii) dasar beli balik oleh pengendali skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid bagi barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang boleh dipasarkan pada masa ini atas permintaan peserta dalam terma atau perjanjian yang munasabah tidak dibenarkan atau disediakan;
 - (viii) kehendak struktur skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid yang ketat atau tidak munasabah bagi kelayakan peserta untuk dibayar bonus atau faedah lain;
 - (ix) pengunduran diri oleh peserta daripada skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid tidak dibenarkan; dan
 - (x) peserta dibenarkan atau digalakkan untuk membeli lebih daripada satu kedudukan atau hak untuk menyertai skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada itu di bawah aspek pelesenan ini juga dimasukkan seksyen baru iaitu sekiranya mana-mana syarikat yang melanggar syarat lesen juga adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan. Sebelum ini tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat yang membuat pelanggaran kepada syarat lesen hanyalah pembatalan lesen sahaja.

Adalah menjadi suatu kesalahan juga sekiranya syarikat yang telah dibatalkan lesen tidak memulangkan kembali lesen mereka kepada kementerian. Seksyen ini dimasukkan memandangkan terdapat banyak syarikat yang telah dibatalkan lesen disebabkan melakukan penipuan menjual lesen mereka kepada syarikat lain. Pihak yang membeli lesen ini akan mengaburi mata pengguna dan meyakinkan mereka bahawa lesen tersebut masih sah dan nama yang tertera di atas lesen masih belum diubah namanya kepada syarikat yang baru.

Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010 banyak membuat perubahan serta penambahbaikan ke dalam aspek-aspek penguatkuasaan yang bermula daripada fasal 15 hingga fasal 30. Perubahan yang dilakukan adalah bagi memudahkan serta memantapkan pelaksanaan penguatkuasaan itu sendiri. Perubahan juga disebabkan terdapatnya perubahan atau definisi atau tatacara yang terkini telah dibuat dalam akta-akta lain seperti Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah.

Seksyen yang berubah dalam aspek penguatkuasaan adalah mengenai kaedah penyiasatan yang melibatkan penggeledahan dan penyitaan dengan waran. Selain itu, rang undang-undang ini juga membenarkan penangkapan orang yang bersalah di bawah akta ini. Kuasa penyiasatan juga adalah sama dengan penyiasatan polis dalam kes kesalahan boleh tangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Penambahan seksyen baru juga melibatkan kaedah penyiasatan di mana penggeledahan dan penyitaan boleh dilakukan tanpa waran. Ia berlaku dalam situasi di mana sekiranya waran lambat diperolehi akan menyebabkan penyiasatan terjejas atau keterangan mengenai perlakuan kesalahan terganggu atau dimusnahkan.

Selain itu, tambahan seksyen baru juga membenarkan penolong pengawal untuk membawa orang lain memasuki premis yang disiasat serta akses atau capaian kepada data yang tersimpan dalam komputer. Perkara baru yang dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini ialah pemberian perlindungan kepada pemberi maklumat, termasuk isi maklumat serta jenis maklumat yang diterima oleh penolong pengawal dalam melakukan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, penalti yang pernah dikenakan terhadap pesalah di bawah Akta Jualan Langsung 1993 tidak menampakkan keberkesanannya dalam usaha mendidik serta mengubah tingkah laku.

Jumlahnya yang kecil membolehkan mereka membayarnya secara tunai dan kes diselesaikan di luar mahkamah. Namun setelah membayarnya, kesalahan yang sama pada keesokan harinya kerana pulangan yang diperolehi daripada penipuan tersebut adalah berlipat kali ganda jumlahnya.

Oleh yang demikian peruntukan baru rang undang-undang ini telah menaikkan jumlah penalti dan penjara maksimum bagi semua kesalahan yang terdapat di dalam akta ini sebagai tindakan pencegahan atau *deterrent*, dengan izin. Bidang kuasa mahkamah untuk membicarakan kesalahan juga diperluaskan daripada Mahkamah Majistret kepada Mahkamah Sesyen bagi membolehkan peruntukan ini dilaksanakan.

■ 1550

Bagi kesalahan menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen yang sah terhadap syarikat jumlah penalti dinaikkan daripada RM250,000 kepada RM1 juta bagi kesalahan pertama dan dari RM500,000 kepada RM2 juta bagi kesalahan kedua. Jumlah penalti dan penjara maksimum terhadap individu dinaikkan dari RM100,000 dan atau dua tahun penjara kepada RM250,000 dan atau lima tahun penjara bagi kesalahan pertama, dan dari RM250,000 dan atau enam tahun penjara kepada RM500,000 dan atau sepuluh tahun penjara bagi kesalahan kedua.

Bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan jumlahnya dan terjatuh di bawah penalti am bagi syarikat, jumlah penalti dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM250,000 bagi kesalahan pertama, dan dari RM250,000 kepada RM500,000 bagi kesalahan kedua.

Jumlah penalti terhadap individu pula dinaikkan dari RM25,000 kepada RM100,000 bagi kesalahan pertama dan dari RM50,000 kepada RM250,000 bagi kesalahan kedua. Hukuman penjara adalah kekal pada tiga tahun dan lima tahun bagi kesalahan pertama dan kedua.

Bagi kesalahan menjalankan atau mempromosikan skim piramid pula, jumlah penalti yang dikenakan terhadap syarikat adalah dari RM1 juta hingga RM10 juta bagi kesalahan pertama dan dari RM10 juta hingga RM50 juta bagi kesalahan kedua. Jumlah penalti atau penjara maksimum terhadap individu adalah dari RM500,000 hingga RM5 juta dan atau lima tahun penjara bagi kesalahan pertama dan dari RM5 juta hingga RM10 juta dan atau sepuluh tahun penjara bagi kesalahan kedua.

Selain daripada itu, terdapat juga denda yang dikenakan terhadap kesalahan tidak memulangkan lesen jualan langsung setelah ianya dibatalkan oleh pengawal jualan langsung dan jumlahnya adalah RM200,000 bagi syarikat dan RM100,000 dan atau enam bulan penjara bagi individu.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa rang undang-undang ini akan dapat mengekang perlakuan kesalahan mempromosi pelan pemasaran yang menjurus kepada sistem piramid daripada berleluasa.

Seterusnya dapat mencegah penipuan ke atas orang ramai. Peniaga dan pelabur juga akan lebih yakin terhadap prospek perniagaan di Malaysia kerana perniagaan jualan langsung dijalankan dengan lebih beretika. Dalam memantapkan lagi kerangka perjalanan pentadbiran pengurusan syarikat jualan langsung, peraturan jualan langsung yang berkaitan dengan transaksi jualan secara elektronik dan larangan skim piramid akan diwujudkan. Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini adalah amat-amat diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jualan Langsung 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Ahamat.

3.54 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010 ini didapati perlu kerana dengan teknologi baru, banyak teknik jualan langsung yang menggunakan komputer dan lain-lain telah diperkenalkan, *multilayer marketing* dan sistem piramid. Malangnya undang-undang kita tidak memberi *coverage* kepada isu-isu tersebut. Pindaan ini perlu untuk menjaga masyarakat daripada ditipu oleh pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain.

Di sini perlunya pihak pemerintah merancang program pendidikan untuk rakyat supaya tidak mudah percaya dengan skim jualan langsung yang boleh membuat mereka menjadi cepat kaya. Masyarakat perlu dimaklumkan bahawa tidak ada kesenangan yang diperolehi dengan secara yang cepat. Semuanya perlu mengambil masa. Pada hemat saya, pindaan pada kali ini memang tepat pada masanya dan sesuai pada masyarakat kita sekarang ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal.

3.56 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Mengikut laporan tahunan 2009 yang diterbitkan oleh Pusat Aduan Pengguna Nasional atau *National Consumer Complaint Center (NCC)*, kategori bilangan aduan tertinggi yang dilaporkan oleh para pengguna ialah kategori aduan mengenai jualan langsung.

Bilangan aduan mengenai jualan langsung adalah sebanyak 2,713 pada tahun 2009 dan 2,309 pada tahun 2008. Aduan mengenai jualan langsung menduduki kategori bilangan aduan tertinggi untuk kedua-dua tahun, 2008 dan 2009. Walau bagaimanapun, statistik yang dibekalkan untuk tahun 2009 oleh NCC nampaknya adalah bercanggah dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri yang dibuat pada 1 Jun melalui siaran BERNAMA.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri, terdapat penurunan yang agak mendadak terhadap kegiatan penipuan aktiviti jualan langsung serta gores dan menang pada tahun lalu sehingga Mei tahun ini. Menurut Yang Berhormat Menteri sehingga

Februari tahun lepas, dua kes penipuan jualan langsung dilaporkan berbanding dengan 53 kes sepanjang tahun 2009 dan 141 kes pada tahun 2008. Maka dua penipuan gores dan menang sehingga Mei berbanding 38 kes sepanjang tahun 2009 dan 83 kes pada tahun 2008.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri, sebanyak 389 kes penipuan jualan langsung yang membabitkan nilai rampasan yang agak besar iaitu berjumlah RM10.146 juta telah berjaya diambil tindakan mengikut Akta Jualan Langsung pada tahun 2006 sehingga Februari 2010 yang turut membabitkan penipuan skim cepat kaya dan sebagainya. Menurut beliau terdapat juga 197 kes penipuan gores dan menang dengan nilai rampasan sebanyak RM6.52 juta yang diambil tindakan melalui Akta Perihal Dagangan bagi tempoh 2006 hingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa perniagaan jualan langsung ini dapat menyediakan peluang dan pendapatan kepada pengguna. Keadaan perniagaannya jika dilaksanakan secara betul dan bersungguh-sungguh mampu memberi pendapatan yang agak lumayan, malah ia diakui sebagai industri besar sehingga jumlah jaluannya mampu mencecah berbilion ringgit tetapi malangnya, aktiviti jualan langsung ini kini dicemari oleh sikap segelintir orang yang berusaha mengaut keuntungan dengan cara yang negatif. Keadaan sedemikian telah menimbulkan pandangan sinis dalam kalangan masyarakat umum terhadap perniagaan jualan langsung.

Daripada perniagaan berkonsepkan jualan terus kepada pengguna, kita dapati ada segelintir syarikat jualan langsung yang menukar strategi pelan pemasaran iaitu daripada kaedah jualan langsung kepada kaedah penajaan ahli. Keadaan penajaan ahli lebih menitikberatkan kepada penajaan ahli dan lebih dikenali sebagai sistem MLM, *multilevel marketing*.

■ 1600

MLM ini boleh juga kita sebut 'meniaga larut malam'... [*Ketawa*] Dalam konsep *multilevel marketing* ini pelbagai cara digunakan oleh penaja untuk menarik ahli di bawahnya. Bagi yang kekurangan modal, mereka ini diminta membuat pinjaman bank. Kaedah ini kita namakan *front loading* iaitu memaksa ahli atau pengedar membeli barangan atau *service* terlebih dahulu dengan harga yang tinggi.

Masalah kemudiannya timbul apabila ahli tersebut tidak mampu menjual produk berkenaan dan akhirnya terpaksa menanggung kerugian dan juga beban pinjaman yang timbul untuk tujuan pelaburan. Sebilangan besar mereka yang terlibat adalah dari kalangan orang Melayu sendiri. Saya berpendapat bahawa konsep jualan langsung tidak salah kerana ianya membantu untuk meningkatkan pendapatan tetapi biarlah dijalankan dengan cara yang betul serta tidak menyusahkan dan membebankan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, kita agak keliru di antara jualan langsung dan MLM sehingga menyebabkan ramai yang menganggap bahawa perniagaan MLM dan jualan langsung ini adalah satu bentuk perniagaan yang sama. Akta Jualan Langsung 1993 mentakrifkan jualan langsung sebagai jualan daripada pintu ke pintu dan jualan pesanan.

MLM pula adalah suatu bentuk pelan pemasaran yang menekan pencarian ahli baru dalam bentuk penajaan. Contohnya ahli dikehendaki mencari atau menaja beberapa ahli baru untuk meletakkan di bawah atau dipanggil "*down line*". Kebanyakan skim ini mengambil peluang di atas kekeliruan antara perniagaan sebenar dengan penipuan membuat wang atau mencari keuntungan yang rumit.

Skim piramid tidak mempunyai keuntungan yang akhir. Dengan kata lain, ia merupakan sistem berangkai yang membolehkan individu terawal mendapat keuntungan dari wang yang dilaburkan oleh ahli di bawah. Lebih 90 peratus dari peserta yang terbabit dalam skim piramid tidak pernah mendapat balik pelaburan awal mereka. Nisbah rugi kepada untung adalah hampir 5:1. Lima yang rugi, satu yang untung.

Skim piramid adalah diharamkan di kebanyakan negara seperti Amerika, Great Britain, New Zealand dan Australia. Skim begini telah pun wujud satu abad yang lalu. Kita juga perlu mengambil iktibar daripada skim yang mencatatkan peristiwa malang yang telah membakar banyak jari-jari seperti Skim Pak Man Telo, Labu Peram sekitar 1980-an,

Linggam Telo di Lembah Klang, Skim 350 di Kulim, Platinum Lanes Sdn Bhd (PLSB) di Kulim, Sri Mas Enterprise dan juga Swiss Cash dan sebagainya. Ada di kalangan pelabur yang terlibat dengan skim yang saya sebutkan tadi masih menanggung hutang dan pinjaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan usaha kementerian untuk mewujudkan peraturan mengenai skim piramid dalam Rang Undang-undang Akta Jualan Langsung yang dibentangkan dalam Dewan ini sangat bertepatan berikutan banyaknya aduan mengenai penipuan yang dilakukan dengan berselindung di atas nama jualan langsung.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya mohon pihak kementerian agar memberi satu bentuk pendidikan atau panduan yang sepenuhnya dalam perniagaan jualan langsung ini agar dapat membantu rakyat untuk menjana pendapatan mereka dan pada masa yang sama menambah pendapatan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

4.04 ptg

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa perkara yang kecil, yang khuatir, saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Pertama ialah syarikat jualan langsung. Adakah dalam penubuhan syarikat-adakah syarikat jualan langsung dikehendaki mendaftar sebagai syarikat jualan langsung atau pun mereka mendaftar sebagai syarikat, kemudian membuat urusan jualan langsung? Itu soalan pertama.

Kedua ialah biasanya kebelakangan ini kelemahan penguat kuasanya di banyak undang-undang. Jadi, bagaimanakah perubahan akan memperkuatkan penguat kuasa?

Ketiga ialah jualan langsung secara *online*. Adakah pindahan mengambil kira jualan langsung yang dijalankan secara *online*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Hajah Mumtaz Md. Nawi.

4.05 ptg

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Jualan Langsung 1993. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berhubung dengan beberapa perkara.

Pertama berkaitan dengan jualan langsung ini. Apabila disebut jualan langsung kita percaya ia melibatkan ramai orang. Apabila disebut jualan langsung juga ia melibatkan pengguna dan peserta. Jadi, persoalan yang ingin saya kemukakan di sini ialah bagaimana kerajaan boleh mempromosikan atauewartakan serta menerangkan kepada rakyat bila mana mereka ingin menjadi peserta kepada mana-mana syarikat jualan langsung, bagaimanakah hak minimum yang sepatutnya mereka ada?

Kalau perkara ini dilanggar, bagaimana pula dari segi denda atau pun tindakan yang boleh mereka buat? Ini kerana, saya percaya walaupun akta ini telah pun dibuat pada tahun 1993, hari ini kita perlu pinda kerana ramai orang yang teraniaya - bila akta ini dibuat ramai yang tidak faham apa yang berlaku. Kita nampak juga apabila mereka masuk jadi ahli atau pun peserta kepada mana-mana jualan langsung ia akan dibekalkan dengan *booklet* yang tebal.

Kebanyakan *booklet* ini saya percaya ramai di kalangan peserta memang tidak baca pun dan mereka hanya akan dapat *booklet* bila hanya mereka sudah pun membayar. Kalau diperlukan membayar RM500 atau pun RM1,000, selepas bayar baru dapat *booklet*. Saya rasa cara yang lebih baik yang kita boleh buat setakat ini ialah mungkin pihak kerajaan boleh berikan garis panduan agar *booklet* ini diberikan dahulu.

Maknanya kalau tempoh bertenang itu, kalau sudah bayar RM1,000 hendak ambil balik RM1,000 itu bukan perkara senang walaupun mungkin diberi jaminan. Jadi, saya pohon agar perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan terutama untuk memastikan bila mana kita luluskan akta ini, akta ini akan difahami dan mungkin kita perlu wajibkan semua peserta MLM perlu menjalani kursus untuk menjadi ahli mana-mana MLM ini, mesti melalui kursus undang-undang supaya mereka faham apakah hak yang patut mereka dapat.

Ini kerana, saya percaya bila melibatkan jualan langsung ini ia adalah satu bentuk promosi terperdaya. Kadang-kadang kita lihat ramai yang terlibat ini bukan orang yang tidak sekolah. Ramai orang yang *educated*, yang cerdik, yang pandai tetapi kerana mereka tidak sempat hendak membaca akhbar, tidak tahu apa yang berlaku, mereka didatangi oleh kawan-kawan baik atau pun kenalan-kenalan lama, mereka terlibat.

Jadi, kalau boleh kita jadikan satu pra syarat kepada mana-mana syarikat jualan langsung. Hendak ambil peserta baru, mesti ikut kursus macam kita buat kursus pra perkahwinan untuk berkahwin. Sekurang-kurangnya kita sudah dedahkan kepada mereka apa hak-hak yang mereka perlu buat, apa hak-hak yang mereka boleh tuntutan, apa keadaan yang akan berlaku sebelum pembayaran dibuat. Kalau sudah bayar semua, ini akan menjadi masalah.

Sebagaimana kerajaan boleh kuat kuasa kan untuk menjadi ahli mana-mana syarikat takaful atau pun syarikat insurans, ejen syarikat itu perlu periksa dahulu. Duduk dahulu peperiksaan asas baru boleh jadi ejen. Jadi, dalam kes ini untuk jadi peserta kepada jualan langsung, mesti ada kelas atau pun kursus berkait dengan undang-undang jualan langsung ini. Itu yang pertama.

Kedua, apabila disebut tentang jualan langsung, ini melibatkan jualan melalui *internet*, kadang-kadang melalui orang perseorangan. Apabila negara kita ini berjiran dengan negara-negara lain, banyak jualan langsung yang asalnya dari negara kita sudah pun berpindah ke negara luar. Jadi, saya hendak tanya di sini dari segi *territorial* punya *judidiction* itu macam mana?

Adalah kita mempunyai satu persefahaman dengan negara lain sekiranya perbuatan yang melibatkan *cyber crime* atau pun sebarang penipuan melibatkan elektronik ini, kita ada kuasa sekiranya dibuat di luar negara. Di manakah tempat yang boleh di saman sama ada di dalam negara kita atau negara luar di mana kesalahan itu dibuat dari segi bidang kuasa kita terhadap transaksi melibatkan luar negara?

Seterusnya, berkaitan dengan isu bila disebut jualan langsung ini antara sasaran utama pihak jualan langsung ialah mengambil pelajar-pelajar universiti untuk membuat kerja-kerja sampingan menjadi peserta kepada MLM dan ada di kalangan mereka yang menggunakan duit PTPTN untuk membayar wang pendahuluan bagi menjadi ahli kepada mana-mana skim jualan langsung.

Saya ingin juga minta agar perkara ini juga dimaklumkan kepada pihak universiti supaya diberi kesedaran. Kalau pelajar-pelajar universiti hendak terlibat dengan MLM ini atau pun melibatkan dengan jualan langsung ini mesti faham risikonya.

■ 1610

Ini kerana ramai juga dan saya rasa kita boleh minta kerajaan membentangkan kepada kita statistik pelajar-pelajar yang terpaksa berhenti daripada universiti ataupun gagal dalam pelajaran kerana mereka terlibat dengan skim jualan langsung ataupun skim piramid ini, kerana mereka adalah merupakan golongan yang mudah terdedah apabila mereka diberikan penjelasan, penerangan dalam masa mungkin dalam masa sejam mereka akan terus terikat.

Mereka akan menggunakan wang yang sepatutnya mereka gunakan untuk pembelajaran untuk terlibat dengan MLM ataupun terlibat dengan jualan langsung kerana keuntungan yang diperoleh daripada jualan langsung ini nampak cepat. Mungkin pada peringkat awal pada masa-masa mereka belum *exams*, mereka boleh buat macam-macam. Apabila mereka terhenti, hak mereka sebagai orang yang menjadi peserta itu akan terhenti dan kemungkinan mereka tidak akan dapat semula duit yang telah mereka laburkan sebelum ini.

Begitu juga berkaitan dengan iklan yang tidak beretika. Kita melihat testimoni-testimoni dalam pelbagai majalah di pelbagai tempat dalam pelbagai bentuk. Saya ingin bertanya pendapat kementerian, apakah bentuk kawalan yang dikenakan selepas pelaksanaan rang undang-undang ini kepada kita? Adakah kerajaan akan mengawal bentuk-bentuk testimoni yang akan dikeluarkan oleh pengguna-pengguna khususnya apabila mana peserta yang menjadi ahli akan mengiklankan kepada orang lain. Ini disebabkan kadang-kadang testimoni ini tidak lengkap, tidak ada nombor telefon. Jadi, kita tidak dapat *justify* sama ada perkara ini tidak betul tetapi ramai orang yang akan beli apabila mana mereka sudah melihat testimoni daripada orang lain.

Berkaitan dengan *cyber crime*. Jadi, saya ingin bertanya dengan lebih jelas, apakah peruntukan undang-undang yang telah disediakan untuk mengatasi masalah ini kerana kita percaya apabila mana kita menggalakkan jualan langsung seperti ini ia akan melibatkan banyak duit dan kemungkinan banyak perkara sebagai contohnya apabila kita membuat pembayaran. Jadi, kalau pembayaran itu dalam transaksi biasa kita kenal orang yang kita buat hubungan. Mungkin dalam kes jualan langsung begini mereka tidak kenal kepada orang yang mereka buat hubungan. Apabila mana dimasukkan duit, kalau tidak ada *cooling-off-period*, bagaimana hendak mendapatkan semula kalau tersilap tekan, contohnya.

Jadi, sebagaimana yang saya sebutkan sebelum ini dalam akta yang melibatkan *e-Government* ataupun e-perdagangan, tidak ada kawalan yang kita kenakan untuk memastikan bahawa pihak yang membuat transaksi dalam kalangan orang ramai ini, melebihi umur 18 tahun. Syarat kita ada 18 tahun tetapi daripada segi pelaksanaannya sebab *internet* ini mereka boleh buat walaupun mereka tidak mencecah umur 18 tahun. Jadi, bagaimana kita hendak menyekat perkara ini daripada berlaku?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apabila mana sebuah syarikat jualan langsung dengan pindaan pada hari ini, adakah mereka mesti membayar beberapa syarat seperti deposit ataupun faedah wang yang dijadikan *fixed deposit* bagi memastikan syarikat-syarikat yang terbabit dengan syarikat jualan langsung ini boleh bertanggungjawab. Jadi, ada atau tidak perubahan. Tadi kita ada perubahan daripada segi denda, daripada segi perubahan *fixed deposit* yang mesti mereka letakkan dalam mana-mana syarikat perlu ada atau tidak penambahan. Ini disebabkan kalau *fixed deposit* seperti ini tidak dikenakan, saya percaya kadang-kadang walaupun kita mengatakan bahawa kalau mereka langgar, mereka akan dikenakan denda RM200,000 tetapi, mereka sudah membawa lari RM200,000 itu.

Jadi, apabila kita hendak saman mereka pun tidak ada apa-apa. Mereka sudah bankrap, memang mereka tidak akan mampu membayar. Jadi, ini merupakan satu gerenti kepada pihak rakyat agar yang terlibat dengan sistem jualan langsung ini boleh mendapat pulangan semula ataupun duit mereka semula sekiranya berlaku penipuan.

Begitu juga dengan promosi. Kadang-kadang kita lihat syarikat jualan langsung ini buat promosi. Apabila promosi, mereka akan mengiklankan wajah orang yang menjadi peserta ataupun pengguna. Daripada segi liabiliti, daripada segi hak undang-undang sebenarnya pihak yang mana wajah mereka yang diiklankan itu ada hak. Jadi, saya rasa perkara ini kalau kita tidak kawal, ia secara percuma sahajalah. Percuma untuk iklankan wajah orang itu, wajah orang ini. Jadi, kalau boleh perkara ini juga diberikan perhatian. Kalau tidak boleh dalam akta pun masukkan dalam garis panduan agar mana-mana iklan yang membabitkan syarikat jualan langsung ini mesti bertanggungjawab dan tidak boleh mengiklankan sesuka hati mereka tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada orang yang mereka iklankan wajah mereka sama ada dalam bentuk majalah, brosur-brosur mahupun letak dalam *billboard*. Kita lihat ada jualan langsung yang letak *billboard* besar. Gambar pelbagai orang dalam itu dan saya percaya mereka tidak dibayar. Jadi, perkara ini perlu kita lindungi daripada digunakan sebegitu rupa.

Begitu juga dengan – antara peserta yang paling ramai – saya rasa untuk jualan langsung ini pesertanya adalah dalam kalangan wanita. Ini disebabkan wanita menganggap apabila terlibat dalam jualan langsung, mereka adalah orang yang telah pun membuat kerja *small office/home office*, bekerja dari rumah. Jadi, kalau pihak kerajaan ingin menggalakkan jualan langsung seperti ini, saya mohon agar kepentingan wanita secara umumnya dan

juga secara khususnya diberikan perhatian khususnya dalam memastikan bahawa mereka tidak akan diperdayakan kerana wanita ini adalah orang yang lazimnya jarang terlibat daripada segi perniagaan secara aktif sebelum ini. Jadi, kalau mereka terlibat, bagaimanakah pemantauan dibuat? Akan tetapi kalau di universiti mudah ada *vice chancellor*. Kalau peringkat wanita begini bagaimana pula perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan agar wanita tidak akan menjadi mangsa pada sistem jualan langsung.

Satu lagi ia berkaitan dengan jualan langsung juga. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai sebarang pelan ataupun polisi bagi memastikan kebajikan orang yang menjadi peserta kepada mana-mana syarikat jualan langsung ini, kebajikan mereka diperhatikan dan diperincikan. Sebagai contohnya, kalau kita ada pekerja, kita perlu bayar KWSP. Kalau kita ada pekerja, kita perlu bayar PERKESO. Baru-baru ini kerajaan telah pun melancarkan kalau mereka menjadi nelayan, mereka boleh membuat caruman KWSP. Jadi, bagaimana pula dengan orang yang terlibat dengan syarikat jualan langsung? Bagaimanakah kebajikan mereka ini akan diperhatikan? Adakah mereka juga kena bayar KWSP? Sebagai contohnya saya percaya dalam KWSP ada satu peruntukan yang mana kita boleh mendaftarkan diri kita sebagai majikan dan kita boleh mencarum. Jadi, adakah perkara ini akan dibuat untuk kes-kes jualan langsung kerana dalam kebanyakan kes jualan langsung, mereka biasanya akan ada *period* yang mana pada peringkat awal, mereka mungkin stabil kemudian mereka akan naik.

Semasa naik itu ramai yang dapat kereta, dapat rumah, dapat lawatan. Kemudian, apabila mereka sudah tidak larat, ataupun produk itu sudah hilang ia punya kemanisan itu, dia akan turun semula. Jadi, apabila turun semula ini kadang-kadang masa inilah tidak dapat kawal semula. Jadi, saya hendak tahu daripada segi perancangan jangka panjang kerajaan, adakah kita akan mewajibkan mana-mana orang yang berpendapatan tinggi dalam MLM ataupun dalam jualan langsung ini, mereka perlu bayar KWSP ataupun sebarang bentuk insurans Takaful, ataupun PERKESO sebagai satu *safeguard* sekuriti daripada pihak kerajaan agar mereka ini yang merupakan juga penyumbang kepada kerajaan daripada segi ekonomi akan dipelihara kebajikan mereka.

Seterusnya berkaitan dengan masalah kosmetik. Apabila sebut tentang jualan langsung banyak juga jualan langsung ini melibatkan barangan kosmetik. Saya ada terlibat dalam satu kes, yang mana orang yang telah pun membeli kosmetik daripada sebuah syarikat jualan langsung mendapat kesan yang agak teruk mukanya daripada penggunaan barangan kosmetik tersebut. Jadi, apabila perkara ini dibawa ke atas, nampaknya tidak ada tindakan serius. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sekiranya berlaku masalah dalam mana-mana produk syarikat jualan langsung ini, apakah piagam ataupun jaminan yang kerajaan boleh beri bahawa tindakan akan dibuat kalau kita lihat contohnya dalam laporan polis kerajaan beri jaminan, kalau buat laporan polis, mungkin dalam masa tiga minggu, pengadu boleh pergi semak semula.

Jadi, dalam kes pembelian produk jualan langsung ini, adakah juga kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa, satu tribunal untuk memastikan bahawa mana-mana pihak yang terkena dengan kes yang melibatkan produk jualan langsung ini mereka boleh mendapatkan indemnitasi dalam jangka masa tertentu, mungkin sebulan atau dua bulan yang saya rasa kalau sudah ada, minta kerajaan uar-uarkan dengan cara baik.

Terakhir, apabila kerajaan meluluskan Akta Perlindungan Data Peribadi. Saya percaya penguatkuasaannya akan dibuat kerana kita lihat sebelum ini banyak yang melibatkan jualan langsung seperti MLM ini mereka hubungi kita berdasarkan pada mungkin alamat yang mereka dapat dari mana, saya tidak tahu. Jadi, perkara ini tidak ada perlindungan. Oleh itu, kita mengharapkan agar dengan lulusnya pindaan pada hari ini dan lulusnya juga Akta Perlindungan Data Peribadi ini, perkara seperti ini tidak akan berlaku yang mana data-data maklumat pengguna mereka dapat dengan sebegitu mudah dan menghantar dan untuk orang yang tidak pernah mendapat surat yang begitu banyak tiba-tiba mereka mendapat tawaran yang sebegitu. Itu mungkin akan menjadi satu galakan ataupun mereka akan teruja untuk pergi ke premis tersebut kerana mereka mendapat surat rasmi daripada sesebuah syarikat. Jadi, saya mintalah penguatkuasaan untuk Akta Perlindungan Data Peribadi ini dikuatkuasakan dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

4.19 ptg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut terlibat membahaskan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 yang kita harapkan dengan akta baru ini setelah kita memperkenalkan 32 fasal dan juga tiga bahagian utama ini, diharapkan mampu menyelamatkan ramai rakyat Malaysia yang tertipu selama ini.

■1620

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, skim jualan langsung ini ataupun sesetengah pihak mengkategorikan sebagai skim jualan berjinjang ataupun lebih terkenal dengan *direct selling* malah lebih terkenal dengan MLM adalah satu bentuk perniagaan yang cukup kompleks dan *complicated*. Ia menggunakan kaedah yang cukup canggih berbanding dengan skim piramid zaman dahulu yang dikendalikan oleh Pak Man Telo ataupun yang dipanggil skim 350 yang dikendalikan oleh seorang penoreh getah, mampu mengumpulkan jutaan ringgit untuk diagihkan setiap minggu sebagai satu skim tetapi sekarang ini lebih canggih.

Jadi, cuma saya harapkan dengan kita memperkenalkan pindaan ini diharapkan ia meliputi kaedah yang canggih dan terkini juga yang diperkenalkan oleh fasal-fasal tadi supaya boleh menangani kerana kita harapkan ia merupakan satu kaedah penguatkuasaan yang cukup sukar untuk dilaksanakan. Sebagai pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, kita ingin penjelasan daripada pihak kementerian dalam menguatkuasakan akta ini khususnya yang terlibat dengan jadual baru ini yang mengkategorikan skim piramid yang bagi saya ia sesuatu yang mudah untuk kita senaraikan di sini.

Akan tetapi, saya mengharapkan agar di sana ada satu langkah penguatkuasaan yang cukup tegas, cukup mahir dan kita menyediakan penguat kuasa yang memerlukan kemahiran yang tinggi dan juga kritikal kalau kita melihat kepada perkara ini. Sebagai perbincangannya, saya ingin merujuk kepada jadual ini yang melibatkan nombor empat yang menyatakan ia mudah dikategorikan sebagai piramid apabila jualan tidak melibatkan barang yang setara dengan harganya.

Dalam kaedah ini saya melihat, khususnya dalam pengalaman kami di Kedah cukup terkenal dengan skim piramid dan MLM ini, sangat kuat dan banyak kali berlaku di sana. Kita melihat sukar untuk menguatkuasakan bahagian ini melainkan ada kemahiran yang tinggi kerana bayaran yang diberikan boleh dikategorikan sebagai yuran kemasukan, boleh dikategorikan sebagai yuran proses, malah boleh juga sebahagian daripada MLM ini menyatakan bahawa bayaran yang kita berikan walaupun besar, mungkin RM1,500 – RM2,000 ia mengatakan ini bayaran yang diberikan untuk menyediakan satu laman web bagi ahli atau peserta yang masuk. Jadi, saya ingin melihat bagaimana penguatkuasaan ini boleh dilakukan. Apakah kementerian ada orang, ada penguat kuasa yang cukup mampu untuk menangani dan mentafsir keadaan ini supaya betul-betul boleh menilai? Ini kerana, tidak ramai yang masuk boleh menilai berapa kos sebenar menyediakan laman web, sebenarnya hanya RM250. Apa yang dibayar RM2,500 dapat satu laman web, dapat satu beg dan borang. Jadi, kita harapkan perkara empat mampu diambil tindakan oleh kementerian.

Begitu juga dengan perkara lima, di sini diletakkan perkara lima apabila bayaran dibayar dalam proses masuk tanpa juga ada barang lagi sekali ataupun barang yang ditetapkan tidak ada pilihan yang lain di dalam kategori yang kelima ini. Sekali lagi saya ingin menyatakan biasanya skim MLM ini akan membawa satu pakej yang dipanggil “pakej perdana” atau “pakej permulaan” atau “pakej pengenalan”. Ia meletakkan satu set yang tidak ada pilihan, khususnya barang-barang *make-up* ini yang harganya tidak diketahui oleh banyak orang, menyebabkan mereka membayar ribuan ringgit, mendapat satu pakej beg yang cantik dan itu ditetapkan tidak dibenarkan menukar.

Namun, itu merupakan satu pakej permulaan atau perdana yang tidak ada pilihan melainkan jika kita ingin *joint* sebagai peserta, itu perkara yang wajib. Adakah tetap salah?

Jadi, saya ingin tanya kepada pihak kementerian dalam menguatkuasakan bidang bahagian lima ini.

Begitu juga dengan bahagian lapan yang menetapkan bagaimana ia salah menjadi piramid apabila dibayar bonus pada satu kaedah yang strukturnya tidak sesuai yang ketat atau tidak munasabah bonusnya. Jadi, kita hendak tanya bagaimana cara penguatkuasaan ini sekiranya dalam pengendalian skim ini persetujuan dicapai di antara pihak syarikat dan pihak peserta bersetuju dengan kaedah agihan ini? Adakah juga salah sebagai satu kaedah yang dianggap sebagai kaedah piramid bagi perkara yang kelapan?

Satu lagi, perkara yang kesepuluh yang rasa lebih menyusahkan untuk kita kategorikan sama ada benar-benar piramid ataupun tidak dalam penguatkuasaan ini ialah bagaimana di sini disebut kita mengkategorikan ia sebagai piramid apabila peserta dibenarkan atau digalakkan untuk membeli lebih daripada satu kedudukan. Itu secara rasmi.

Akan tetapi secara pengendalian MLM dengan pengalaman yang kita lihat ialah mereka biasanya akan membenarkan untuk meletakkan beberapa nama yang lain, membeli di atas beberapa nama yang lain, menyusun nama-nama tersebut dalam skim yang ada. Apakah ini juga mampu ditangani oleh penguat kuasa yang akan kita sediakan kerana apatah lagi dalam kaedah sekarang ini MLM sekarang menyediakan sistem yang dipanggil *e-wallet* di mana bayaran bonus dimasukkan terus ke *e-wallet*.

Daripada *e-wallet* itu kita keluarkan terus sebagai bonus yang kita terima daripada penyertaan kita dalam sistem jualan langsung ini. Jadi, dengan cara itu kita boleh menamakan lima-enam nama yang lain ataupun 10 nama yang lain dan semua *password e-wallet* itu dipegang oleh satu orang. Jadi, ia boleh bayar, boleh proses, boleh jalankan dan boleh terima bayaran bonus bulanan dan sebagainya.

Jadi, kita hendak tanya sejauh manakah pihak kementerian telah menyediakan pegawai penguat kuasa yang mampu mentafsir dan melihat perkara-perkara ini untuk mengenal pasti apakah ia benar-benar sistem piramid ataupun sebenarnya satu kaedah perniagaan jualan langsung yang biasa.?

Berikutnya ialah kita ingin penjelasan juga dalam Akta Jualan Langsung pada kali ini kerana kita harapkan dalam fasal 32 ini boleh meliputi semuanya. Kita ingin tahu sebenarnya dalam pelaksanaan Akta Jualan Langsung ini berapakah peringkat yang dihadkan ataupun permulaan peringkat - tiga peringkat ataupun empat peringkat dan sebagainya yang barulah dikategorikan sebagai Akta Jualan Langsung kerana ini juga ada banyak kaedah teknikalnya untuk mengelak daripada jualan langsung ini. Bila kita tetapkan empat ia letakkan tiga campur-campur dan akhirnya boleh mengelak daripada Akta Jualan Langsung yang kita lihat ada dalam pasaran.

Oleh sebab itulah dalam beberapa perkara ini harapan saya ialah kita harap dapat penjelasan dan pihak kementerian dapat bersedia dengan bilangan jumlah penguat kuasa yang cukup, berapa bilangan yang kita sediakan dan apakah bentuk kemahiran yang telah kita berikan kepada penguat kuasa kita ini untuk pastikan boleh melaksanakan dan menyelamatkan ramai rakyat Malaysia yang tersilap dan terpengaruh dengan menyertai skim yang sebenarnya tidak memberikan manfaat kepada peserta.

Saya ingin dapat tahu penjelasan daripada pihak kementerian, apakah ada juga garis panduan dan peraturan yang sebegini ketat juga kita kenakan kepada MLM yang datang daripada luar Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya harap akta ini mampu dilaksanakan, diklasifikasikan dan dijalankan dengan baik untuk menyelamatkan ramai yang tersalah pilih dalam menyertai perniagaan ini. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Majjol bin Mahap.

4.28 ptg.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut berbahas secara ringkas mengenai dengan suatu akta untuk meminda Akta Jualan Langsung 1993. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana berjaya untuk melihat tentang keperluannya meminda

Akta Jualan Langsung 1993 ini. Akta ibu ini baru sahaja dibuat di Parlimen lebih kurang tujuh tahun yang lalu.

Akan tetapi sekarang ini kita nampak bahawa kementerian datang balik ke Parlimen ini untuk meminda akta ibu itu. Saya percaya ia dibuat atas dasar bahawa memang ada ketirisan, memang ada kelemahan dalam beberapa segi dalam pelaksanaan ataupun pentadbiran akta ibu itu dan sudah tentu dengan pengalaman itu, maka perlu kementerian untuk meminda akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini adalah satu daripada rangkaian usaha kerajaan untuk melindungi pengguna. Selain daripada akta ini kita juga mempunyai akta *consumer* atau Akta Perlindungan Pengguna (*Consumer Protection Act*), kita juga ada Akta Kontrak, Akta Perlindungan Peribadi. Semuanya ini menjuruskan kepada suatu usaha kerajaan untuk memastikan bahawa pengguna betul-betul dilindungi daripada segala penipuan dan sebagainya.

■ 1630

Saya harap bahawa dengan pindaan ini maka tiada lagi ruang untuk penipuan akan berlaku. Apa yang kita mahu ialah ada prototaip untuk *make sure* dengan izin, daripada kerajaan untuk memastikan tiada lagi ada *loopholes* atau *lacuna* dalam undang-undang kita, untuk memastikan bahawa pengendalian undang-undang dari segi perlindungan pengguna ini adalah mantap selalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong mengenai dengan Akta Jualan Langsung ini satu mekanisme, satu kaedah untuk *marketing* - untuk memasarkan *product* dan *services* kita. Satu kaedah kita untuk bagaimana kita *market* ataupun memasarkan *services* atau *product* kita secara jualan langsung ini. Salah satu daripada cara yang begitu inovatif mengikut kepada peredaran zaman manusia lebih pintar, pengusaha-pengusaha tidak lagi tinggal di pejabat atau di stor. Akan tetapi harus keluar dari situ, jumpa dengan pelanggan-pelanggan untuk memasarkan produk ataupun perkhidmatan mereka.

Dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hanya menyentuh tentang sedikit *salvations* dengan izin, yang pertama mengenai dengan *enforcement* dengan izin. *Enforcement* adalah satu yang memang susah sebab memerlukan banyak aspek. Kita perlu - pertama undang-undang dan peraturan, memang yang sedia ada oleh kementerian. Akan tetapi yang kita harus mempunyai *dedicated enforcement people* - yang betul-betul dedikasi, yang boleh menjalankan tugas, yang boleh dipercayai, yang sudah dilatih. Iaitu *to enforce* - untuk melaksanakan tugas itu seperti mana yang dikehendaki dalam akta ini. Saya berharap agar kementerian memberi latihan yang secukupnya kepada *enforcement*, kerana *enforcement* ini juga merupakan satu aspek yang banyak menggunakan duit untuk bayar gaji dan sebagainya. Saya harap mereka juga dilatih sebaik-baiknya untuk mengelakkan segala ketirisan dalam melaksanakan tugas mereka.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah tentang *public education awareness* dengan izin. Saya rasa bahawa untuk menyebarkan tentang semangat dan perisian akta ini, saya mengesyorkan kepada kementerian supaya mencari jalan supaya ini disebarkan secara seluruhnya kepada pengguna, kepada orang ramai. Ini supaya mereka tahu tentang hak mereka, hak undang-undang, hak asasi mereka tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh, seperti mana yang terkandung dalam akta ini. Kalau boleh kementerian akan *engaged* dengan NGOs, dengan parti-parti politik supaya mereka ini seterusnya akan mengawal ahli-ahli mereka tentang kandungan akta ini. Ini supaya mereka nanti tahu tentang bahaya jika terus silap atau terus silap pilih tentang jualan langsung ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan *investigation* - penyiasatan yang kadang-kadang terlalu lama mengambil masa. Saya sebut ini sebab melalui pengalaman walaupun kita mempunyai *judiciary system* - sistem *judiciary* yang cekap dan baik. Akan tetapi selalunya yang menjadi masalahnya ialah tentang proses penyiasatan itu. Kalau seorang didapati bersalah dalam akta ini tetapi penyiasatan itu terlalu lama untuk mengambil untuk menyiapkan, maka ia sendiri akan menyusahkan kepada proses kita untuk menyiasat.

Saya sebut dua kes yang memang saya tahu berlaku di Kota Kinabalu, di mana pelabur-pelabur melalui skim yang diperkenalkan oleh beliau ini akhirnya menjadi satu cara

penipuan. Ada yang melabur begitu banyak wang - ratus ribu di dalam skim itu akhirnya lenyap begitu sahaja. Apabila dilaporkan kepada pihak berkuasa, pihak berkuasa kata mengambil tindakan. Akan tetapi terlalu lama sampai ia *fed-up*, sudah tidak boleh tunggu maka ia ambil tindakan undang-undang sivil. Ia ambil tindakan undang-undang sivil pun kadang-kadang terlalu lama juga, apabila dapat *judgement* hanyalah *paper judgement*. Kita *enforce* kepada orang buat *business* itu - jualan langsung itu pun sudah tiada, jadi lesap begitu sahaja. Jadi yang maksud saya di sini ialah proses penyiasatan itu harus dipinda, supaya apa yang ingin disuarakan - apa yang ingin mahu disiasat itu mendapat keputusan yang cepat dan memuaskan diri.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan *main power* ataupun kakitangan yang terlatih saya sudah sebut tadi - tetapi ini mengenai dengan penyelidikan. Kalau kita lihat tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa, kalau ada skim jualan langsung yang diperkenalkan maka sebelumnya diiktiraf sebagai sesuatu *business* yang sah, seorang atau kementerian itu harus membuat satu penyiasatan - buat satu penyelidikan tentang sama ada ia boleh terima atau tidak.

Sebagai contoh di nota lapan di sini - yang mesti diselidiki sama ada kehendak struktur skim, pelan pengendalian ataupun proses berantai, piramid yang ketat atau tidak melalui Sabah bagi kelayakan peserta untuk diberi bonus atau faedah lain. Juga di nota sembilan - ia kata pengunduran diri oleh peserta-peserta daripada skim, pelan pengendalian atau proses berantai piramid tidak dibenarkan.

Semuanya ini melibatkan satu penyelidikan. Kalau tidak selidik, maka *defeat the purpose* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Jadi soalan saya ialah, adakah kita mempunyai *main power* yang terlatih untuk membuat penyelidikan ini? Ini kerana ia merupakan satu proses yang lama dan kalau tidak, maka satu permohonan itu akan hanya ditolak begitu sahaja. Saya rasa itu yang saya ingin komen di sini Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

4.38 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1993, apabila undang-undang ini mula digubal saya lihat bahawa tujuannya lebih merupakan untuk mengawal kegiatan-kegiatan yang semakin bertambah dalam aktiviti ini. Akan tetapi, cara mereka hendak mengawal itu ialah dengan menentukan bahawa mereka yang menjalankan aktiviti penjualan langsung ini hendaklah meminta lesen. Akan tetapi malangnya ada pihak-pihak, pertubuhan atau perseorangan yang menjalankan kegiatan tanpa lesen. Ada juga mereka yang sudah mempunyai lesen tetapi menjalankan kegiatan dengan melanggar syarat-syarat dalam lesen tersebut. Dengan demikian, maka sering berlaku pihak pengguna atau pembeli menghadapi kerugian.

Ada dua jenis kerugian. Pertama ialah, di antara barang-barang yang dijual itu termasuk misalnya ubat-ubatan atau kosmetik dan sebagainya, kita lihat seolah-olah - terutama sekali berkenaan dengan ubat, cendawan ataupun ubat vitamin misalnya dikemukakan sebagai boleh mengubati segala penyakit. Jadi dengan demikian, boleh tertipu si pengguna itu dengan memikirkan bahawa penyakitnya dapat diubati dengan benda yang dijual secara langsung atau secara piramid itu.

■ 1640

Keduanya ialah dalam satu sistem piramid, biasanya pihak yang di atas sekali akan mendapat keuntungan yang begitu besar kerana bila dia ada lima orang di bawahnya, yang lima orang pula ada lima orang di bawah mereka pada tiap-tiap tingkat, tiap-tiap peringkat dipotong misalnya keuntungan ataupun dalalnya.

Akhir sekali mereka yang di peringkat bawah sekali bukan sahaja terpaksa menjual barang dengan harga mahal akan tetapi mendapat keuntungan yang sangat kecil. Jadi kita harus bezakan dari segi penjualan ini terutama sekali di antara golongan yang mendapat keuntungan yang besar di atas itu, dengan golongan yang di bawah yang tidak mendapat keuntungan dan kadang-kadang terdiri daripada golongan susah, golongan pelajar yang memerlukan wang melalui sistem ini untuk penghidupan ataupun pelajaran mereka.

Kemudian pada pindaan tahun ini, tahun 2010 ini saya lihat ada sedikit perubahan arah tujuan melaksanakan pindaan ini, iaitu ia lebih merupakan tujuan untuk melindungi pengguna tadi. Akan tetapi dalam soal melindungi pengguna ini dikaitkan juga dengan tindakan-tindakan hukuman yang akan dikenakan terutama sekali ke atas syarikat atau orang perseorangan yang melanggar undang-undang.

Hukuman ini dilebihberatkan umpamanya sesuatu syarikat seperti terkandung dalam 27B, kita lihat bahawa bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya didenda tidak kurang daripada RM10 juta dan tidak lebih daripada RM50 juta. Jadi ini untuk syarikat. Akan tetapi kalau orang perseorangan yang melakukannya iaitu RM1 juta dan tidak lebih daripada RM10 juta. Atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun.

Jadi sekarang ini yang – dan bagi pengarah-pengarah dan sebagainya begitu juga seperti hukumannya ke atas individu-individu yang melakukan kesalahan ini. Menjadi persoalan kepada saya ialah dua perkara.

Pertama, apakah alasan untuk mengenakan denda yang begitu tinggi. Kadang-kadang saya melihat seolah-olah kurang sifat kemanusiaannya jikalau denda itu terlalu tinggi untuk kesalahan yang seumpama ini.

Keduanya ialah kalau kita denda dan kalau kebetulannya orang yang mempromosikan penjualan ini adalah daripada golongan yang saya katakan rendah tadi.

Kalau didenda misalnya walaupun yang minimum RM1 juta denda itu masih terlalu tinggi dan tidak berkemampuan untuk mereka yang membuat kesalahan itu untuk membayarnya. Jadi saya harap akan dapat difikirkan soal ini supaya kita tidak kelihatan seolah-olah terlalu zalim atau tidak bertimbang rasa kepada terutama sekali golongan bawahan yang cuba mencari rezeki dengan usaha ini. Bukan untuk yang di atas mencari keuntungan besar daripadanya.

Kemudian dari segi seksyen 29A pula dan ini memang saya rasa selalu berlaku di mana kuasa diberi dan di sini sekurang-kurangnya diberi oleh mahkamah untuk mengawal misalnya dengan boleh mengambil tindakan dengan sesuatu waran yang dikeluarkan. Akan tetapi disebutkan di sini ialah bahawa kekerasan boleh dilakukan di waktu penyerbuan ataupun di waktu pemeriksaan.

Perkara yang tidak memuaskan hati saya di sini ialah tidak disebutkan apakah jenis kekerasan yang dimaksudkan. Ini kerana kalau tidak dijelaskan apa dia kekerasan itu maka kita bimbang nanti sampai pergi kepada yang ekstrem boleh berlaku misalnya pembunuhan atau penembakan dan sebagainya yang boleh disalahtafsirkan sama sekali oleh pihak yang melakukannya.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu saya yang hendak saya katakan. Jadi perkara pokoknya ialah saya ingin difikirkan pertimbangan yang lebih berperikemanusiaan dalam hukuman terutama sekali bagi golongan yang terlibat dengan penjualan ini tetapi mereka adalah di peringkat yang rendah dan sebenarnya melakukan perniagaan itu sebagai satu usaha yang mereka anggap sebagai usaha mencari rezeki yang halal.

Terutama sekali seperti yang disebutkan tadi di kalangan pelajar-pelajar. Ada pelajar-pelajar yang terlibat misalnya semata-mata dengan percubaan untuk mengongkosi pelajaran mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

4.45 ptg.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya untuk menyentuh sedikit berhubung dengan Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010. Kita telah mendengar ramai Ahli Yang Berhormat menggambarkan rintihan sejak bilangan mereka yang telah menjadi ahli kepada syarikat-syarikat jualan langsung yang akhirnya kecundang.

Ini kerana yang pertama, kekurangan ilmu ataupun pengetahuan. Keduanya *business model* ataupun cara berniaga tiap-tiap satu syarikat itu yang tidak langsung memberi peluang untuk ahli merasa nikmat dalam syarikat tersebut.

Kita tahu bahawa perniagaan jualan langsung telah bertapak di negara kita sejak dahulu lagi. Antaranya seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi Amway dan juga Tupperware. Hari ini kita tengok di antara 12 syarikat jualan langsung yang terbesar di dunia saya halusi ada lebih daripada 60 peratus atau tujuh atau lapan syarikat itu beroperasi di Malaysia.

Ini menggambarkan bahawa masyarakat Malaysia ini mudah dipelawa untuk menjadi mana-mana syarikat jualan langsung. Itu tidak termasuk bilangan syarikat jualan langsung yang lahir di Malaysia sendiri walaupun produk itu bukan lahir dari Malaysia, dibawa masuk dari mana-mana negara luar, daripada China, daripada Amerika Syarikat kononnya dan dilabel sebagai produk yang bermutu tinggi.

Ini yang kononnya menjadikan satu daya penarikan kepada ahli-ahli untuk ataupun orang ramai menjadi ahli kepada syarikat-syarikat jualan langsung. Sekarang dengan adanya perubahan undang-undang ini kita masuk kepada *next level*, iaitu kalau dahulu apabila syarikat jualan langsung mula-mula beroperasi *entry point*nya cukup murah. Saya sendiri mungkin telah menjadi lima atau enam ahli kepada lima atau enam syarikat jualan langsung.

Ini kerana pada ketika itu kita isi borang dengan RM20 sahaja, kita sudah dapat satu manual dengan *business plan*, dengan produk *sampling*nya dan sudah cukup untuk kita menjadi ahli. Akan tetapi hari ini dengan market yang lebih sofistikated, dengan cara pemasaran yang baru ahli-ahli hari ini terpaksa membayar lebih mahal. Sebagai contoh kalau kita hendak menjadi seorang ahli baru kepada syarikat jualan langsung yang mengedarkan minuman yang kononnya mempunyai *medicinal value* yang tinggi dengan izin, maka dia kena bayar sekurang-kurangnya RM2,000.

Begitu juga dengan pil-pil kesihatan yang lain. Produk-produk kesihatan yang lain. Ini memerlukan sedikit *effort* ataupun pekerjaan ataupun usaha daripada ahli itu. Berbanding dengan dahulu *entry point*nya murah akan tetapi dia kena berusaha dengan jualan yang tinggi. Hari ini dia tidak payah berusaha dia hanya bayar tinggi, mungkin kena mencari dua atau tiga ahli baru, cukup dan dia hanya tunggu pulangan bonusnya yang kononnya menjanjikan sesuatu yang *very lucrative* dengan izin.

■ 1650

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang cuba saya tekankan di sini ialah saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kementerian yang sedar bahawa sudah sampai waktunya kita menggubal undang-undang ini dengan mengetatkannya lagi, supaya bilangan masyarakat tidak lagi ditipu ataupun teraniaya dengan sewenang-wenangnya. Mungkin salah satu caranya hari ini ia lebih mudah kerana syarikat jualan langsung menggunakan *networking system* perbankan. Ini kerana mode atau mod pembayaran adalah sama ada dengan pembayaran *online* ataupun melalui kaunter ataupun juga melalui *credit card*.

Saya rasa ini boleh dibendung kalau pihak kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya kita boleh mengesan di peringkat awal syarikat-syarikat jualan langsung ini yang beroperasi terutamanya tanpa lesen. Ini kerana kita sedar bahawa kadang-kadang kalau kita sudah terlewat sudah ramai ahli atau orang ramai teraniaya mungkin ini merugikan kita. Di samping itu juga salah satu kelemahan orang Malaysia ini ialah apabila kita melihat idola-idola kita menjadi kononnya duta ataupun *ambassador* kepada produk mahupun kepada syarikat-syarikat jualan langsung.

Jadi itu juga kena diambil kira, kalau seorang penyanyi terkenal misalnya dilantik menjadi *ambassador* maka peminat-peminat penyanyi itu akan ramai-ramai menjadi ahli. Di samping itu juga saya juga merayu kepada Yang Berhormat Menteri sendiri, kadang-kadang kita akui bahawa Yang Berhormat Menteri dijemput untuk merasmikan syarikat-syarikat jualan langsung yang baru. Apabila diiklankan di surat khabar secara tidak langsung bahan itu juga digunakan bagi menarik orang ramai untuk menjadi ahli. Ini...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat, yang mengatakan bahawa jualan langsung ini banyak pergi kepada aspek individu, yang mana bahan itu sendiri ataupun produk yang hendak dijual itu masih lagi menjadi tanda tanya. Dari segi spesifikasi kalau kita lihat dalam akhbar-akhbarnya begitu menarik sekali, kalau kita tengok air, melimpah-limpah antioksidanya. Kalau kita tengok dari segi produk kecantikan, halal, tidak hal ini dan sebagainya begitu banyak.

Kalau kita tengok dalam akhbar-akhbar yang hendak jadi awet muda, orang lelaki hendak jadi bertenaga muda dari segi zahir mahupun dari segi batin. Banyak sangat soalan, siapakah yang mengendalikan *verification* dengan izin, bahan-bahan ini, adakah SIRIM? Adakah ianya dibawa dan apakah daripada semasa ke semasa produk-produk ini masih lagi boleh dipakai? Takkanlah sekali sahaja *batch* yang dihantar itu betul. Akan tetapi apabila dijual, di pasar barang-barang ini sudah menjadi lain, ia sudah menjadi *adulterated* dengan izin. Inilah yang menjadi tanda tanya dan pengguna itu akan menjadi mangsa kepada jualan langsung ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai ini?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya akan sentuh sekejap lagi. *Point* yang ketiga, yang juga relevan dengan apa Yang Berhormat sentuh tadi, iaitu kita kena akui bahawa kenapa ahli-ahli menjadi syarikat jualan langsung kerana mereka juga ingin meraih keuntungan. Apabila syarikat jualan langsung ataupun *multilevel marketing* mengadakan sesuatu produk dengan sekian harganya.

Harganya yang boleh dikatakan tinggi ini sudah tentu termasuk dengan *overriding commission*, beberapa *level* yang di dalam proses menjualkan produk tersebut. Jadi di sini saya mungkin boleh minta pandangan Yang Berhormat Menteri supaya harga barangan yang dijual oleh syarikat-syarikat jualan langsung ini juga dikawal. Bak kata saya tadi, mana mungkin satu botol ubat multivitamin contohnya, digunakan untuk tempoh satu bulan harganya kadang-kadang sampai RM300. Itu satu faktor yang saya rasa menyebabkan kenapa orang hendak menjadi ahli.

Di samping itu juga sebagai menyentuh komen daripada Yang Berhormat tadi, di samping harga kita kena pastikan juga kualiti dan kesahihan produk itu terutamanya produk-produk yang melibatkan perubatan dan alat-alat kecantikan. Ini kerana kita dapat tahu ada juga ahli-ahli ataupun orang ramai yang menggunakan produk-produk kecantikan akhirnya tertipu dan mendapat kesan-kesan sampingan. Jadi saya tidak dapatlah menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi secara terus kerana sepatutnya produk-produk itu mesti mendapat kelulusan dari pihak-pihak tertentu. Kalau produk-produk perubatan mestilah mendapat daripada Kementerian Kesihatan sebelum diluluskan untuk dipasarkan.

Jadi saya itulah komen dan pandangan saya Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.57 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas dan mengemukakan pandangan dan cadangan kepada pihak kementerian di dalam isu jualan langsung ini. Sebenarnya tujuan penting kerajaan meminda akta ini ialah kerana terlalu banyak penipuan yang dilakukan pada akhir-akhir ini, yang berkaitan dengan jualan langsung ini terutamanya yang melibatkan dengan skim piramid dan sebagainya.

Di dalam akta yang lepas, di dalam akta ibunya skim piramid tidak langsung diperjelaskan. Oleh itu berlaku penipuan-penipuan dan menyebabkan tiada tindakan yang tegas boleh diambil terhadap mereka yang melakukan penipuan. Begitu juga dengan perkembangan dunia yang semakin moden. Maka transaksi jualan langsung bukan hanya dari pintu ke pintu. Bukan hanya daripada dengan menggunakan pos tetapi pada hari ini ia bergerak dengan lebih ke depan daripada akta yang ada apabila penjual ataupun pihak yang terlibat dengan jualan langsung menggunakan cara menjual secara elektronik dan sebagainya melalui *internet*, melalui *hand phone* dan sebagainya.

Di bawah definisi yang lama juga tidak disebutkan mengenai transaksi secara elektronik, sama ada melalui *internet* ataupun melalui telefon. Dengan itu adalah sukar bagi pihak kementerian untuk mengambil sebarang tindakan jika berlaku perkara-perkara seperti ini. Oleh sebab itulah tujuan utama dibuat pindaan pada akta ini ialah untuk memasukkan definisi yang jelas mengenai skim piramid dan juga memasukkan definisi tentang bagaimana sistem itu boleh di promosi dan tindakan diambil apabila terdapat transaksi melalui elektronik.

Satu lagi yang penting ialah hukuman yang berat. Saya mungkin tidak ikut giliran kerana saya sudah sebut ini. Misalnya dari segi soal hukuman. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali misalnya menyebut, kenapa hukuman yang dikenakan adalah terlalu keras? Adakah tindakan itu tidak dianggap sebagai tindakan yang zalim? Sebenarnya, mereka yang menipu adalah lebih zalim daripada pihak kerajaan yang cuba untuk melindungi kepentingan pengguna.

■ 1700

Pada hari ini kalau kita lihat, mereka yang tertipu adalah daripada golongan-golongan yang miskin, rakyat-rakyat biasa, masyarakat di luar bandar yang tidak memahami hak mereka dan sebagainya akhirnya ditipu oleh penganjur-penganjur skim piramid ini.

Jadi, kalau dahulu apabila berlaku penipuan misalnya hukuman yang dikenakan adalah terlalu kecil dan mereka yang mempunyai syarikat ini mampu untuk membayarnya dan akhirnya mengulangi perbuatan yang sama lagi. Oleh sebab itulah pada kali ini, kita merasakan bahawa undang-undang yang lebih ketat dan keras perlu dikenakan sebagai *deterrent* kepada perbuatan mereka dengan izin. Kita percaya jika hukuman yang lebih berat dikenakan, maka rakyat yang dizalimi oleh mereka ini akan dapat kita lindungi. Jadi, oleh sebab itulah - Ini adalah antara perkara-perkara penting di dalam pindaan akta ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan juga Senator Dato' Mustafa Kamal dan sebagainya yang menyokong pindaan ini. Cuma ada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal mengenai terdapat sedikit kekeliruan mengenai *figures* yang diberikan. Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai kes gores dan menang, dan sebagainya. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kes gores dan menang tidak termasuk di bawah Akta Jualan Langsung ini.

Pihak kementerian juga sedar bahawa gores dan menang merupakan isu yang sedang hangat diperkatakan pada hari ini kerana banyak penipuan yang berlaku akibat dari segi kes gores dan menang ini. Pihak kementerian akan membuat pindaan kepada Akta Perihal Dagangan kerana kes gores dan menang terletak di bawah Akta Perihal Dagangan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai *fund loading*, rekrut ahli, dan sebagainya. Sebenarnya inilah yang kita gariskan secara *detail* di dalam pindaan akta ini.

Jadi, ada Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal ada menyebutkan beberapa contoh. Yang sebenarnya yang dicontohkan oleh Yang Berhormat itulah sebenarnya yang terdapat di dalam akta ini. Banyak kes-kes ini. Ini yang disebutkan sebagai piramid tadi yang dahulunya tidak ada dalam akta ini, terlalu kabur, kelompoknya terlalu besar yang menyebabkan kita tidak dapat mengawalinya.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ada menyebutkan mengenai - bertanya tentang sama ada syarikat jualan langsung ini didaftarkan di bawah Akta Syarikat ataupun didaftarkan di bawah Akta Jualan Langsung ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya dari segi prosedurnya, ianya seperti syarikat biasa yang lain. Kalau Sendirian Berhad ia mesti didaftarkan di bawah Akta Syarikat dahulu dan selepas mendaftar di bawah Akta Syarikat, barulah mereka memohon untuk mendapatkan lesen jualan langsung di bawah kementerian.

Jadi, perlu ada dua lesenlah. Lesen asas selaku syarikat dan lesen jualan langsung. Mengenai transaksi secara *online* tadi seperti saya sebut memang di bawah akta ini diperuntukkan dengan jelas di bawah seksyen 6(a), dan seksyen 19(a) yang jelas di bawah akta ini tentang transaksi secara elektronik.

Kedua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz dan Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap ada menyebutkan mengenai kempen-kempen kesedaran yang diperlukan. Kita amat memahami dan sedar perkara ini bahawa ramai yang tertipu adalah mereka yang kurang arif mengenai perundangan biasanya masyarakat di luar bandar, golongan-golongan bawahan, dan sebagainya banyak ditipu dengan janji-janji kosong yang dibawa oleh penganjur-penganjur jualan langsung dan juga *multilevel* ini.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kempen-kempen kesedaran dan sebagainya perlu dilipat gandakan dan pihak Kementerian memang berhasrat untuk mengadakan lebih banyak kempen-kempen sebelum golongan-golongan ini terlibat di dalam jualan langsung. Selepas daripada akta ini diluluskan, kita akan memperbanyakkan *roadshow* melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna yang akan turun ke bawah menerangkan mengenai perkara-perkara ini termasuk di kawasan luar-luar bandar dan sebagainya.

Sebenarnya, memang kawasan luar bandar kita berikan tumpuan dan saya sendiri akan ke Sabah pada 31 hari bulan ini untuk melancarkan Kelab Pengguna Luar Bandar dan kita akan fokus kepada luar bandar dan sebagainya. Ini kerana, memang kita amat memahami isu ini amat besar kepada masyarakat-masyarakat di luar bandar ini. Jadi, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi tadi seperti mengadakan kursus dan sebagainya akan kita lakukan.

Mengenai isu *territorial jurisdiction* ke atas pemakaian Akta Jualan Langsung. Sebenarnya, akta ini memang terpakai kepada transaksi yang melibatkan pengguna di Malaysia yang dilakukan dan dimuktamadkan di Malaysia. Itu memang kita tidak pakai, memang *clear*. Akan tetapi kalau pengguna di Malaysia yang melibatkan syarikat luar, ini masalah besar. Pengguna di Malaysia, kalau syarikat luar yang berniaga di Malaysia dan itu senang kita lakukan. Akan tetapi kalau melibatkan syarikat berada di luar negara dan kerana kita boleh mengadakan secara *online* pada hari ini misalnya di negara kita melalui Internet kita mengurus niaga dengan syarikat yang berada di luar negara. Walau pun kita mempunyai *territorial jurisdiction*. Walau bagaimanapun, isu yang besar adalah bagaimana untuk membawa syarikat tersebut ke muka pengadilan di negara kita. inilah sebenarnya yang menjadi masalah. Jadi, kita terpaksa membawa syarikat itu dengan kerjasama daripada negara yang berkaitan.

Oleh sebab itulah, kita mengadakan *Reciprocal Enforcement of Judgment Act*. Jadi, kita menggunakan akta ini untuk membolehkan, yang pertamanya keputusan mahkamah di Malaysia diterima pakai di negara luar. Walau bagaimanapun, kembalilah kepada realitinya dari segi *enforcement of judgment* adalah agak sukar. Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat di negara kita memang akan kita usahakan dan ada pihak yang merasa bimbang bagaimana kalau syarikat itu, tutup, bankrap, dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat tadi ada mencadangkan supaya kita menetapkan supaya diletakkan *fixed deposit* oleh syarikat itu sebelum kita luluskan lesen dan sebagainya. Sebenarnya, perkara ini sedang kita beri pertimbangan. Begitu juga ada pandangan mengatakan bagaimana kalau syarikat itu wangnya dibawa keluar dan sebagainya. Tutup kompeni ini buka kompeni baru dan bawa keluar.

Jadi, bagaimana perkara ini boleh dilakukan? Sebenarnya pihak kerajaan sedang membincang supaya kalau boleh kesalahan-kesalahan ini boleh juga diletakkan di bawah *Money Lending Act* (MLA). Bermakna, harta mereka juga boleh dirampas walaupun mereka telah pun *silent* kan dengan izin harta mereka ke tempat lain dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat kita sedar perkara ini adalah agak rumit dan kita akan bekerjasama dengan pihak Kementerian lain dan juga negara-negara lain berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang kita ada.

Mengenai penglibatan pelajar dan sebagainya, ini juga memerlukan satu program kesedaran di kalangan pelajar dan pihak Kementerian sedang dalam program untuk mewujudkan lebih banyak Kelab-kelab Pengguna di IPTA dan sebagainya, di mana boleh kita lakukan lebih banyak penerangan-penerangan kepada pelajar mengenai masalah ini.

Sebenarnya saya tahu ramai yang terlibat dalam MLM. Sewaktu saya *student* dahulu, saya pun pernah menjadi ejen Amway sekejap kerana hendak cari duit lebih. Dr. Syed Husin, dia tahulah, saya *student* dia waktu itu.

Iklan yang tidak beretika, sebenarnya kita akan membentangkan di dalam Dewan Negara ini, Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan) yang mana kita akan mewujudkan satu jawatankuasa khas, jawatankuasa pengiklanan yang akan memantau segala iklan-iklan yang dikeluarkan di dalam negara kita. Jadi saya rasa Yang Berhormat pun akan berbahas mengenai Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan) yang akan kita bentangkan.

Mengenai wakil pengedar, cadangan daripada Yang Berhormat supaya kita mensyaratkan supaya mereka mencarum kepada KWSP, PERKESO dan lain-lain. Untuk maklumat Yang Berhormat, ejen-ejen ini merupakan *independent business owner*, dengan izin. Dengan itu, mereka tidak tertakluk kepada untuk membayar KWSP dan sebagainya. Syarikat-syarikat tidak tertakluk untuk membayar KWSP. Mereka bukan pekerja tetap, mereka adalah *independent business*. Ia tidak tertakluk.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan oleh pihak Kementerian Kewangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa pihak kerajaan telah pun menyediakan satu skim iaitu KWSP secara sukarela. Ini bermakna mereka boleh mencarum tetapi tidak daripada syarikat untuk mencarum kepada mereka.

Fixed deposit saya sudah sebut. Mengenai iklan tadi saya sudah sebut. Wajah-wajah perempuan dan sebagainya yang digunakan untuk jualan langsung itu, saya sudah sebut tadi yang kita akan bentangkan akta lain tetapi tidak terikat, tidak tertakluk di bawah akta yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf ada memberi contoh tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak penganjur ini yang kadang-kadang mengenakan bayaran yang begitu tinggi, dan soalnya bagaimana kita hendak mengenal pasti sama ada ia piramid ataupun bayaran kepada perkara-perkara yang diperlukan seperti deposit, seperti yuran dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum satu-satu syarikat itu diluluskan lesen penjualan langsung, mereka perlu membentangkan pelan pemasarannya kepada pihak kementerian. Di antara pelan pemasaran yang dibentangkan termasuklah yuran-yuran yang perlu dikenakan kepada ejen-ejen dan sebagainya. Jadi sebelum pihak kementerian meluluskan, tentu sahaja pihak kementerian akan meletakkan syarat untuk tidak mengenakan syarat yang tinggi di dalam pembayaran yuran-yuran sebelum mereka menjadi ejen. Jadi, kalau mereka meletakkan *fees* yang begitu tinggi dan berbeza daripada apa yang ditetapkan oleh kementerian, ia termasuklah di bawah skim piramid yang dimaksudkan di dalam akta ini. Jadi jika itu berlaku, hukuman boleh dikenakan terhadap mereka.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya mohon sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ucapkan terima kasih dan yang terbaru berkenaan dengan lesen. Kita tidak tahu sama ada jualan langsung ini lesennya perlu diperbaharui setiap tahun atau pun sekali buat sudah kira habis. Kalau ada pelan pemasaran yang dikemukakan oleh kementerian, kemungkinan pelan pemasaran itu, okey.

Akan tetapi *next year* itu, adakah kementerian akan menerima laporan ataupun memang perlu lesen ini diperbaharui setiap tahun? Kalau perkara ini perlu diperbaharui setiap tahun, saya cadangkan agar pihak kerajaan boleh buat seperti yang SKM buat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ini bermakna lesennya ketat. Jadi kita hendak lihat, kalau perkara ini ada *renewal every year*, mungkin kita boleh *control*. Kalau tidak ada *renewal*, kemungkinan saya rasa pihak kerajaan boleh mencadangkan agar diberi laporan oleh

syarikat jualan langsung bagi memastikan ia berjalan mengikut pelan pemasaran yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan. Saya pohon pandangan. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, biasanya untuk syarikat yang baru didaftarkan, kita beri setahun sahaja. Kita akan lihat pada tahun kedua bagaimana prestasi mereka, bagaimana pematuhan mereka kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kementerian. Jika kepatuhannya bagus, kita boleh memberikan lesen sama ada setahun, dua tahun, tiga tahun atau lima tahun. Biasanya syarikat yang tidak ada masalah misalnya syarikat besar seperti Amway dan sebagainya, kita beri sampai lima tahun. Akan tetapi syarikat yang baru, kita akan pantau mereka dan mungkin setahun ke setahun ataupun kalau tahun kedua, ketiga sudah nampak gayanya patuh kepada peraturan, kita akan menambahkan kepada tiga tahun atau lima tahun dan sebagainya. Tujuan kita juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormatlah, supaya pelan pemasaran itu mereka patuhi dan tidak ada pertukaran dari segi itu.

Mengenai *Personal Data Protection Act*, ini sebenarnya di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf mengenai *levels* dalam jualan langsung sama ada setingkat atau berapa tingkat. Untuk *single level* tentu sahaja satu tingkat, manakala untuk *multilevel* tidak ada *limit* dari segi tingkatnya. Tidak ada *limit*. Mereka boleh mempunyai berbagai-bagai tingkat. Cuma yang perlu kita ada ialah *levels* itu mesti menjual produk.

Ada sesetengah – kalau yang ada *level* tetapi tidak ada produk hanya untuk *recruit* ahli, itulah yang kita katakan sebagai skim piramid tadi.

Mengenai penguatkuasaan...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Tidak. Maksud saya tadi Yang Berhormat Menteri ialah tentang *direct selling* ini ia ada *single level* dan *multilevel*. Jadi, apabila diapply untuk dapatkan Akta Jualan Langsung ini di bawah AJL, bermula daripada berapa *level* itu maksudnya sebab *single level* ini ada sampai tiga pun masih *single level*. Saya hendak pastikan di bawah Akta Jualan Langsung ini, berapa permulaan *level*nya baru dimasukkan di bawah AJL? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, ia tidak ada tetapkan *levels*.. Ia tidak ada minimum, maksimum dan sebagainya. Ia tidak ada tetapkan.

Satu lagi kes yang dibawa oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali mengenai seksyen 29(1) - Penggeledahan dan menggunakan kekerasan jika perlu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya walaupun ada seksyen seperti ini tetapi tidak bermakna akan berlaku kekerasan. Jika berlaku kekerasan, pihak yang dikerasi, pihak yang terlibat di dalam kekerasan tersebut masih mempunyai peluang untuk mengambil tindakan kepada pihak kementerian. Pihak yang dikasari. Pihak yang dikasari tadi, kalau berlaku kekasaran kepada mereka, mereka juga berhak untuk membawa kes kepada peringkat yang lebih tinggi. Jadi, bukanlah ini sebagai *absolute power* kepada pihak kementerian, pegawai kita untuk melakukan apa sahaja yang ingin mereka lakukan.

Jadi Yang Berhormat sekalian, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian, yang saya kira menunjukkan minat yang tinggi bagi membantu kementerian untuk mengurangkan masalah yang berlaku yang melibatkan kes-kes jualan langsung ini...

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada – Saya sudah *landing* ini.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Sudah *landing*?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sudah *landing*. Yang Berhormat ini hendak bantangkan Akta Setem Yang Berhormat ya. Kalau ada apa-apa, Yang Berhormat jumpa saya di luar. Saya akan *explain* kepada Yang Berhormat.

■ 1720

Minta maaf Yang Berhormat saya hendak *landing* sudah, *break* pun sudah tarik... [Ketawa] Hendak *take-off* semula itu bahaya, jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis Sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya, terima kasih. Saya pun dok tengok *time* itu pun sudah sikit sangat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010 untuk meminda Akta Setem 1949. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan tempoh proses pindah milik hartanah dicepatkan kepada maksimum dua hari. Ini adalah selaras dengan cadangan pasukan petugas khas pemudahan perniagaan PEMUDAH, supaya pendaftaran pindah milik hartanah dipendekkan dari sepuluh hari pada masa sekarang kepada dua hari sahaja.

Matlamat memendekkan proses pindah milik hartanah adalah salah satu daripada langkah untuk menambah baik kedudukan Malaysia dalam penarafan daya saing negara di kaca mata dunia. Secara ringkas proses pindah milik hartanah melibatkan pejabat setem di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, LHDN, Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta, JPPH, dan Pejabat Tanah. Surat cara pindah milik hartanah perlu disetemkan di pejabat setem LHDN sebelum dikemukakan kepada pejabat tanah. Peranan JPPH adalah untuk memastikan penilaian hartanah dibuat dengan tepat bagi menentukan amaun duti setem yang perlu dibayar oleh pembeli hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan pendaftaran pindah milik hartanah disegerakan, proses pembayaran duti setem perlu dipercepatkan. Untuk itu mulai 1 Mac 2010, JPPH telah mewujudkan klasifikasi hartanah kepada dua jenis iaitu *standard property*

dan *non-standard property* dengan izin. *Standard property* ditafsirkan sebagai rumah teres kediaman kecuali unit hujung, unit dengan binaan sambungan dan unit belum siap dan unit bertingkat iaitu rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium. Semua jenis hartanah selainnya diklasifikasikan sebagai *non-standard property*. Untuk *standard property*, proses penilaian untuk JPPH akan mengambil masa satu hari sahaja manakala untuk *non-standard property* penilaian akan mengambil masa sepuluh hari disebabkan pegawai JPPH perlu membuat lawatan ke premis untuk menilai harta tanah tersebut dengan terperinci.

Duti setem dapat ditentukan sebaik sahaja menerima penilaian hartanah tersebut daripada JPPH. Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010 ini bertujuan untuk mempercepatkan proses pindah milik hartanah bagi jenis *non-standard property* daripada sepuluh hari kepada dua hari. Untuk membolehkan pindahan milik *non-standard property* dibuat dalam tempoh dua hari juga, satu kaedah pentaksiran duti setem secara pilihan dicadangkan iaitu kaedah *gross up*, melalui kaedah *gross up* ini nilai sesuatu hartanah dinaikkan sebanyak 20 peratus daripada nilai yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli hartanah tersebut.

Pembayaran duti setem boleh dilunaskan sebaik sahaja nilai hartanah ditentukan, kemudian pindah milik hartanah boleh disegerakan, kadar *gross up* 20 peratus ini telah ditetapkan hasil kajian yang mendalam oleh pihak LHDN.

Walau bagaimanapun, amaun duti setem yang ditaksir tidak muktamad, duti setem tersebut merupakan duti awal, *advance duty* untuk membolehkan pembeli hartanah *non-standard property* membayar duti setem tanpa menunggu penilaian daripada JPPH, duti setem sebenar akan dikira setelah LHDN menerima penilaian daripada JPPH dalam tempoh sepuluh hari. Sekiranya nilai hartanah dari JPPH adalah kurang daripada nilai hartanah yang dibuat *gross up*, LHDN akan menukarkan balik duti setem terlebih bayar oleh pembeli hartanah. Sebaliknya sekiranya nilai hartanah daripada JPPH melebihi nilai hartanah yang dibuat *gross up*, LHDN akan menuntut baki setem yang patut dibayar. Dengan itu penyeteman (*stamping*) ke atas surat cara pindah milik hartanah *standard property* dapat dibuat serta-merta seterusnya membolehkan pendaftaran pinda milik hartanah dapat diselesaikan dalam masa dua hari.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penambahbaikan ini memerlukan pindaan kepada Akta Setem 1949 melalui Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010. Rang undang-undang ini melibatkan peruntukan baru, peruntukan lain yang berbangkit *consequential* kepada Akta Setem 1949.

Saya mohon menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 9 fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 mengenai takrif '*duty stamped*' susulan pengenalan *advance duty* iaitu duti awal.

Fasal 3 bertujuan memasukkan 36AA mengenai mekanisme bagi menentukan nilai hartanah yang dipindah milik berdasarkan kaedah *gross up*.

Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 36B bagi memberikan kuasa kepada pemungut duti setem untuk membuat taksiran tambahan jika amaun duti setem sebenar yang dibuat oleh penilaian yang dilantik oleh kerajaan lebih tinggi daripada duti awal yang telah dibayar.

Fasal 5 bertujuan memasukkan Seksyen 36C bagi memberikan...

■ 1730

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Mengutuk Keganasan Israel Terhadap Rakyat Palestin di Gaza

5.31 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, dunia mengutuk keganasan Israel terhadap rakyat Palestin khususnya penduduk Gaza. Dunia juga turut mengutuk tindakan Israel menyekat beberapa kapal misi kemanusiaan yang cuba menghantar barangan keperluan harian melalui jalan laut ke Gaza. Israel bukan setakat menghalang, tetapi juga menawan dan membunuh sukarelawan yang menyertai misi tersebut.

Sejarah kezaliman berdolak-dalik dan sikap keras kepala mereka telah terakam di dalam al-Quran. Dengan itu, kita tidak berharap lebih untuk Israel berubah sikap. Apa yang kita kesalkan, sedih dan marah ialah sikap saudara seagama dan sebangsa mereka yang berjiran dengan Gaza iaitu Mesir, turut menutup pintu sempadan dari ditembusi misi kemanusiaan untuk menghantar barang keperluan harian kepada penduduk Gaza. Kepatuhan mereka terhadap Israel dan Amerika Syarikat, nampaknya lebih tinggi lagi rasa kemanusiaan terhadap rakyat Gaza yang menderita dengan pelbagai masalah.

Malaysia sebagai sebuah negara anggota OIC yang juga mempunyai hubungan baik dengan Mesir, mestilah menggunakan hubungan diplomatik untuk mendesak Mesir membuka pintu sempadan, bagi memberi peluang bantuan untuk sampai ke Gaza. Platform OIC mestilah digunakan sepenuhnya untuk menekan Mesir supaya membuka pintu sempadan dengan Gaza.

Pada 7 Jun yang lalu, Parlimen Malaysia telah bersepakat meluluskan usul khas mengutuk serangan tentera Israel ke atas misi kemanusiaan ke Gaza. Walau bagaimanapun, sekadar mengutuk bagi negara haram Israel adalah merupakan satu resolusi yang langsung tidak berbekas bagi mereka, kerana Israel sudah biasa dengan kutukan dunia. Apa yang perlu dilakukan oleh kerajaan ialah tidak lagi membenarkan kapal dagang Israel seperti *Zim Genova*, *Zim USA*, *Zim Kingston*, *Zim Monaco*, *Zim Dalian*, *Zim Lovorno* dan sebagainya mendarat di Pelabuhan Klang selepas ini. Tindakan ini adalah munasabah kerana Malaysia tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel.

Saya meminta bantuan Kerajaan Malaysia agar turut menghulurkan sumbangan terhadap semua sukarelawan yang mahu berbakti di bumi Gaza. Saya difahamkan terdapat NGO yang tidak dihulurkan sumbangan oleh Kerajaan Malaysia, sewaktu mereka memutuskan untuk menyertai misi kemanusiaan tersebut. Kekuatan Israel sebenarnya bukan setakat kerana ia bersekutu dengan negara-negara barat, terutamanya Amerika Syarikat. Akan tetapi ia disumbangkan oleh tiadanya kesepakatan antara sekelompok

negara-negara, khususnya negara-negara Islam kecuali Turki dan Iran untuk mengambil agenda bertindak secara bersama bagi membantu rakyat Palestin.

Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya misi kemanusiaan untuk menghantar bantuan ke Gaza tidak hanya digerakkan oleh NGOs yang mempunyai keterbatasannya, sebaliknya misi kemanusiaan hendaklah turut digerakkan oleh Kerajaan Malaysia dan melobi peringkat pertubuhan negara-negara OIC atau gabungan antara beberapa buah kerajaan untuk menyertai misi bantuan rakyat Palestin ke Gaza. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G.Appu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin atas ucapan penanguhan beliau bertajuk, 'Mengutuk Keganasan Israel Terhadap Rakyat Palestin di Gaza'.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menyokong segala usaha badan bukan kerajaan dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin di Gaza. Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin Kementerian Luar Negeri telah diaktifkan semula ekoran daripada serangan Rejim Israel ke atas Gaza pada bulan Januari 2009.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin Kementerian Luar Negeri yang telah diwujudkan pada September 2002 untuk menyalurkan sumbangan bagi pembangunan semula infrastruktur di Gaza oleh rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin. Tabung ini diselia oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak April 2009 jumlah dana yang telah diagihkan kepada 14 buah NGOs Malaysia bagi melaksanakan pelbagai program bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza adalah sebanyak RM10,553,300. Ini termasuk sumbangan kepada *United Nations Children's Fund* dan *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East*. Pengagihan dana tabung kemanusiaan ini yang telah dibuat mengikut empat sektor utama iaitu:

- (i) bantuan keperluan asas;
- (ii) bantuan perubatan dan kesihatan;
- (iii) bantuan kepada kanak-kanak serta pembelajaran; dan
- (iv) pelaksanaan kerja-kerja amal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri telah memohon kerjasama berterusan daripada Kerajaan Mesir supaya pintu sempadan Rafah dibuka tanpa syarat bagi membolehkan bantuan kemanusiaan dihantar dan disalurkan melalui pintu sempadan tersebut. Sebagai makluman, Kerajaan Mesir hanya menerima bantuan kemanusiaan yang tidak diiringi atau *non-accompanied aid* dengan izin, yang akan diserahkan secara rasmi melalui Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir. Seterusnya bantuan tersebut akan dihantar kepada pihak Palestin di Gaza melalui saluran-saluran tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Mesir.

Dalam hal ini, kementerian buat masa ini menggesa semua pihak terutamanya NGOs supaya sentiasa mematuhi peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Mesir. Ini bagi membolehkan bantuan kemanusiaan tersebut dapat disalurkan tanpa sebarang masalah, dan halangan kepada kelompok yang disasarkan iaitu penduduk Palestin di Gaza. Perlu diperjelaskan di sini bahawa masalah yang sering dihadapi adalah, apabila pihak NGOs tertentu mengadakan misi ke Gaza tanpa memaklumkan terlebih dahulu secara rasmi kepada Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, serta tidak mendapat kebenaran rasmi dari Kerajaan Mesir yang bertanggungjawab mengawal pintu sempadan Rafah ke Gaza.

Sekali lagi, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia akan terus menyokong perjuangan rakyat Palestin dalam menuntut hak mutlak mereka dan menubuhkan sebuah negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat. Malaysia juga akan terus menyokong segala usaha masyarakat antarabangsa dan pihak NGO untuk memastikan bencana kemanusiaan yang menimpa rakyat Palestin di Gaza tidak berterusan. Sekian, terima kasih.

Kesopanan dan Kesusilaan Dalam Rukun Negara

5.39 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buah mulut manis bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang bersopan santun dan berbudi bahasa akan tinggal menjadi kenangan. Andaian ini akan menjadi benar dan sah, sekiranya tindakan drastik diambil oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan etika dan akhlak warganegara kita dan sesiapa sahaja yang bermukim di negara kita.

■ 1740

Ini adalah wabak berbahaya yang merebak dan kanser yang membunuh masyarakat. Jumlah penduduk mungkin meningkat dari segi kuantiti tetapi tidak ada kualiti sebagai manusia yang berwibawa dan bermanfaat, tahan uji, sedia berkorban dan cintakan tanah air. Keajaiban kerajaan Madinah mampu berdiri teguh dalam komposisi masyarakat majmuk zaman jahiliah dalam masa yang singkat kerana mereka didukung oleh akidah dalam ibadah dan diikuti dengan akhlak mulia dalam amalan seharian.

Berdasarkan kenyataan di atas, saya ingin mengusulkan persoalan dan juga mencadangkan tindakan penyelesaian seperti di bawah:

- (i) Siapa dan bagaimanakah agensi bertanggungjawab untuk pendidikan, pemahaman dan penguatkuasaan terhadap tanggungjawab wali dan muhrim dari segi aspek nafkah dan keselamatan serta maruah wanita sama ada sebagai anak dara, isteri, mahupun ibu tunggal. Adakah perkara-perkara ini dipantau dan diakreditasi dalam pentadbiran kerajaan sebagai sumber manusia yang dihasilkan dalam negara kita selain bijaksana dalam pelajaran?;
- (ii) meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah tanpa boleh dicabar atau diganggu gugat. Semakan semua prosedur dan meningkatkan kerjasama dan profesionalisme di antara polis dan penguat kuasa agama di semua negeri termasuklah melantik lebih ramai pegawai wanita dalam kes serbuan dan tangkapan kes jenayah sosial;
- (iii) melancarkan Kempen Jauhi Zina dan Berakhlak Mulia di semua sekolah dan perlu memahami adab berkeluarga dan bermasyarakat bersandarkan kepada asas fikah fardu ain; dan
- (iv) menambah ahli Lembaga Penapisan Filem dengan garis panduan lebih ketat bagi mengkaji semua implikasi tayangan kepada rakyat sejajar dengan matlamat agama dan negara dan tidak sewenang-wenangnya meluluskan rancangan berunsur seks dan tahyul atas nama hiburan dan pengajaran.

Kita berharap semua data dan fakta nombor serta paparan gambar dan watak seumpama haiwan dan jumlah tangkapan di dada-dada akhbar sekarang ini di seluruh negara akan dapat dibasmi sepenuhnya dengan penerapan nilai kesopanan dan kesusilaan berlandaskan agama yang dianuti dalam polisi negara. Peranan ibu bapa dan masyarakat secara sepadu dalam perilaku ini akan mencorakkan pemerintahan dan pentadbiran negara pada masa akan datang. Ia tidak harus dipandang remeh dan ia juga bukanlah kos

pembangunan yang telah kita kecapai. Kitalah yang berhak mengubah zaman moden ini dengan muncul sebagai negara contoh dalam berakhlak mulia dan maju. Terima kasih.

5.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillahir Rahmannir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi yang telah menyarankan beberapa cadangan dalam usul ucapan penangguhan yang bertajuk Kesopanan dan Kesusilaan dalam Rukun Negara seperti mana yang telah dibentangkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan Ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, proses pendidikan sebenarnya adalah merupakan proses yang berterusan bahkan di dalam Islam ianya disebut daripada dalam buaian sehingga sampai ke liang lahad... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Juga jika ditanya kepada siapakah yang bertanggungjawab ke atas proses pendidikan, maka secara mudah saya sebutkan sebenarnya semua orang adalah terlibat dan semua agensi kementerian juga adalah terlibat dalam proses pendidikan. Cumanya untuk lebih bersifat penjurusan tanggungjawab dan tugas, maka selain Kementerian Pelajaran juga Kementerian Pengajian Tinggi, maka agensi-agensi peringkat persekutuan dan negeri turut bertanggungjawab bagi proses melatih modal insan secara konsisten dan berkesan. Seterusnya penjelasan kerajaan terhadap isu dan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti berikut:

- (i) pemahaman dan penguatkuasaan terhadap tanggungjawab wali dan juga muhrim. Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) bertanggungjawab melakukan pelbagai program pendidikan pemahaman untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai tanggungjawab wali dan juga isu-isu hak wanita. Antara usaha yang dilaksanakan secara sepintas lalu dapat saya sebutkan, JAKIM dan juga JAIN ialah menyediakan kefahaman kepada pasangan bakal pengantin mengenai kepentingan wali dan juga kursus pra perkahwinan berdasarkan modul bersepadu pra perkahwinan Islam;
- (ii) program kesedaran mengenai tanggungjawab wali dan juga muhrim dan tanggungjawab anak kepada wali juga muhrim setelah mencapai umur baligh ataupun taklif yang dilaksanakan melalui modul yang dipanggil Modul Sakinah;
- (iii) mengadakan bengkel bagi memberikan latihan pemahaman dan pendedahan kepada pendaftar-pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk di Jabatan Agama Islam Negeri sebagai perunding cara kepada masyarakat umum mengenai hak dan tanggungjawab wali dan juga muhrim;
- (iv) isu berkaitan tanggungjawab wali juga diperjelaskan melalui forum, seminar, Seminar Rumahku Syurgaku dan seminar hak-hak wanita secara ceramah; dan
- (v) menyebarkan maklumat kepada masyarakat melalui media cetak seperti mana bidang kuasa wali dalam pernikahan melalui risalah-risalah, hak-hak wanita seperti mana perceraian, Rumahku Syurgaku, pengurusan perkahwinan di Malaysia, kod etika, pegawai runding cara khidmat keluarga dan berwaspada perceraian di usia umur anak menderita.

Ini sebahagian daripada contoh-contoh maklumat yang telah disebarkan melalui media massa dan daripada segi media elektronik pula iaitu melalui rancangan terbitan

JAKIM di RTM misalnya, program berkaitan kekeluargaan seperti mana Ad-Din dan Persada Jurnal. Terbaru bagi menambah koleksi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat, kita sedang menyiapkan dan akan dilancarkan dalam tempoh yang terdekat iaitu Modul Proses Perceraian ataupun Aliran Perceraian untuk tujuan bagi memudahkan terutamanya kalangan wanita yang memohon proses perkahwinan untuk dibubarkan dan tindakan yang perlu diambil di mana kaunternya, bahagiannya dan nombor telefon dan sebagainya bagi membantu memudahkan proses tersebut.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah dan penguatkuasaan. Kerajaan sebenarnya dari semasa ke semasa sentiasa mengambil langkah pengukuhan fungsi Mahkamah Syariah memandangkan pengasingan bidang kuasa secara eksklusif di antara Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah dijelaskan di bawah perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah tidak diganggu gugat sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak berkepentingan.

Dari segi prosedur dan juga konteks perjalanan proses perundangan di Mahkamah Syariah, sememangnya semakan sentiasa dibuat daripada semasa ke semasa di samping kerajaan sentiasa memberikan penjelasan kepada rakyat tentang prosedur yang berjalan di Mahkamah Syariah melalui program tertentu seperti mana program Mahabbah. Melaluinya isu undang-undang dijelaskan secara bersemuka kepada masyarakat untuk memberikan gambaran sebenar apa hak-hak yang sepatutnya diketahui oleh masyarakat baik dari segi perundangan mahupun prosedur mahkamah.

Di samping itu, melalui program pengukuhan perundangan dan langkah turun padang yang dikendalikan oleh agensi kerajaan terlibat, hasilnya masyarakat hari ini semakin celik kepada undang-undang. Di samping itu, kerajaan melalui JAKIM telah menyediakan:

- (i) Arahan Tetap, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) 2007 yang merupakan garis panduan umum dalam menguatkuasakan undang-undang kesalahan syariah di negeri-negeri; dan
- (ii) kod etika penguatkuasaan agama 2008 yang bertujuan bagi meningkatkan mutu kerja dan integriti pegawai penguat kuasa agama.

Selaku penyelarar di peringkat pusat JAKIM dari semasa ke semasa berusaha meningkatkan kerjasama antara Agensi Penguat kuasa Syariah Negeri (JAIN) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara kerjasama yang telah dijalinan ialah mengadakan latihan penyiasatan kepada pegawai penguat kuasa agama di Maktab Latihan Polis dan penglibatan pegawai polis dalam Operasi Penguatkuasaan Undang-undang Syariah dan juga JAIN. Pada masa ini juga semua negeri di Malaysia telah melantik pegawai penguat kuasa agama di kalangan wanita dalam menjalankan operasi penguatkuasaan, serbuan dan tangkapan kes-kes jenayah syariah.

Seterusnya, berkaitan dengan perkara 3, Kempen Jauhi Zina dan Berakhlak di Sekolah. Kementerian Pelajaran telah mempunyai program sendiri, kalau dapat saya sebutkan walaupun di luar daripada bidang tanggungjawab saya bahawa dalam menyediakan kempen kesalahan Jauhi Zina dan meningkatkan akhlak dan kesopanan di kalangan pelajar malah pendidikan mengenai rumah tangga dan kekeluargaan tidak asing dalam sistem pendidikan negara dan ia dijadikan sukatan pelajaran di sekolah menengah sama ada diserapkan dalam beberapa mata pelajaran sedia ada seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sains, Biologi dan juga Kesihatan.

■ 1750

JAKIM dan juga JAIN telah menjalankan kempen meningkatkan akhlak di kalangan remaja seperti mana program *outreach*, temu seru diperkasakan dengan golongan remaja untuk mendekati mereka, memberikan kefahaman, kesedaran dan cuba menarik mereka kembali ke pangkal jalan. Termasuk juga melalui penerbitan risalah isu-isu sosial diedarkan kepada orang ramai.

Seterusnya berkaitan perkara keempat iaitu mengenai penambahan ahli Lembaga Penapis Filem dan garis panduan penapisan filem yang lebih ketat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Dalam Negeri terhadap Lembaga Penapisan Filem. Input yang kita dapat daripada Kementerian Dalam Negeri memaklumkan keanggotaan Lembaga Penapisan Filem telah pun ditambah seramai sepuluh orang pada bulan Mac 2010 dengan menjadikan jumlah daripada 66 orang kepada 76 orang.

Keahlian ini sudah mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja penapisan filem di ibu pejabat sendiri dan juga stesen televisyen RTM, stesen Media Prima dan juga stesen TM Net, Internet Protocol Television. Garis panduan penapisan filem telah dikemas kini dan diterima secara positif oleh semua pihak yang terlibat dalam industri perfileman.

Fokus utama semasa penyediaan garis panduan ini ialah dari segi kesesuaian dan kehendak penerimaan masyarakat, unsur-unsur ideologi dan politik, sosiobudaya, keagamaan, ketertiban dan ketatasusilaan sentiasa dijaga dalam menggubal garis panduan tersebut.

JAKIM juga secara tidak langsung turut berperanan dalam pemantauan siaran filem dan drama di televisyen di negara ini. Ia dilakukan bagi mengekang kesan negatif kepada masyarakat akibat pemaparan imej dan gaya hidup dengan nilai-nilai yang tidak bersesuaian di rantau ini. Antara peranan JAKIM dalam menangani isu ini ialah:

- (i) JAKIM telah menghasilkan beberapa garis panduan berkaitan bahan-bahan yang disiarkan iaitu Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak Audio Visual berhubung dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dan Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam;
- (ii) JAKIM telah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri menerusi Mesyuarat Penyelarasan Kawalan Media bagi menyelaras tindakan yang bersesuaian bagi membendung perkara negatif dan bercanggah dengan Islam dari terus berlarutan; dan
- (iii) JAKIM tidak ketinggalan memantau stesen televisyen dan aduan yang disampaikan oleh orang ramai. Hasil pemantauan oleh pihak JAKIM dan maklum balas yang diterima daripada orang ramai akan disalurkan kepada pengendali stesen televisyen yang berkaitan dalam bentuk nasihat dan cadangan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 20 Julai 2010. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang.